

**ASIMILASI BUDAYA DALAM LIRIK LAGU RANDAI ADAT PERPATIH
MELALUI PENGAPLIKASIAN TEORI ORIENTASI BUDAYA
DI NEGERI SEMBILAN**

MUHAMMAD NURUDDIN BIN ABD RAZAK

UNIVERSITI
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2025



**ASIMILASI BUDAYA DALAM LIRIK LAGU RANDAI ADAT PERPATIH
MELALUI PENGAPLIKASIAN TEORI ORIENTASI BUDAYA
DI NEGERI SEMBILAN**

**MUHAMMAD NURUDDIN BIN ABD RAZAK
C21B2314**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian**

UNIVERSITI

MALAYSIA

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

KELANTAN

Universiti Malaysia Kelantan

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

☒

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

☐

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan
Muhammad Nuruddin Bin Abd Razak
C21B2314

Tarikh: 11/2/2025

Tandatangan Penyelia
Dr. Nordiniana Binti Ab Jabar

Tarikh: 11/2/2025

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang” segala puji ke hadrat ilahi Yang Maha Pengasih lagi Maha Pengampun.

Bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurniaNya saya telah berjaya menyelesaikan hasil penyelidikan ini dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih serta setinggi-tingi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menyelesaikan projek penyelidikan ini. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada pensyarah saya iaitu Dr. Nordiana Binti Ab Jabar yang telah banyak menyumbang idea, tenaga serta tunjuk ajar dalam membimbing saya bagi melaksanakan projek penyelidikan ini. Semoga segala kebaikan yang telah dicurahkan kepada saya akan dibalas semula oleh Allah S.W.T dengan ganjaran yang lebih baik pada masa akan datang.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu serta keluarga atas segala nasihat serta sokongan yang tidak berbelah bahagi sewaktu saya melaksanakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut sama-sama berganding bahu dalam mencurahkan idea, dari sudut masa dan tenaga dalam menyempurnakan kajian ini. Ribuan terima kasih diucapkan dan segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh mereka amatlah saya hargai.

Akhir sekali, saya berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat memberi banyak kebaikan serta manfaat kepada semua golongan masyarakat serta pihak kerajaan dalam memberikan pendedahan awal dan maklumat tambahan tentang perkara yang cuba disampaikan menerusi kajian ini. Segala kelemahan serta kekurangan dalam penyelidikan ini adalah berpunca daripada kekurangan diri saya sendiri dan segala kekuatan serta kebaikan semuanya hadir dengan keizinan Allah S.W.T. Sekian, terima kasih.

Muhammad Nuruddin Bin Abd Razak

No 99 Kampung Gajah Mati,

72100 Bahau Negeri Sembilan,

E-mel: nuruddinrazak2000@gmail.com

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang	2-4
1.2.1 Kesenian Randai Di Negeri Sembilan	4-9
1.3 Permasalahan Kajian	9-10
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop Kajian	11-13
1.7 Kepentingan Kajian	13
1.7.1 Kepentingan Kepada Negara	14
1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat	15
1.7.3 Kepentingan Kepada Individu	15-16
1.8 Kesimpulan	16-17
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	18-19
2.2 Kajian Lepas Mengenai Asimilasi Budaya	19
2.2.1 Tesis	19
2.2.1.1 Ijazah Doktor Falsafah	19-20
2.2.1.2 Ijazah Sarjana	20
2.2.1.3 Ijazah Sarjana Muda	20-22
2.2.2 Jurnal Dan Artikel	22-25

2.2.3 Buku	25-26
2.3 Kajian Lepas Mengenai Lirik Lagu Kesenian Randai	27
2.3.1 Tesis	27
2.3.1.1 Ijazah Doktor Falsafah	27
2.3.1.2 Ijazah Sarjana	28
2.3.1.3 Ijazah Sarjana Muda	29
2.3.2 Jurnal Dan Artikel	30-31
2.3.3 Buku Dan Akhbar	31-33
2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Orientasi Budaya	33
2.4.1 Tesis	33
2.4.1.1 Ijazah Doktor Falsafah	33-35
2.4.1.2 Ijazah Sarjana	35-37
2.4.1.3 Ijazah Sarjana Muda	37
2.4.2 Jurnal Dan Artikel	37-40
2.4.3 Buku Dan Akhbar	40-41
2.5 Kesimpulan	42
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendahuluan	43-44
3.2 Reka Bentuk Kajian	44-46
3.2.1 Dokumentasi	46-50
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	50-51
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	51-53
3.3.2 Analisis Dokumen	53-54
3.3.3 Teks	54-57
3.3.4 Artikel Jurnal / Buku	57-58
3.3.5 Sumber Internet	58
3.3.6 Temu bual	59
3.3.6.1 Temu Bual Berstruktur	59
3.3.7 Kaedah Pemerhatian	60
3.3.8 Kaedah Visual	60-61
3.4 Kaedah Analisis Data	61-62

3.4.1.1 Kaedah Tematik	63-64
3.4.2 Teori Orientasi Budaya	64
3.4.2.1 Pengenalan Teori Orientasi Budaya	64-65
3.4.2.2 Kaedah Penerapan Teori	65
3.4.2.3 Kerangka Konseptual Kajian	66
3.5 Penutup	67
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	68-70
4.2 Asimilasi Budaya	70-72
4.3 Aspek Asimilasi Budaya	72-73
4.3.1 Adat Perkahwinan	73-76
4.3.2 Aspek Bahasa	76-79
4.3.3 Aspek Perundangan	79-80
4.3.4 Aspek Makanan	81-86
4.3.5 Aspek Kepimpinan	87-90
4.4 Kualiti Pemimpin Adat	91
4.4.1 Konsep Pemimpin dan Kepimpinan Adat Perpatih	92-93
4.4.2 Tugas dan Tanggungjawab Pemimpin Adat Perpatih	93-98
4.4.3 Perubahan Pemimpin dan Kepimpinan	99-101
4.5 Lirik-Lirik Lagu Kesenian Randai	101-119
4.6 Potensi Kesenian Randai	119
4.6.1 Potensi Kepada Individu	119-120
4.6.2 Potensi Kepada Masyarakat	120-121
4.6.3 Potensi Kepada Negara	121-122
4.7 Penutup	123
BAB 5 RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	124-125
5.2 Rumusan Kajian	125-130
5.3 Implikasi Dan Cadangan Kajian	131-132
5.3.1 Implikasi Dan Cadangan Kepada Individu	132-133

5.3.2 Implikasi Dan Cadangan Kepada Masyarakat	133
5.3.3 Implikasi Dan Cadangan Kepada Negara	133-134
5.4 Kesimpulan	135
Rujukan	136-142

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1: Ringkasan Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis Data	61
Jadual 2: Senarai Kualiti Dasar Yang Perlu Diterapkan Pada Seorang Pemimpin Adat	92
Jadual 3: Senarai Lagu-lagu Kesenian Randai	101

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 Kerangka Konseptual Kajian	66
--------------------------------------	----

**ASIMILASI BUDAYA DALAM LIRIK LAGU RANDAI ADAT PERPATIH
MELALUI PENGAPLIKASIAN TEORI ORIENTASI BUDAYA
DI NEGERI SEMBILAN**

ABSTRAK

Negeri Sembilan mempunyai adat, kebudayaan, sejarah, tradisi dan sistem politik yang agak unik. Peribahasa “*biar mati anak, jangan mati adat*” telah menjadi pegangan hidup rakyat yang berketurunan Minangkabau. Adat Perpatih telah wujud di Tanah Semenanjung sejak kurun ke-14, kekal menjadi adat yang unik di Negeri Sembilan sehingga sekarang. Situasi ini amat jelas diterangkan dalam pembahagian harta pusaka, gelaran dan juga suku yang memihak kepada kaum wanita. Menurut sejarah, rombongan awal migrasi Minangkabau yang datang terdiri daripada kaum lelaki tetapi susurgalur keturunan seseorang itu adalah “mengikut perut” iaitu tertakluk kepada suku ibunya. Melalui persemendaan ini jugalah masyarakat Negeri Sembilan terpecah kepada 12 kumpulan yang dikenali dengan nama suku. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan. Permasalahan timbul apabila kurangnya kajian mengenai asimilasi budaya dalam lirik lagu Randai Adat Perpatih di Negeri Sembilan serta pemikiran skeptikal masyarakat masa kini yang menganggap kesenian Randai sudah ketinggalan zaman. Oleh yang sedemikian, pengkaji telah menetapkan objektif bagi menyelesaikan permasalahan tersebut dengan mengkaji aspek asimilasi budaya, mengenalpasti lirik lagu Randai serta menganalisis potensi kesenian Randai dalam menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan. Kajian ini turut menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian, analisis dokumen dan visual bagi mendapatkan data yang tepat dan sahih. Seterusnya, pengkaji telah membataskan kepada 10 buah lagu Randai Minangkabau yang menjadi simbolik kepada masyarakat Adat Perpatih serta dijadikan bahan untuk dianalisis bagi membuktikan kesahihan serta kewujudan asimilasi budaya yang terkandung di dalamnya. Selain itu, penggunaan Teori Orientasi Budaya dilihat mempunyai pertautan yang ketara dan rapat terhadap asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok masyarakat Adat Perpatih. Hasil dapatan kajian mendapati bahawasanya terdapat elemen asimilasi budaya yang berlaku dalam masyarakat Adat Perpatih yang tercermin melalui lirik lagu kesenian Randai. Lirik-lirik lagu ini mengandungi unsur nasihat, humor, sejarah dan nilai-nilai budaya yang mencerminkan kehidupan bermasyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Kesenian Randai didapati bukan sahaja berperanan sebagai medium dalam mengekalkan warisan budaya ketara, malah mempunyai potensi dalam menjana ekonomi dalam sektor pelancongan negeri. Sebagai cadangannya, pengkaji berharap agar kesenian Randai terus dilestarikan oleh semua lapisan masyarakat agar warisan ketara ini terus hidup dan berfungsi sebagai jambatan budaya bagi menghubungkan masyarakat dari masa ke masa.

Kata Kunci: Asimilasi Budaya, Lagu Randai, Adat Perpatih, Teori Orientasi Budaya, Nilai Budaya

CULTURAL ASSIMILATION IN THE LYRICS OF RANDAI SONGS OF THE PERPATIH CUSTOM THROUGH THE APPLICATION OF CULTURAL ORIENTATION THEORY IN NEGERI SEMBILAN

ABSTRACT

Negeri Sembilan has customs, culture, history, traditions, and a political system that are quite unique. The proverb "*better a child dies than a tradition*" has become a guiding principle for the Minangkabau descendants. The Adat Perpatih has existed in the Malay Peninsula since the 14th century, remaining a unique custom in Negeri Sembilan to this day. This situation is clearly explained in the division of inheritance, titles, and clans that favor women. According to history, the early migration group of the Minangkabau consisted of men, but a person's lineage is "according to the womb," meaning it is subject to the mother's clan. Through this settlement, the people of Negeri Sembilan were also divided into 12 groups known as tribes. Therefore, this study aims to analyze Cultural Assimilation in the Lyrics of Randai Songs of the Perpatih Custom Through the Application of Cultural Orientation Theory in Negeri Sembilan. Problems arise due to the lack of studies on cultural assimilation in the lyrics of Randai Adat Perpatih songs in Negeri Sembilan, as well as the skeptical mindset of today's society that considers Randai art to be outdated. Therefore, the researcher has set objectives to address these issues by studying the aspects of cultural assimilation, identifying the lyrics of Randai songs, and analyzing the potential of Randai arts in generating economic income in Negeri Sembilan. This study also employs a qualitative approach using structured interviews, observations, document analysis, and visual analysis to obtain accurate and reliable data. Next, the researcher limited the study to 10 Randai Minangkabau songs that are symbolic to the Adat Perpatih community and used them as materials for analysis to prove the authenticity and existence of cultural assimilation contained within them. Furthermore, the use of Cultural Orientation Theory is seen to have a significant and close connection to the cultural assimilation that occurs within the Perpatih customary community. The study findings reveal that there are elements of cultural assimilation occurring within the Adat Perpatih community, as reflected in the lyrics of Randai art songs. The lyrics of these songs contain elements of advice, humor, history, and cultural values that reflect the Minangkabau community life in Negeri Sembilan. Randai art is found not only to serve as a medium in preserving tangible cultural heritage but also has the potential to generate economic benefits in the state's tourism sector. As a suggestion, the researcher hopes that the Randai art form will continue to be preserved by all layers of society so that this tangible heritage remains alive and serves as a cultural bridge to connect communities over time.

Keywords: Cultural Assimilation, Randai Songs, Perpatih Customs, Cultural Orientation Theory, Cultural Value

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada mulanya, Negeri Sembilan terdiri daripada sembilan buah negeri atau luak. Pada masa ini, tujuh daerah ialah Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jelebu, Seremban, yang dahulunya terdiri daripada Sungai Ujong, Port Dickson dan Jempol. Adat Perpatih yang dibawa oleh pendatang dari Minangkabau menjadikan Negeri Sembilan lebih dikenali sebagai "negeri adat," Nordin Hussin et al. (2011). Adat Perpatih telah menjadi pegangan yang kukuh dalam kalangan masyarakatnya kerana mereka adalah peneroka asal negeri. Masyarakat Minangkabau tiba di Negeri Sembilan dan memulakan era baharu dalam sejarahnya. Dua kumpulan orang dari Minangkabau datang ke Negeri Sembilan. Kumpulan pertama penghijrahan Minangkabau dari kawasan pedalaman Sumatera mengamalkan Adat Perpatih, manakala kumpulan kedua datang dari kawasan persisiran Sumatera dan mengamalkan Adat Temenggung. Kewibawaan politik di Negeri Sembilan bermula dengan "anak buah", berdasarkan Adat Perpatih masyarakat. Dibandingkan dengan Negeri Sembilan, terdapat empat suku Biduanda atau Waris, Batu Hampar, Paya Kumboh, Mungkal, Tiga Batu, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Selemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh dan Anak Melaka tidak seperti di Minangkabau. Setiap suku ini mempunyai fungsi dan personaliti mereka yang tersendiri. Sebagai contoh, suku Seri Selemak kebanyakan masyarakatnya terdiri daripada penghulu manakala suku Anak

Aceh pula kebiasaannya mempunyai sifat yang rajin berniaga di samping memiliki keakrifan dalam bidang pertukangan dan seni ukir.

Orang Melayu bukan satu-satunya etnik yang tinggal di Negeri Sembilan. Mereka tinggal di kawasan berdekatan dengan Sungai Linggi, Sungai Ujong, dan Rembau. Disebabkan ketiga-tiga daerah ini terletak berdekatan dengan Melaka, adalah mungkin bahawa orang Melayu yang tinggal di sana dahulunya berasal dari kerajaan Melayu Melaka, tetapi mereka melarikan diri apabila Melaka ditawan oleh Portugis pada tahun 1511. Antara tahun 1403 dan 1511, kebanyakan orang Melayu Melaka berhijrah ke Melaka dari Palembang dan Riau. Selain itu, terdapat penduduk Rawa yang berasal dari Sumatera dan menetap di Selangor dan Negeri Sembilan. (Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, Amirah Buang & Ari Kurnia 2011).

Adat merupakan pegangan masyarakat tradisional di Malaysia. Sebagaimana yang diketahui umum, undang-undang bertulis, tidak bertulis dan Islam adalah tiga kategori adat. Adat Perpatih dan Adat Temenggung adalah dua jenis undang-undang tidak bertulis. Secara ringkasnya, Adat Perpatih ialah peraturan hidup yang berasaskan kepada keluarga. Semua aspek politik, sosial, ekonomi, undang-undang dan organisasi sosial termasuk dalam peraturan yang dimaksudkan. Selain itu, cara orang ramai berkomunikasi dan bertanggungjawab antara satu sama lain telah ditetapkan (Nadzan Haron, 1997).

1.2 Latar Belakang Kajian

Orang Minangkabau berpindah ke Negeri Sembilan, terutamanya ke kawasan pedalaman seperti Jelevu, Rembau, Kuala Pilah, Johol dan Sri Menanti, menyebabkan perkahwinan campur antara penduduk tempatan dan orang Minangkabau. Hal ini demikian telah menyebabkan sistem sosiopolitik masyarakat tempatan berubah. Masyarakat Minangkabau meninggalkan sistem matrilineal, yang menyumbang kepada penghijrahan

mereka ke daerah lain. Selain itu, penghijrahan ini bertujuan untuk mencari kekayaan, pengetahuan, dan pengalaman, dan mereka juga mempunyai hasrat untuk pulang ke tanah air mereka apabila matlamat mereka telah dicapai (Midawati et al., 2015). Akulturasi dengan budaya Alam Minangkabau telah berlaku, terutamanya dalam seni rakyat seperti lagu, seni rupa, seni tampak dan seni bina. Selain itu, terdapat beberapa sebab lain yang menyebabkan orang Minangkabau masuk ke Negeri Sembilan. Antaranya ialah keadaan politik dan ekonomi di seberang Selat Melaka yang lebih baik daripada negeri mereka, sifat semula jadi mereka yang suka merantau serta berlakunya perang saudara yang memusnahkan Alam Minangkabau pada tahun 1700-an.

Kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti Asimilasi Budaya dalam lirik lagu Randai Adat Perpatih melalui pengaplikasian teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan iaitu di Kampung Gagu Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan. Sepertimana yang kita sedia maklum, sesebuah budaya itu haruslah ditelusuri melalui sejarah dan juga latar belakangnya. Oleh hal yang demikian kajian ini menerangkan dan menjelaskan aspek seperti berikut yang di mana adakah kajian ini akan memberikan kelebihan dan manfaat kepada para pengkaji. Di Kampung Gagu, terdapat Rumah Gadang Budi, sebuah rumah kayu lama dengan seni bina asli Minangkabau yang indah. Ia merupakan simbol masyarakat Minangkabau yang tinggal di daerah Jelevu ini. Rumah ini dahulunya terletak di Gunung Pasing, Seri Menanti. Walau bagaimanapun, teras utama seni binanya tidak terjejas apabila ia dipindahkan ke Kampung Gagu. Rumah Gadang Budi di Kuala Klawang ini berperanan penting sebagai lokasi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti keramaian seperti perkahwinan yang di mana aktiviti persembahan kesenian Randai turut dipamerkan terutamanya buat pengunjung yang berkunjung ke sini. Selain itu, daripada aspek seni bina rumah Gadang Budi ini telah membuktikan ketertinggian unsur estetika melalui corak-corak yang terdapat pada kayu tersebut.

Di samping itu juga proses pembinaan Rumah Gadang Budi di Kuala Klawang ini tidak memerlukan sebarang paku dan keadaan ini memberikan sebuah persepsi yang mengagumkan kepada sesiapa yang melihatnya. Proses pembinaan rumah ini amat serupa dengan pembinaan Istana Besar Seri Menanti, di Kuala Pilah yang juga tidak menggunakan sebarang paku dalam proses pembuatannya. Kemahiran dalam bidang pertukangan yang dimiliki oleh masyarakat Minangkabau pada zaman dahulu tidak dapat disangkal lagi, dan ini bukan sahaja dalam aspek pertukangan namun dalam pelbagai aspek pekerjaan harian yang lain seperti meniaga, menternak dan lain-lain lagi.



Gambar 1:

https://commons.m.wikimedia.org/wiki/File:Pentas_Seni_Tradisional_Randai_Minangkabau.jpg

1.2.1 Kesenian Randai Di Negeri Sembilan

Salah satu seni tradisional ialah Randai, yang berasal dari wilayah Minangkabau di Sumatera Barat. Sesetengah orang percaya bahawa seni ini wujud di Labuah Basilang Kabupaten Lima Puluh Kota sekitar tahun 1932. Persembahan kaba Randai mendapat pengaruh daripada teater komedi bangsawan Melayu Minang. Kesenian Randai ditunjukkan oleh masyarakat Minangkabau dalam upacara adat dan pesta, seperti pesta

perkahwinan, hiburan untuk pelancong dan pesta rakyat yang lain (Arifini Netrirosa, 2010). Kesenian Randai berasal daripada pelbagai elemen kesenian orang Minangkabau. Menurut Mursal Esten, sebagai contoh, menurut Arifini Netrirosa (2010), kesenian Randai terikat dengan unsur-unsur penting seperti cerita, "kaba" (cerita), "vokal" (gurindam), "gerak tari" (gelombang), dan perbualan antara pelakon. Migrasi Minang ke Negeri Sembilan membawa masuk kesenian Randai, yang mengalami pelbagai perubahan terutamanya dari segi aspek bahasa dan cara mereka hidup. Penyesuaian dengan masyarakat yang berlaku pada masa itu menyumbang sebahagian besar kepada perubahan ini.

Walau bagaimanapun, kesenian Randai di Minangkabau dan Randai di Negeri Sembilan masih berkongsi beberapa aspek. Unsur penting dan pendukung adalah ciri yang membawa kesamaan ini. Cerita, gurindam, gelombang, dialog dan lakonan adalah komponen penting. Komponen ini dianggap penting kerana ia menggerakkan persembahan Randai. Randai tidak boleh dipersembahkan jika salah satu unsur ini tidak ada. Kostum, tatarias dan muzik adalah komponen tambahan. Bagi menyempurnakan persembahan Randai, sama ada Randai Negeri Sembilan atau Minangkabau, kedua-dua komponen ini saling berkaitan (Abd. Samad Kechot, 2009). Dipercayai bahawa kesenian Randai hanya terdapat di beberapa daerah di Negeri Sembilan, iaitu Lenggeng, Jelevu, Kuala Pilah dan Mantin. Di Klang, tempat masyarakat Minangkabau pernah tinggal, ada kesenian Randai. Dalam bahasa Minangkabau, Randai bermakna "mengarung" atau "melingkari." Encik Buyong Adam (dalam Azizah Mohd Nor, 1979) menyatakan bahawa Randai mempunyai makna yang sangat besar untuk masyarakat Minangkabau.

Menyusun sahabat handai adalah matlamat kesenian ini. Mereka berpakat untuk membantu rakan atau saudara yang ditimpa dalam kesusahan. Oleh itu, seperti kata pepatah, "bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat," seni Randai

ditunjukkan dalam bentuk bulatan. Menurut pengertian pepatah, kata "sepakat" bermaksud sebulat hati, yang merupakan simbol perpaduan dalam masyarakat Melayu, terutamanya masyarakat Minangkabau. Sesetengah orang mengatakan bahawa kesenian Randai bermula dengan satu kejadian tragis yang menimpa seorang penduduk di sebuah kampung di kawasan penempatan masyarakat Minangkabau. Si malang itu kehilangan perkara yang dia sayangi. Setelah kejadian itu, Si Malang itu tidak dapat makan dan hidup menderita. Penduduk kampung berdekatan bersetuju untuk mencari barang yang hilang itu bersama-sama kerana mereka simpati dengan keadaan lelaki itu. Mereka membuat bentuk bulatan di kawasan di mana mereka mendakwa barang yang hilang dan kemudian mula mencari barang yang hilang. Bulatan itu bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain secara beransur-ansur sehingga barang yang hilang itu ditemui semula. Menurut Khairul Harun (Azizah Mohd Nor, 1979), makna Randai ialah peristiwa yang dilihat sebagai perumpamaan atau ibarat. Sebaliknya, tarian dalam Randai berfungsi sebagai pelengkap atau daya penarik kepada seni.

Sebagai sebuah teater tradisional rakyat Minangkabau, kesenian Randai ini digabungkan dengan ucapan perpisahan. Sebagai tambahan kepada seni pertuturan yang timbul secara spontan dalam bentuk cerita atau dikenali sebagai "kaba" dalam dialek Minangkabau, persembahan Randai penuh dengan pembicaraan berandai-andai yang dihiasi dengan kiasan, perumpamaan dan lain-lain (Abd Samad Kechot 2009). Randai turut dikenali dengan nama "Kaba" dalam budaya Minangkabau, yang merujuk kepada makna cerita. "Be-ka-ba" ialah istilah untuk kebanyakan kaba, yang bermaksud bercerita atau berdendang. Pada mulanya, hanya seorang penyampai mendeklamasikan Kaba. Setiap persembahan kemudiannya mempunyai dua atau tiga orang pemedato. Penutur-penutur ini akan membentuk lingkaran dan bercerita secara bersahut-sahutan dan bersambung-sambungan, sebelum ia berakhir dengan nyanyian bersama (Azizah Mohd

Nor, 1979). Randai dipaparkan dalam bentuk lingkaran atau mengelilingi, dan jumlah pelakornya tidak ditetapkan. Komedi bangsawan, jenis seni baharu, juga diperkenalkan. Memandangkan gaya baharu ini sesuai dan dekat dengan gaya sebelumnya, ia dengan mudah diterima dan digabungkan untuk mencipta teater rakyat Randai.

Beberapa watak dan peristiwa dalam sebuah cerita mula dihidupkan semula dan dipentaskan, yang membawa kepada penggunaan dialog dan lakonan dalam seni. Perkembangan ini membawa kepada penambahan elemen dan ciri penting yang baharu kepada gaya kesenian Randai sebagai teater rakyat. Kewujudan kesenian ini bermula daripada perkembangan beberapa bentuk kesenian sehingga menjadi suatu bentuk kesenian baharu, iaitu Randai sebagai teater rakyat (Abd. Samad Kechot, 2009). Gurindam pula adalah pantun Melayu tradisional yang bermula daripada bahagian cerita dalam persembahan Randai. Dalam persembahan Randai, fungsi gurindam ialah mengubah cerita dengan mengubah tempat, waktu, dan suasana. Gurindam juga boleh menyampaikan bahagian cerita yang tidak dilakonan dan dialog. Instrumen seperti bangsi dan saluang kadangkala memainkan gurindam. Dalam persembahan Randai, Gurindam juga berfungsi sebagai alat pengubahsuaian untuk meringkaskan cerita, menekankan plot, memberikan tekanan pada bahagian penting cerita, atau menceritakan tokoh tanpa menampilkan pemain. Oleh itu, gurindam berfungsi untuk menyampaikan cerita dalam bentuk deskriptif dan ilustratif, manakala dialog dan lakonan digunakan untuk menyampaikan cerita yang dramatik. Gurindam sedih dan gembira adalah dua kategori persembahan Randai Negeri Sembilan. Gurindam gembira memberikan kesan gembira, manakala gurindam sedih memberikan kesan sedih dan hiba.

Terdapat gurindam yang kelihatan seperti pantun yang mempunyai pembayang yang bermaksud "sampiran", dan yang lain mempunyai hubungan dengan kisah. Pantun yang sampirannya tidak berkaitan dengan bahan cerita dikenali sebagai pantun yang

mempunyai pembayang maksud yang bebas. Pantun yang terikat dengan cerita pula ditakrifkan sebagai pantun yang mempunyai isi dan sampiran yang berkaitan dengan jalan cerita. (Abd. Samad Kechot, 2009). Kemahiran tukang goreng adalah penting untuk persembahan Randai. Dalam persembahan Randai, tukang goreng bertanggungjawab untuk mengharmonikan suasana. Tukang goreng harus bijak dengan mengubah gerak gelombang menjadi lebih agresif dan dinamik apabila suasana persembahan menjadi hambar. Irama gurindam akan mengawal gerakan. Encik Saad Harun (dalam Abd. Samad Kechot, 2009) tukang goreng boleh memendekkan atau memanjangkan persembahan. Tukang goreng memilih sama ada untuk meningkatkan suasana atau memendekkan gerak gelombang. Dalam kebanyakan kes, gerakan gelombang disertai dengan aktiviti tepuk gelembung, tepuk paha, dan tepuk tangan. Selepas persembahan, tepuk gelembung, tepuk paha, tepuk tangan, dan tepuk dada akan dilakukan. Pemain akan diminta untuk duduk dalam posisi melingkar yang tetap kemudiannya oleh tukang goreng. Oleh itu, tukang goreng mesti mempunyai pengetahuan tentang plot, mempunyai suara yang kuat dan lantang, menguasai gerakan paha dan tangan, dan mempunyai keupayaan untuk memukul gelombang dengan betul.

Ringkasnya, kesenian Randai adalah salah satu bentuk seni tradisional rakyat Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau. Teater rakyat menggabungkan pelbagai jenis seni tradisional, seperti tarian (gelombang), nyanyian (dendang, gurindam, pantun) dan seni (lakonan-dialog). Ketika kesenian randai dimainkan dalam kedudukan melingkar, penonton bertepuk tangan setiap kali pantun dilagukan. Walaupun usia kesenian Randai tidak diketahui, ia muncul seiring dengan migrasi orang Minangkabau ke Negeri Sembilan pada abad kelima belas.

Menurut (Syukran, 2018), budaya ialah gaya hidup manusia yang terdiri daripada cara orang berfikir, bercakap, berasa dan bertindak. Setiap budaya mempunyai nilai yang

unik dan rangkaian nilai budaya yang kukuh boleh membantu kemajuan negara maju dan mewujudkan masyarakat yang bertamadun. Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori Orientasi Budaya yang dipelopori oleh C. Kluckhohn (1962) yang di mana menurut beliau teori ini adalah satu idea kompleks yang mempunyai hubungan yang kuat antara manusia dan alam sekitar dan mempunyai kesan ke atas tingkah laku manusia sepanjang kehidupan. Konsep ini melibatkan pelbagai aspek kehidupan manusia, termasuk agama, amalan, pemakanan, pakaian, dan lain-lain. Dalam konteks pengkajian kesenian Randai ini, penggunaan teori ini adalah bertetapan dengan kajian kerana budaya itu sendiri berfungsi sebagai salah satu pembentukan kebudayaan, sahsiah dan akhlak. Namun demikian, masih juga wujud segelintir penolakan terhadap nilai budaya positif oleh masyarakat yang dianggap tidak mengikut perkembangan semasa dan tidak relevan dengan konteks masyarakat yang membangun (Norazlina Haji Mohd. Kiram et al., 2017). Nilai budaya sering berubah dan dipengaruhi oleh budaya luar juga akan menyebabkan masyarakat keliru dan nilai budaya sebenar luntur dalam diri mereka. Akhirnya, masyarakat akan tidak lagi mengingati budaya tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian yang akan dilaksanakan sesungguhnya memiliki kelompangan serta permasalahannya yang tersendiri. Pengkaji juga mendapati bahawa masalah kajian yang ditemui akan memudahkan analisis dan penghuraian data.

Selain itu, kajian yang akan dilaksanakan ini akan menyentuh mengenai persembahan seni Randai yang kini semakin dilupakan oleh generasi muda pada hari ini. Sebagai contoh, keadaan ini dapat dibuktikan melalui pemerhatian dan kajian pengkaji yang melihat bahawa kesenian ini telah berkurang untuk dimainkan dan dipersembahkan bagi tontonan khalayak masyarakat. Allahyarham Encik Mazdar Abdul Aziz (2018),

seorang guru yang sangat berpengalaman dalam seni Randai dan diiktiraf sebagai tokoh seni persembahan, mengajar seni Randai di daerah Beranang, Negeri Sembilan. Memandangkan beliau kerap berulang-alik dari Malaysia ke Indonesia untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh dan penggiat Randai, kebolehan akademik dan kesenian beliau tidak dapat disangkal lagi. Beliau meluahkan perasaannya dengan menyatakan bahawa walaupun suku Minangkabau hanya mengetahui kesenian ini, kebanyakan masyarakat Malaysia tidak mengetahuinya. Walau bagaimanapun, tidak semua suku Minangkabau mengetahui secara menyeluruh tentang warisan ketara ini.

Seterusnya, permasalahan kajian ini juga bertitik tolak daripada pemikiran skeptikal (ragu-ragu) masyarakat terhadap aktiviti persembahan tradisional Randai ini. Kebanyakan pemikiran dan persepsi masyarakat memandang persembahan Randai ini sebagai suatu aktiviti tradisional yang telah ketinggalan zaman untuk diamalkan pada masa kini serta generasi muda kurang berminat untuk memelihara dan menjaga warisan tradisional peninggalan nenek moyang kita. Sebaliknya, warisan ketara seperti seni persembahan ini sememangnya meninggalkan kesan yang mendalam terhadap individu yang mengikutinya dan seterusnya memberikan kesan iaitu unsur nilai murni yang positif. Tuntasnya, kajian ini bakal mengubah pemikiran masyarakat mengenai perkara ini sekali gus memperlihatkan kelebihan yang terdapat dalam seni persembahan Randai ini kepada umum di samping kajian ini turut lebih tertumpu kepada analisis lirik lagu persembahan Randai dan perspektif teori Orientasi Budaya dalam aktiviti kesenian Randai Minangkabau di Negeri Sembilan.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada beberapa huraian di atas maka didapati terdapat beberapa persoalan terhadap kajian ini iaitu:

- 1) Apakah aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
- 2) Bagaimanakah langkah untuk mengenalpasti lirik lagu dalam aktiviti seni Randai bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelevu. Negeri Sembilan.
- 3) Bagaimanakah potensi seni persembahan Randai ini mampu mengembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan.

1.5 Objektif Kajian

- 1) Mengkaji aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
- 2) Mengenalpasti lirik lagu aktiviti seni Randai yang menjadi simbolik dan lambang bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelevu. Negeri Sembilan.
- 3) Menganalisis potensi seni persembahan Randai dalam mengembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan.

1.6 Skop Kajian

Persembahan Randai ini terdapat dua jenis iaitu Randai tarian dan Randai teater rakyat. Kajian ini tertumpu kepada persembahan Randai di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelevu. Seni sastra, muzik, tarian dan seni lakon adalah antara pelbagai ekspresi seni yang membentuk seni rakyat ini. Persembahan Randai telah dikenali sejak awal abad ke-

20 dan terus berkembang sehingga hari ini. Akibatnya, bidang penyelidikan ini terhad daripada tahun 1980 sehingga kini. Skop ini dipilih kerana ia menunjukkan tanda-tanda pembaharuan dan kemajuan daripada pelbagai elemen yang membentuk persembahan Randai.

Kajian ini tertumpu pada kumpulan Randai di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelevu kerana kawasan itu sering mempamerkan Randai dalam acara adat dan untuk pelancong dan tetamu. Selain itu, terdapat banyak seniman Randai yang bijak dan mengetahui adat istiadat dan undang-undang persembahan Randai. "Asa kato pertama, Tigo Limbago yang berlaku, Patamo, sambah menyambah, Kaduo, baso dan basi, Katigo, siriah dan pinang." Kampung Gagu terletak 8 Kilometer dari bandar Kuala Klawang, yang terletak di daerah Jelevu. Kebudayaan unik Kampung Gagu masih mengekalkan tradisi Minangkabau, termasuk tarian randai, cak lempong, dan tari piring (tarinai) untuk upacara nikah kahwin dan menyambut tetamu. Kajian ini juga menjuruskan kepada penggunaan kaedah kualitatif melalui sumber daripada perpustakaan. Kajian yang dibuat adalah selari dengan penggunaan kaedah ini iaitu pencarian maklumat yang berkenaan dengan menggunakan bahan bacaan seperti artikel, buku, majalah, keratan akhbar, dan sebagainya. Pencarian maklumat ini penting bagi menghasilkan kajian yang sempurna dan penerapan teori Orientasi Budaya ini dapat diolah dengan baik melalui lirik lagu Randai dalam kajian ini. Selain itu, pendekatan kebudayaan telah diaplikasikan dalam menjalankan kajian ini.



Gambar 2: Peta Lokasi Perkampungan Gagu Kuala Klawang,
Jekebu Negeri Sembilan.

Sumber: https://maps.app.goo.gl/1k7xwhZ296Pq4p9W9?g_st=it

1.7 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan yang terkandung dalam kajian yang telah dilakukan ini adalah pengkaji mendapati bahawa masyarakat di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jekebu Negeri Sembilan ini memperoleh kelebihan dengan mengetahui kepentingan seni persembahan tradisional iaitu Randai ini yang dimainkan oleh penduduk asal di daerah ini serta masih aktif menjalankan kesenian Randai ini. Bagi individu yang merasai sendiri dengan melihat dan menghayati lirik lagu serta tarian yang dimainkan ini pasti merasai bagaimana keseronokan tersebut. Selain itu juga melalui persembahan ini juga ia sedikit sebanyak akan melahirkan kecintaan terhadap warisan ibunda yang di mana lirik-lirik lagu ini hanyalah menggunakan bahasa Minangkabau yang berasal dari Sumatera. Khususnya buat yang pertama kali mendengar lirik lagu dialek Minangkabau ini akan terpujau dan kagum dengan bahasa daerah sendiri. Keadaan sebegini sememangnya tidak dapat dinafikan lagi, masyarakat yang berumur lingkungan 18 hingga 25 tahun secara

jujurnya tidak mengetahui bahawa tarian ini sudah wujud dan dimainkan sejak abad ke-19 dahulu lagi. Jadi sebagai pengkaji sudah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk mengenalkan tarian ini kepada masyarakat di luar sana, lagi-lagi pengkaji sendiri merupakan anak jati kelahiran Negeri Sembilan. Jika kita tidak memelihara dan memulihara warisan peninggalan nenek moyang kita siapa lagi akan melaksanakannya. Justeru, pengkaji sebagai mahasiswa yang sedang mengikuti elektif kesusasteraan warisan seharusnya yang kedepan dengan memperkenalkan warisan ini agar ia tidak lenyap dimamah zaman.

1.7.1 Kepentingan Kepada Negara

Kepentingan kajian ini kepada negara ialah dapat membuka ruang dan peluang bagi komuniti kaum yang berlainan bangsa yang utama di Malaysia seperti Cina, India, dan sebagainya untuk turut serta dalam meningkatkan status sosial, politik dan ekonomi negara. Walaupun tarian ini menekankan aspek agama namun ia bukan penghalang kita sebagai masyarakat untuk mempelajarinya bak kata pepatah “nak seribu daya taknak seribu dalih”. Bagi pendapat pengkaji, kaum yang berlainan bangsa dan suku kaum ini boleh mempelajari tarian ini semata-mata tanpa menyebut perkataan yang berkaitan agama bagi menghormati agama Islam itu agar tidak berlaku kesalahfahaman dalam masa yang sama menghormati kepercayaan agama masing-masing. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kesenian Randai ini memiliki aura yang berlainan daripada tarian kesenian lain yang mampu memberi impak kepada perkembangan cabang kesenian negara yang majoritinya diduduki oleh pelbagai bangsa dan budaya. Oleh yang demikian, kesenian merupakan bidang kemahiran negara yang penting dalam mencurahkan segala idea dan berkongsi budaya masyarakat bagi membantu negara untuk terus berkembang maju bersaing dengan negara-negara lain.

1.7.2 Kepentingan Kepada Masyarakat

Di samping itu, antara kelebihan lain buat masyarakat juga adalah ia mampu meningkatkan hubungan persaudaraan dengan lebih erat. Hal ini dikatakan sedemikian kerana tarian ini umum mengetahui ia memerlukan keterlibatan anggota sebanyak 10 hingga 20 orang. Jadi masing-masing mempunyai peranan tersendiri ketika membuat persembahan tersebut. Manakala, kelebihan yang dapat dilihat kepada masyarakat adalah persembahan ini jika disingkap dahulunya ia dipersembahkan ketika menunggu ketibaan bulan menuai serta berkaitan aktiviti-aktiviti keramaian sesama masyarakat. Namun dalam konteks pada hari ini, persembahan ini selayaknya dipertontonkan dengan lebih kerap dan meluas bukan sahaja pada hari-hari tertentu, sebaliknya secara berkala terutamanya ke tatapan dalam negara sehingga ke persada antarabangsa. Jelaslah bahawa kajian yang dijalankan ini membawa kepentingan tersendiri yang penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keistimewaan bidang kesenian yang perlu diraikan bersama agar ia terus dipelihara dan diaplikasikan dalam kalangan komuniti masyarakat kita pada hari ini.

1.7.3 Kepentingan Kepada Individu

Seperkara lagi, kesenian Randai sememangnya telah berjaya memperlihatkan usaha dan kejayaan yang dimiliki oleh masyarakat Adat Perpatih yang mendiami kawasan Negeri Sembilan dalam mempertahankan budaya ketara daripada ia pupus ditelan zaman. Penceritaan kesenian ini mempunyai jalan cerita yang sejajar dengan aspek kehidupan masyarakat Melayu Islam untuk senantiasa mengekalkan jati diri sebagai orang Melayu Islam yang berpegang teguh dengan moraliti dan syariat agama Islam daripada terpengaruh dengan budaya luar. Setiap individu khususnya bagi golongan lelaki dan wanita perlu mengaplikasikan jati diri yang baik dalam diri seperti sikap sabar dan

sentiasa cekal dalam menghadapi segala masalah dalam kehidupan. Bidang kesenian ini juga dilihat mempunyai peranan besar dalam membuka minda serta penambahan ilmu yang bermanfaat bagi memberikan suatu nilai tambah kepada individu yang cuba mempelajari dan mengetahui akan kesenian ini. Oleh itu, setiap individu mestilah memainkan peranan penting dalam memupuk jati diri yang baik dengan menceburi bidang kesenian yang sememangnya memberikan pelbagai manfaat dari aspek jasmani dan spiritual agar ia meresap ke dalam jiwa seterusnya dapat berkongsi dan mengajarkannya kepada individu lain.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhan, tidak dinafikan bahawa Negeri Sembilan mempunyai warisan dan kebudayaan yang kaya. Randai adalah seni persembahan yang unik di Negeri Sembilan yang menggabungkan pelbagai jenis seni, seperti tarian, silat, muzik dan kesusasteraan. Selain itu, persembahan randai memberi manfaat kepada masyarakatnya kerana ia membolehkan remaja memahami nilai seni tradisi yang kaya, terutamanya nilai pendidikan yang terkandung dalam cerita. Randai bukan sahaja sebuah tarian semata-mata namun sebagai medium yang memiliki unsur deduktif dalam penyampaian serta menerapkan unsur intrinsik dan ekstrinsiknya yang tersendiri kepada penonton yang baharu kerana setiap gerakan dan elemen yang dilakukan mempunyai pelbagai maksud yang tidak mampu dibuat pengamatan melalui pandangan zahir manusia sebaliknya perlu dirasakan oleh sanubari penonton. Sememangnya, persembahan Randai Negeri Sembilan adalah salah satu seni persembahan warisan yang paling unik dan indah. Untuk memastikan kesenian ini kekal untuk generasi akan datang, semua pihak mesti bertanggungjawab untuk memelihara dan meneruskan persembahan Randai.

Justeru, kajian mengenai seni persembahan perlu dilaksanakan dengan lebih meluas agar golongan belia terutamanya lebih cakna tentang kewujudan warisan ketara yang diwarisi oleh kaum Minangkabau Adat Perpatih ini sejak dahulu lagi. Pengkaji juga berharap dengan adanya kajian ini, persembahan Randai ini akan semakin dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira umur atau bangsa. Walaupun seni ini telah menarik perhatian sebilangan besar penduduk tempatan, terutamanya di Negeri Sembilan, warisan ini perlu disampaikan lagi kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Seni persembahan Randai adalah salah satu seni warisan penting yang berfungsi sebagai titik tolak untuk menyampaikan identiti negara kita kepada pelancong. Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti menghargai warisan ini dan mengangkat seni persembahan Randai ke tahap yang lebih tinggi.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Dalam bab dua ini pengkaji akan mengeluarkan beberapa sorotan kajian lepas bagi mengukuhkan lagi kesahihan maklumat dan fakta yang diterima. Menurut Cooper (1984), kajian lepas merujuk kepada penyelidikan-penyelidikan awal atau terkini yang dilaksanakan oleh sarjana dalam sesuatu bidang yang berkaitan dengan sesuatu topik. Oleh kerana sifatnya sebagai kajian lepas, maka ia berperanan sebagai panduan kepada penyelidik yang ingin membuat kajian dengan lebih lanjut terhadap sesuatu topik atau bidang. Menurut Cooper lagi kajian lepas menyediakan pelbagai maklumat yang sangat berguna khususnya dalam proses membentuk persoalan dan permasalahan kajian. Ia juga membantu dalam proses menentukan penggunaan metodologi dan pembentukan kerangka konseptual yang mantap. Dengan merujuk kepada penyelidikan sebelumnya, pengkaji dapat menggarap sebuah penyelidikan yang bersifat konkrit serta mendorong kepada penyumbangan proses kemaraan ilmu.

Manakala, Grundy (1987) pula menyatakan bahawa pada peringkat awal sesebuah penyelidikan, seorang pengkaji memerlukan kajian lepas bagi memahami sejauhmanakah penyelidik lain telah terlibat dalam bidang yang dikajinya, keadaan ini disokong oleh Rohana Yusuf (2004), yang menghuraikan beberapa kepentingan kajian lepas buat panduan pengkaji. Selain itu, Sorotan kajian boleh ditakrifkan sebagai suatu fakta yang

dikemukakan melalui pernyataan-pernyataan yang dibuat di dalam kajian untuk mengukuhkan objektif yang telah diketengahkan oleh pengkaji (Sulistyo Basuki, 1991). Perkara ini jelas dapat ditekankan melalui penggunaan teori yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada kebenaran dan juga fakta yang tepat. Hal ini kerana penggunaan teori ini sangat berkaitan dengan tajuk kajian dan terdapat pernyataan yang ditekankan menjurus kepada isi kandungan yang boleh dilihat melalui sorotan kajian ini. Secara ringkasnya, daripada penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa fokus kajian lepas terdiri daripada melakukan penyelidikan, menilai, dan memahami sepenuhnya penulisan dan hasil kajian sebelumnya yang berkaitan dengan persoalan yang akan dikaji.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Asimilasi Budaya

2.2.1 Tesis

2.2.1.1 Ijazah Doktor Falsafah

Menurut tesis Ijazah Doktor Falsafah yang telah dikarang oleh Nur Atikah Binti Mat Razi (2018), yang bertajuk *Kelebihan Asimilasi Dalam Hubungan Etnik Di Malaysia*. Beliau menyatakan asimilasi merupakan proses percantuman antara etnik yang berlainan budaya dan kemudiannya membentuk menjadi satu kelompok dimana kebudayaan dan identiti yang sama. Namun dari sudut kebudayaannya setiap kaum masih mengekalkan budaya mereka sendiri. Sebagai contoh, orang Jawa, Cina Kelantan, Baba dan Nyonya diasimilasi di Malaysia.

Bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah, pengkaji mendapati bahawa terdapat kesukaran untuk mendapatkan data kajian kerana kajian berkenaan dengan asimilasi budaya ini masih kurang dikaji oleh pengkaji lain dan masih belum mendapat perhatian yang lebih mendalam bagi menjalankan kajian ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji

tidak dapat memberikan data yang lengkap menerusi sorotan kajian ini bagi membantu proses kajian dijalankan dengan lancar.

2.2.1.2 Ijazah Sarjana

Menurut kajian Airen Suraya Binti Khairu Anuar (2021), tesis masternya berjudul *Sensitiviti Moral Melalui Interaksi Pelajar Pelbagai Budaya Di Sekolah*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengalaman sensitiviti moral pelajar sekolah menengah dalam interaksi pelbagai budaya. Kemudian, kaedah kualitatif digunakan melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Menurut analisis, pelajar menunjukkan kepatuhan, kepedulian, dan kepatuhan kepada nilai moral. Membangunkan sensitiviti moral memerlukan dua proses: semangat bekerjasama dan asimilasi budaya untuk memahami budaya orang lain sehingga mereka dapat memahami nilai yang boleh digunakan bersama. Sensitiviti moral bukan hanya tentang moral; ia juga boleh dilihat dari perspektif agama dan bahasa.

2.2.1.3 Ijazah Sarjana Muda

Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Nurul Husnah, Rosmala, Fitriana (2023), yang bertajuk *Pengaruh Asimilasi Budaya Terhadap Penggunaan Busana Pengantin Melayu di Kecamatan Karang Baru Aceh Tamiang*. Berdasarkan kajian ini ia mengupas akan perihal busana Melayu yang merupakan simbolik khas masyarakat Melayu dalam bidang pakaian yang memiliki nilai yang sarat dengan makna dan dipakai sesuai dengan sesebuah upacara atau perayaan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti impak positif dan negatif asimilasi, perkembangan gaya busana pengantin Melayu. Seterusnya menerusi aspek metodologi kajian ia menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dan teknik pengumpulan data yang dilakukan dengan cara wawancara, dokumentasi dan triangulasi. Hasil penelitian kajian ini memaparkan asimilasi di Aceh Tamiang tidak

hanya disebabkan oleh keadaan masyarakat yang pelbagai namun disabkan beberapa faktor salah satunya adalah perkahwinan campur berlainan suku kaum (amalgamasi), Kesannya, asimilasi menyebabkan masyarakat kurang memahami budaya sendiri, sehingga mengubah pandangan masyarakat terhadap busana adat pengantin.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nurfahrina Abal Mukam dan Humin Jusilin (2019) yang bertajuk *Representasi Budaya dalam Rekaan Bentuk Busana Perkahwinan Masyarakat Bisaya di Beaufort, Sabah*. Busana tradisional Sabah menunjukkan identiti dan nilai budaya melalui kerencaman fesyen, bentuk dan ragam hias. Penampilan berpakaian berubah daripada tradisional kepada kontemporari secara tidak langsung dipengaruhi oleh asimilasi budaya dan fenomena kehidupan moden yang sentiasa berubah. Kajian membantu dalam dokumentasi dan analisis komponen bentuk dan ragam hias yang menitikkan representasi identiti dan budaya. Pemerhatian, temu bual dan rakaman audio visual adalah kaedah kualitatif yang digunakan oleh pengkaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa komponen bentuk dan rias menggambarkan budaya, adat istiadat dan persekitaran.

Kemudian tesis Sadiyah, Abu Samah (1976), *"Integrasi dan asimilasi budaya Baba ke dalam budaya Melayu: Satu kajian perbandingan."* Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara kumpulan Melayu yang dominan dan kumpulan Baba marginal dalam komposisi masyarakat Malaysia. Untuk menentukan sama ada faktor sosial boleh menjadi pendorong asas dalam proses integrasi dan asimilasi, faktor sosial juga akan dikaji.

Menurut Hassan dan Talib (1977), dalam tesis mereka yang bertajuk *Masalah asimilasi Cina-Muslim ke dalam masyarakat dan budaya Melayu: Satu Kajian kes di Sungai Way New Village, Selangor*, melengkapkan maklumat tentang latar belakang

tempat kajian seperti bentuk fizikal, penyebaran penduduk, pekerjaan, pendapatan, pendidikan, umur, perkahwinan dan pentadbiran. Bahagian pertama membincangkan pengertian, sifat, jenis dan faktor pendorong asimilasi. Pakaian, makanan, bahasa, kahwin campur, kematian, kenduri-kendara dan keagamaan adalah contoh elemen asimilasi kebudayaan.

2.2.2 Jurnal Dan Artikel

Terdapat beberapa kajian lepas yang boleh ditelusuri untuk mengukuhkan hasil kajian yang dilakukan terhadap asimilasi budaya antaranya adalah menurut artikel yang telah dikemukakan oleh Akhmad Siddiq (2022), yang bertajuk *Tiongha Muslim di Madura: Asimilasi Budaya dan Interaksi Sosial*. Beliau memerihalkan bahawa asimilasi merupakan proses komunikasi dinamik dan saling mempengaruhi di antara budaya, yang tumbuh bersama serta saling beradaptasi. Dalam konteks suku Madura, interaksi sosial dan asimilasi budaya antara komuniti Tiongha dan masyarakat Madura berkembang dalam ruang sosial yang kompleks dan bervariasi iaitu bergantung kepada konteks sejarah dan sosiologinya. Salah satu contoh asimilasi budaya di Madura adalah melekatnya adaptasi budaya yang dilakukan oleh Muslim Tiongha dari perspektif seni dan seni bina. Seterusnya, metodologi kajian yang lebih spesifik adalah dengan menggunakan penelitian kualitatif berbaris dan menemu-ramah dengan mendalam agar interaksi sosial dan asimilasi budaya dapat memberikan gambaran baru kepada masyarakat Muslim Tiongha.

Kemudian, kajian yang telah dijalankan oleh Mohidin, Shaqinur Ain, Suhaimi dan Mohamad Suhaizi (2022) yang bertajuk *Asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat Orang asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu setempat*. Objektif yang diterapkan melalui kajian ini bertujuan untuk menentukan asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu

setempat dan menganalisis makna simbolik adat perkahwinan. Kajian kualitatif telah digunakan untuk mendapatkan data. Memfokuskan pada temu bual bersama dengan masyarakat Orang Asli suku Jakun dan masyarakat Melayu setempat adalah cara terbaik untuk menggunakan pendekatan ini. Kajian akhir mendapati bahawa adat perkahwinan suku Jakun telah disepadukan dengan masyarakat Melayu setempat, termasuk adat merisik, majlis malam berinai, pakaian dan pelamin. Manakala, makna simbolik adat perkahwinan yang diuraikan juga termasuk memberikan pisau dan lembing, makan nasi kepal dan ayam goreng, menghisap rokok dan memakan biji pinang dan daun sirih. Semua ini melambangkan kehidupan pasangan suami isteri yang menghadapi pahit dan manis selepas mendirikan rumah tangga.

Berdasarkan artikel yang dikaji oleh Muhammad Faris Abdul Fatah (2020), yang bertajuk *Asimilasi Masyarakat Cina Dengan Orang Melayu di Kelantan*. Beliau menyatakan bahawa orang Cina adalah penduduk kedua terbesar di Kelantan. Hubungan yang luar biasa dan kukuh antara masyarakat Cina Kelantan dan masyarakat Melayu Islam telah wujud sejak sekian lama. Mereka senang bergaul, makan bersama, bercakap dalam dialek Melayu Kelantan, dan terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh orang Melayu lain. Mereka tidak tertarik kepada Islam kerana asimilasi yang berlaku. Lebih kerap daripada tidak, mereka mengekalkan agama dan kepercayaan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji asimilasi masyarakat Cina di Kelantan.

Seterusnya, berdasarkan jurnal yang dilaksanakan oleh Mohd Shabri Yusof dan Munif Zariruddin Fikri Nordin (2020), menerusi tajuk *Faktor agama dalam Asimilasi Budaya Arab ke dalam Bahasa Melayu* membincangkan bahawa agama memainkan peranan penting dalam proses asimilasi budaya minoriti Arab ke dalam budaya majoriti Melayu. Kajian mendapati bahawa konsep difusi budaya, yang dicipta oleh Fritz

Graebner (1911), berasaskan pendekatan kajian. Konsep ini menyatakan bahawa asimilasi berlaku apabila budaya yang dibawa masuk tidak bertentangan dengan budaya tempatan. Selain itu, data kajian digunakan sebagai sumber sekunder yang berkaitan dengan penafsiran budaya dan Islam.

Di samping itu, berdasarkan artikel kajian yang telah dilaksanakan oleh Fauziah Ani (2018), yang bertajuk *Menyelusuri Asimilasi Budaya Kaum Orang Asli Suku Kuala di Sungai Layau, Kota Tinggi*, menunjukkan bahawa orang Kuala di Sungai Layau adalah penduduk asli Kota Tinggi, Johor. Majoriti masyarakat Melayu berpindah dari Pulau Sialu ke Sungai Layau, yang menyebabkan banyak perubahan dalam semua aspek kehidupan mereka. Tambahan pula, untuk menjawab soalan, kaedah kualitatif yang diperoleh melalui pemerhatian dan temu bual tidak berstruktur digunakan. Dianalisis secara induktif dan deduktif untuk data sekunder daripada pelbagai literatur, buku, kertas seminar dan bahan rujukan lain.

Menurut Paramasivam Muthusamy dan Che Ibrahim Salleh (2016), bawah tajuk *Asimilasi Budaya Tempatan Kaum Peranakan Chitty Melaka* menceritakan tentang komuniti minoriti India Chitty Melaka yang tersendiri di Melaka. Perkahwinan campur antara orang Hindu dengan orang tempatan seperti Melayu, Cina dan Jawa mencipta masyarakat ini. Data dikumpul melalui soal selidik dan temu bual. Bahasa, pakaian, makanan, adat-istiadat, kepercayaan, perkahwinan, gelaran, upacara keagamaan, seni bina, muzik dan permainan adalah semua aspek kehidupan seharian masyarakat Chitty yang unik.

Melalui kajian daripada Ibrahim Majdi bin Mohamad Kamil menerusi Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) (2009), di bawah tajuk *Asimilasi Budaya Sebagai Satu Proses Integrasi Sosial Di Malaysia*. Ia memerihalkan bahawa asimilasi adalah proses perubahan

kebudayaan dan pinjam-meminjam elemen kebudayaan hasil daripada hubungan antara dua kumpulan yang berlainan tradisi dikenali sebagai asimilasi budaya. Istilah "akulturasi" juga boleh merujuk kepada proses yang sama. Selain itu, pemindahan budaya ini tidak menyebabkan perubahan dalam budaya asalnya atau kehilangan budaya asal etnik yang meminjamnya. Banyak rakyat Malaysia mengalami asimilasi budaya, yang menyumbang kepada kesepaduan sosial yang baik.

Menurut Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin (2003), menerusi artikel yang bertajuk *Faktor Agama dalam Asimilasi Budaya Arab ke dalam Budaya Melayu*, membahaskan bahawa salah satu ciri penting bahasa dan budaya Melayu ialah menerima perubahan dan transisi serta mengekalkan tradisi dan keaslian semasa proses asimilasi dengan budaya luar. Bahasa Melayu sentiasa mengalami dinamisme perkembangan yang dirancang dengan mengimbangi perubahan dan tradisi ini. Ini termasuk peminjaman kosa kata keagamaan daripada bahasa Arab. Agama memainkan peranan penting dalam proses asimilasi budaya minoriti Arab ke dalam budaya majoriti Melayu. Nik Safiah Karim (1996) menerangkan beberapa faktor yang mempengaruhi asimilasi budaya dan bahasa Melayu dengan unsur-unsur asing, sama ada dari Timur mahupun Barat. Faktor-faktor ini termasuk keperluan untuk berhubung dengan berkesan, peminjaman elemen baharu, rasa hormat yang tinggi terhadap bahasa, dan tahap pencapaian bahasa dalam hubungannya dengan kemajuan sains.

2.2.3 Buku

Kajian terhadap asimilasi budaya dapat diperlihatkan menerusi buku yang dikarang oleh Noor Muhammad dan Saniah Abu Bakar (2015) yang bertajuk *Bentuk Interaksi Sosial dalam Hubungan Diplomatik pada Zaman Kesultanan Melayu*. Interaksi sosial boleh diistilahkan sebagai suatu tindakan atau pendekatan yang diambil oleh sesebuah pihak

untuk menjalin hubungan dengan pihak lain terutamanya dalam aspek kebudayaan. Untuk mencapai interaksi dan asimilasi budaya, elemen ini, yang sangat diutamakan pada zaman kesultanan Melayu, digunakan dengan kerap, seperti penghantaran utusan, kiriman warkah, dan bingkisan hadiah. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif telah digunakan untuk mencari jenis interaksi sosial budaya dalam karya Melayu agung seperti *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. Karya ini menggunakan kaedah akulturasi dan asimilasi budaya. Kajian mendapati bahawa interaksi sosial budaya telah menyumbang kepada kegemilangan kerajaan kesultanan Melayu.

Kajian terhadap asimilasi budaya melalui karya Azizah Kassim (1978) yang bertajuk *Orang-orang Temuan di Kg. Guntur, Negeri Sembilan: asimilasi budaya dan masalah integrasi ke dalam masyarakat Melayu*. Secara umumnya masyarakat asli Temuan di Negeri Sembilan ini telah lama bertapak di Negeri Sembilan dan turut menjadi masyarakat awal yang mendiami kawasan di sekitar daerah Kuala Pilah ini. Terdapat pelbagai masalah integrasi yang berlaku melibatkan masyarakat Melayu dengan orang-orang Temuan ini seperti pandangan yang berbeza dari sudut budaya masyarakat dahulu, perbezaan status sosial dan sebagainya. Masalah ini kerap kali berlaku khususnya bagi golongan masyarakat asli ini yang sering diganggu gugat hak mereka sehingga ke hari ini. Oleh yang demikian, kajian yang dibuat berdasarkan buku ini boleh membantu dalam membuka minda masyarakat tentang kepentingan masyarakat asli ke dalam komuniti masyarakat Melayu secara tidak langsung masalah ini dapat diangkat serta dipandang serius oleh masyarakat bagi membendung masalah yang berlaku ini daripada terus menular.

2.3 Kajian Lepas Mengenai Lirik Lagu Kesenian Randai

Kesenian Randai merupakan kesenian rakyat tradisional masyarakat Minangkabau yang dibawa dari penghijrahan mereka di Sumatera Barat ke Tanah Melayu terutama di Negeri Sembilan. Kepetahan dan kelancaran dalam petuturan bahasa Minang bagi masyarakat adat Perpatih yang telah berasimilasi di daerah seperti Lenggeng (Seremban), Seri Menanti dan Jelevu telah memberikan satu kelebihan bagi menunjukkan ketertinggian kebudayaan masyarakat Minangkabau. Dalam kesenian ini, elemen-elemen budaya yang terdapat dalam lirik-lirik lagu ditonjolkan serta dirungkaikan kerana ia amat berkait rapat dengan aspek keagamaan dan kepercayaan. Namun, hasil seni ini perlu diinterpretasikan bagi memberi kefahaman yang lebih baik terutamanya kepada mereka yang berada di luar ruang lingkup tradisi Adat Perpatih.

2.3.1 Tesis

2.3.1.1 Ijazah Doktor Falsafah

Bagi kajian Ijazah Doktor Falsafah, pengkaji mendapati bahawa segala maklumat dan hasil kajian masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji yang lain. Hal ini dikatakan sedemikian kerana berlaku kelompangan terhadap kajian yang dibuat mengenai lirik lagu kesenian Randai ini. Selain itu, kebanyakan karya, bahan rujukan dan catatan tesis daripada pengkaji dalam negara mengenai kesenian Randai masih belum dikaji dengan lebih mendalam dan lebih mudah didapati di luar negara misalnya di Indonesia. Oleh itu, perkara ini telah memberikan sedikit kesulitan dan kesukaran bagi pengkaji untuk menganalisis data yang mencukupi. Oleh sebab itu, perkara ini perlu dititikberatkan oleh pengkaji-pengkaji lain bagi mengangkat kesenian tradisional masyarakat Minangkabau yang sememangnya penting bagi meneruskan tradisi peninggalan nenek moyang kita seterusnya menjadi panduan dalam kalangan masyarakat.

2.3.1.2 Ijazah Sarjana

Pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji lain mengenai lirik lagu kesenian Randai iaitu Arifni Netrirosa (2010), menerusi tesis master yang bertajuk *Kompleksiti Persembahan Randai Dalam Kehidupan Masyarakat Minangkabau Di Sumatera Barat*. Kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis perkembangan dan hubungkait unsur-unsur pokok Randai. Teori kompleksiti, fungsi dan perubahan telah digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa Randai mengandungi pelbagai unsur, seperti kaba, muzik, gerak atau gelombang dan dialog. Semua unsur ini saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan kerana akan memberi kesan kepada asas seninya. Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa Randai boleh diubah suai, tetapi ia harus mengekalkan unsur-unsur ketradisinya kerana ia adalah harta milik masyarakat Minangkabau. Kajian ini mungkin memberikan masyarakat pemahaman yang lebih mendalam tentang keunikan seni Randai. Ini akan menjadi rujukan untuk pengkaji dan pencinta seni tradisional. Data deskriptif daripada perilaku dan kata-kata bertulis atau lisan daripada individu yang dikaji juga dikumpul melalui pendekatan kualitatif.

Manakala, menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Samad Kechot dan Daeng Haliza Bte Daeng Jamal (2009) menerusi kajian tesis mereka yang bertajuk *Randai warisan masyarakat Minang Negeri Sembilan: menilai perkembangan dan taburannya Seminar UnHas-UKM (SERUMPUN IV): Penelitian Dunia Melayu Malaysia-Indonesia*. Di Negeri Sembilan terdapat pelbagai jenis persembahan yang tersebar di merata-rata daerah. Antara seni yang dipetakan termasuklah Caklempong, Bongai, Tumbuk Kalang, Dikir Rebana, Tari Piring, Berendoi dan Randai. Randai amat istimewa kerana menggabungkan unsur seni pencak silat, muzik, lakonan dan tarian.

2.3.1.3 Ijazah Sarjana Muda

Bagi kajian tesis master, pengkaji mendapati bahawa segala maklumat dan hasil kajian masih berlaku kesukaran untuk pengkaji memperolehnya. Hal ini dikatakan sedemikian kerana berlaku kelompangan terhadap kajian yang dibuat mengenai lirik lagu kesenian Randai ini. Selain itu, kebanyakan karya, bahan rujukan dan catatan tesis daripada pengkaji dalam negara mengenai kesenian Randai masih belum dikaji dengan lebih mendalam dan lebih mudah didapati di luar negara misalnya di Indonesia. Oleh itu, perkara ini telah memberikan sedikit kesulitan dan kesukaran bagi pengkaji untuk menganalisis data yang mencukupi. Oleh sebab itu, perkara ini perlu dititikberatkan oleh pengkaji-pengkaji lain bagi mengangkat kesenian tradisional masyarakat Minangkabau yang sememangnya penting bagi meneruskan tradisi peninggalan nenek moyang kita seterusnya menjadi panduan dalam kalangan masyarakat.

2.3.2 Jurnal Dan Artikel

Menurut artikel yang dikaji oleh Nor Atikah Azmi, Zubir Idris, Ab. Samad Kechot (2021), yang bertajuk *Kesenian Randai sebagai manifestasi budaya masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan*, mempromosikan seni Randai sebagai salah satu seni rakyat Negeri Sembilan. Walaupun kesenian ini mempunyai hubungan yang kuat dengan tradisi Minangkabau, penyelidikan ini tertumpu kepada kesenian Randai, yang mempunyai hubungan dengan kebudayaan Negeri Sembilan. Kajian ini adalah kajian kualitatif. Sesetengah masyarakat di beberapa daerah masih boleh bercakap dalam bahasa Minang, dan mereka juga aktif dalam mempersembahkan kesenian Randai. Terdapat elemen budaya dalam lirik lagu kesenian ini, yang merupakan subjek kajian. Konsep etnomuzikologi juga digunakan oleh pengkaji untuk mencari elemen budaya yang berkaitan dengan lagu.

Kajian yang dibuat oleh Abdullah, Airenn (2018) yang bertajuk *Seni persembahan Randai: permata negara yang hilang sinarnya*. Sebuah teater tradisional di Negeri Sembilan ialah seni persembahan Randai. Warisan semakin dilupakan dan kurang dihargai oleh masyarakatnya, terutamanya di Negeri Sembilan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka sejarah seni persembahan ini dan elemennya. Kajian ini menggunakan temu bual sejarah lisan Allahyarham Encik Mazdar Bin Abdul Aziz, seorang pengajar seni persembahan Randai di Beranang, Negeri Sembilan. Kajian mendapati bahawa seni warisan ini memberikan pengkaji pengetahuan yang mendalam dan mudah difahami tentang unsur-unsurnya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Arzul M. Hum dan endah Kayo Nan Kuniang (2015), melalui artikel yang bertajuk *Nilai-nilai Pendidikan Karakter Dalam Randai Bujang Sampai*. Nilai-nilai pendidikan watak dalam Randai Bujang Sampai dibincangkan dalam artikel ini. Kepercayaan, penyayang, jujur dan bertanggungjawab adalah beberapa nilai yang dipegangnya. Persembahan randai unik kerana ia menggabungkan pelbagai elemen, seperti tutur, drama, muzik dan bahkan silat, seni bela diri tradisional. Tambahan pula, pendidikan mempunyai nilai kerana ia boleh memberi pengajaran dalam kehidupan.

Berdasarkan kajian yang ditelusuri oleh Abd. Samad Bin Kechot (2008), yang dibawah tajuk *Laporan Kajian Randai Warisan Masyarakat Minang Negeri Sembilan: Meneroka Perkembangan dan Taburannya*. Melalui pengkajian ini dapat dilihat bahawa pengkaji cuba menyampaikan laporan penyelidikan hasil daripada kajian pemetaan Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang dikutip melalui penyertaan dalam aktiviti persembahan, temubual, dan pemerhatian lapangan. Randai di Negeri sembilan difahamkan dibawa masuk oleh masyarakat suku Minangkabau dari Sumatera Barat. Hasil kajian mendapati bahawa taburan aktiviti tarian Randai di Negeri Sembilan

menunjukkan bahawa hanya beberapa kawasan yang giat memepersembahkan tarian ini. Hal ini disebabkan oleh kecenderungan atau minat golongan pelapis yang berbeza di daerah tersebut serta keseriusan pihak terbabit dalam memelihara Randai di kawasan masing-masing.

2.3.3 Buku Dan Akhbar

Manakala, kajian seterusnya terhadap buku Musra Dahrizal Katik Jo Mangkuto dan Jamaluddin Umar Rajo Kuaso (2015), iaitu *Naskah Randai Pilihan*. Pelbagai jenis kajian yang bermanfaat boleh dikaji berdasarkan buku ini. Pada asasnya, penulisan buku ini adalah selari dengan pemikiran yang bermain di minda pengarang itu sendiri dan ada juga bahagian yang berkait dengan pengalaman yang dialami oleh pengarang itu sendiri. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pengarang sendiri adalah seorang yang berlatarbelakangkan kesenian yang merupakan seorang seniman iaitu tenaga pengajar dalam bidang kesenian Randai di Tanah Datar, Sumatera Barat. Perkara ini boleh dijadikan sebagai suatu bahan atau sumber ilmiah yang wajar untuk diperlihatkan kepada semua golongan masyarakat di negara ini. Tuntasnya, buku ini memperlihatkan susunan kepelbagaian jenis puisi tradisional seperti gurindam yang diselitkan ke dalam kesenian ini. Hal ini menunjukkan ketertinggian budaya dan tradisi masyarakat Minangkabau yang perlu dijaga dan dikekalkan agar tidak dilupakan begitu sahaja. Pengkaji dan pengarang turut berharap agar kehadiran naskah ini mampu memberikan sedikit sebanyak nilai tambah dan manfaat kepada individu dan pemerhati seni tradisi Minangkabau khususnya Randai.

Seterusnya, hasil kepengarangan Zainal Abdul Latiff (2003) yang bertajuk “*Randai Sebagai Teater Rakyat di Negeri Sembilan: Sejauh manakah ciri-ciri Minangkabauya terpelihara*”. Dalam kajian ini, beliau menyelidiki sejarah masyarakat

Minangkabau dan struktur sosialnya, serta hubungan antara Minangkabau dan Negeri Sembilan. Pada bahagian lain, beliau melihat Randai di Negeri Sembilan dan yang lain di Minangkabau Sumatera Barat dan membuat kesimpulan bahawa Randai di Negeri Sembilan tidak mempunyai semua ciri yang sempurna seperti di daerah asal Minangkabau. Tidak ada pertempuran dalam gerakan gelombang; ia mudah dan asas. Seseorang boleh menggunakan buku ini untuk melihat proses pertumbuhan Randai yang berlaku di luar negara atau di luar wilayah budaya Minangkabau.

Selain itu, kajian terhadap Chairul Harun (1992) dengan bukunya yang bertajuk *Kesenian Randai di Minangkabau*. Buku yang dihasilkan oleh beliau ini adalah merupakan sebuah buku yang memberikan gambaran mengenai asal usul alam Minangkabau serta terbentuknya suku tersebut sehingga yang dilihat pada hari ini. Buku ini mengetengahkan mengenai bagaimana melalui Kisah Putera Iskandar Zulkarnain menjadikan alam Minangkabau kaya dengan tradisi dan tatacara antaranya adalah kesenian tradisional Minangkabau. Hal ini dikatakan sedemikian kerana buku ini banyak memaparkan ketertinggian budaya Minangkabau melalui kesenian dari aspek gerakan, silat, gurindam, lagu serta dibuktikan dengan foto yang memberikan satu gambaran yang jelas mengenai kesenian ini.

Di samping itu, menerusi akhbar yang dikarang oleh Mursal Esten (1988) yang bertajuk *Randai Teater Rakyat Dari Minangkabau*. Melalui akhbar ini pengkaji cuba menjelaskan akan kepelbagaian fungsi Randai sebagai kesenian teater tradisional masyarakat Minangkabau. Di sini kita dapat lihat bahawa randai yang dahulu adalah sebagai medium hiburan buat masyarakat diadakan ketika waktu selepas solat isyak kemudian masyarakat akan berkumpul di halaman rumah yang diberi nama sebagai Rumah Gadang. Cerita yang dimainkan diambil daripada sebuah kaba iaitu sebuah karya sastera lisan Minangkabau yang terkenal. Setiap daripada pertunjukkan randai ini selalu

dimainkan kaba-kaba yang ada. Selain daripada itu juga turut diselitkan gurindam dalam muzik kesenian randai ini. Peranan gurindam ini tidak hanya semata-mata variasi penyampaian cerita tetapi memiliki fungsi lain dalam pertunjukan randai.

2.4 Kajian Lepas Mengenai Teori Orientasi Budaya

Teori Orientasi Budaya atau lebih dikenali sebagai nilai budaya boleh ditakrifkan sebagai corak kehidupan manusia yang merangkumi aspek dalaman dan luaran yang terdiri daripada tingkah laku, pegangan agama, adat, pakaian, dan sebagainya serta berkembang mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi moden. Hal ini dikatakan sedemikian kerana menyedari sistem nilai budaya dan orientasi budaya akan membantu manusia menjalani kehidupan seharian dan menyumbang kepada ketamadunan masyarakat. Oleh hal yang demikian, segala persoalan yang menyentuh nilai budaya dan masyarakat akan diketengahkan bagi melahirkan sebuah kelompok masyarakat yang mempunyai jati diri yang utuh.

2.4.1 Tesis

2.4.1.1 Ijazah Doktor Falsafah

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Rahimi Bin Ramli (2018) menerusi kajian beliau yang bertajuk *Nilai Dan Pengamalan Patriotisme Dalam Kalangan Masyarakat Sabah Di Malaysia*. Tujuan kajian ini adalah untuk menunjukkan tingkah laku sebilangan masyarakat Sabah. Ia juga bertujuan untuk menentukan tahap pemahaman, persepsi, kesedaran dan pengamalan nilai patriotisme yang dimiliki oleh orang Sabah. Selain itu, kajian ini membincangkan nilai patriotisme, yang terdiri daripada enam prinsip: pengorbanan, kesetiaan, kebanggaan, kekitaan, berdisiplin, dan produktif. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dan pensampelan. Semua daerah yang dipilih di Sabah

akan menerima data daripada borang soal selidik. Oleh itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden sangat menyukai nilai budaya dan patriotisme.

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh Bustami (2016) menerusi kajian beliau bertajuk *Kajian Diaspora Kebudayaan Dan Identiti Masyarakat Aceh di Yan Kedah*. Kajian yang dijalankan ini memberikan fokus kepada kepentingan pertembungan budaya Masyarakat Aceh dan Melayu. Jika ditelusuri dari awal penghijrahan komuniti Aceh ni bertapak di Malaysia adalah bermula apabila mereka diserang oleh Belanda. Kebanggaan orang Aceh dapat dilihat baik dari segi pergaulan harian mereka mahupun dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kaedah etnografi telah digunapakai dalam kajian ini serta pemerhatian ikut serta dan temubual terhadap informan yang berkaitan. Hasil daripada kajian ini telah merumuskan bahawa, pemastautin Aceh ini bukan sahaja melahirkan pewaris kepada susur galur keturunan Nabi Muhammad S.A.W, ulama' dan para wali' Allah, namun nama-nama seperti Syeikh Jamaluddin Al-Kubra dan Wali Songo tidak asing lagi dalam penyebaran agama Islam di Kepulauan Jawa dan Kepulauan Melayu. Oleh hal yang demikian, sifat-sifat baik yang diterapkan dalam Islam diaplikasikan oleh mereka dalam kehidupan seharian seperti, menggunakan bahasa Aceh dalam percakapan harian mereka, mengangkat nama-nama tokoh-tokoh mereka di jalanan dan bangunan, juga menjalin hubungan harmonis dengan masyarakat Melayu tempatan iaitu perkahwinan campur.

Kajian yang dijalankan oleh Syaifuddin Hj. Wan Mahzim (2005) menerusi kajian beliau yang bertajuk *Mantera Dan Upacara Ritual Masyarakat Melayu Pesisir Timur di Sumatera Utara: Kajian Tentang Fungsi Dan Nilai-nilai Budaya*. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti fungsi mantera ritual dan hubungkait mantera dan upacara ritual dengan nilai-nilai budaya serta mengenal pasti keberkesanannya dalam kehidupan anggota masyarakat. Teks mantera, elemen dan konteks ritual sosial, dan

orientasi nilai budaya ahli masyarakat adalah antara bahan yang dikaji juga. Ini disebabkan oleh fakta bahawa mantera dan upacara ritual masih digunakan dalam masyarakat, dan ini mempunyai kaitan dan kesan ke atas orientasi nilai budaya orang Melayu Pesisir Timur di Sumatera Utara. Kajian ini juga menggunakan kaedah fungsional yang berasaskan fakta sosial dan nilai budaya. Kajian mendapati bahawa mantera dan upacara masyarakat Melayu Pesisir Timur di Sumatera Utara adalah manifestasi masyarakat yang menggabungkan kepercayaan Islam, Hindu dan animisme melalui simbol sehingga kepercayaan itu dipancarkan dalam aktiviti budaya mereka.

2.4.1.2 Ijazah Sarjana

Kajian Ijazah Sarjana dapat dilihat menerusi kajian Mohamad Sufaisal bin Shamsudin (2019) yang bertajuk *Pengekalan Identiti Budaya Dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli: Satu Kajian Kes Di PIPOA Kuala Rompin Pahang*. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menyelidiki pengekalan identiti budaya dan nilai murni dalam kalangan pelajar orang asli di Kuala Rompin. Kajian ini akan melihat bagaimana aspek persekitaran mempengaruhi mereka melalui pemantauan PIPOA sebagai pusat pendidikan sebagai medium untuk mengekalkan identiti budaya dan nilai murni pelajar orang asli. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan direka bentuk sebagai kajian kes. Dalam pendekatan kualitatif, dua kaedah pengumpulan data digunakan: temu bual separa berstruktur dan pemerhatian. Perisian Nvivo digunakan untuk menganalisis data kajian ini. Kajian menunjukkan bahawa identiti dan nilai murni pelajar orang asli dikekalkan oleh faktor mikrosistem, iaitu keluarga, institusi pendidikan, seperti PIPOA, dan rakan sebaya.

Di samping itu, menurut Nursyafiqah Binti Mahfudz (2018), dalam kajian yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Ritual Kelahiran Dan Ritual Kematian Etnik Banjar Di*

Tawau, Sabah. Kajian yang dijalankan ini memberi fokus kepada pemahaman tindakan dalam melaksanakan adat resam tradisional Banjar semasa ritual kelahiran dan kematian, serta pemahaman nilai yang menentukan adat resam tradisional komuniti Banjar. Dalam kaedah kualitatif, temu bual dilakukan secara menyeluruh menggunakan kaedah "snowball sampling." Dalam proses ini, responden diminta untuk mencadangkan sumber lain yang mempunyai maklumat yang diperlukan untuk mencapai matlamat kajian. Kajian ini juga mendapatkan data terperinci menggunakan teknik pemerhatian. Kajian menunjukkan bahawa beberapa nilai masyarakat Banjar, termasuk menghormati, bertanggungjawab, memberi nasihat dan menyayangi, telah memberi kesan kepada amalan ritual mereka.

Berdasarkan kajian Mohd Fahmi Ismail (2016) dalam tesis master beliau yang bertajuk *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Di Gua Musang Kelantan, Malaysia*. Objektif-objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji adalah seperti menganalisis nilai-nilai budaya dalam cerita rakyat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, mendokumentasikan cerita rakyat ini, dan yang terakhir ialah merumuskan nilai-nilai budaya masyarakat Orang Asli Temiar. Kajian ini melibatkan kedua-dua kajian iaitu kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini juga menggunakan kerangka nilai budaya untuk menganalisis cerita rakyat yang dikaji. Untuk analisis, alat perakam digunakan untuk merakam data yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa terdapat sebelas nilai budaya yang dipegang oleh masyarakat Orang Asli Temiar. Secara keseluruhan, cerita rakyat Orang Asli Temiar ini adalah representasi kehidupan, kepercayaan, dan jati diri masyarakat ini.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Omar Bin Yusoff (2005) di bawah tajuk tesis master beliau iaitu *Kaum 'Jawi Peranakan' Di Pulau Pinang: Isu-Isu Budaya Dalam Konteks Pembentukan Masyarakat Majumk Di Malaysia*. Kajian mengenai kaum Jawi

Peranakan di Pulau Pinang yang melihat bagaimana proses etnogenesis telah mempengaruhi kebudayaan mereka, yang berkaitan rapat dengan kebudayaan kaum India Muslim dan Melayu. Walau bagaimanapun, ia telah secara beransur-ansur membentuk identiti dan nilai murni orang Melayu serta kehidupan mereka. Identiti kaum peranakan ini yang telah terbentuk sejak dahulu lagi telah dirosakkan oleh proses etnogenesis, proses asimilasi.

2.4.1.3 Ijazah Sarjana Muda

Kajian yang dibuat oleh Azim Yuldashev (2019), yang bertajuk *Peribahasa metafora Haiwan dalam silang budaya Melayu dan Uzbek*. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk membandingkan peribahasa yang mengandungi metafora haiwan dalam bahasa Melayu dan bahasa Uzbek. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis teks. Sebanyak dua puluh enam peribahasa dalam bahasa Melayu dan dua puluh enam peribahasa dalam bahasa Uzbek telah digunakan untuk kajian ini. Peribahasa itu berasal daripada peribahasa yang menggambarkan lima jenis haiwan: anjing, ayam, ular, kambing dan ikan. Kelima-lima haiwan ini biasa dilihat di Malaysia dan Uzbek. Kajian ini mendapati bahawa latar belakang budaya yang berbeza mempengaruhi cara orang Melayu dan Uzbek melihat metafora haiwan. Data dikaji berdasarkan unsur budaya silang antara Uzbek dan Melayu. Secara keseluruhannya, penyelidikan perbandingan tentang metafora Melayu dan Uzbek menunjukkan bahawa unsur haiwan digunakan dalam peribahasa kedua-dua bahasa ini dengan cara yang berbeza.

2.4.2 Jurnal Dan Artikel

Menurut Wan Basyirah Abdul Majid (2023), artikel yang bertajuk *Orientasi Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi*, menjelaskan akan perihal nilai budaya yang merupakan corak kehidupan manusia yang merangkumi aspek dalaman dan luaran yang terdiri

daripada tingkah laku, pegangan agama, adat, pakaian, dan sebagainya. Apabila orang mempunyai pemahaman yang baik tentang nilai budaya dan orientasi mereka, ia akan menjadi panduan untuk mereka menjalani kehidupan seharian dan menyumbang kepada ketamadunan masyarakat. Penyelidikan ini menggunakan analisis deskriptif dan analisis kandungan. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat tiga orientasi nilai budaya dan enam kutipan nilai budaya yang berkaitan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Gita Dewi Nawangwulan (2022), di bawah tajuk *Nilai Budaya dalam Alam Fikiran Na Pacce Masyarakat Bugis: Kajian Teori Orientasi Nilai Budaya Clyde Kluckhohn*, artikel ini menjelaskan pemikiran masyarakat Bugis yang merupakan sebahagian daripada kekayaan falsafah Nusantara. Mereka juga adalah salah satu kelompok etnik Indonesia yang mendiami kawasan Sulawesi Selatan, yang dimana masyarakat Bugis memegang teguh nilai budaya yang telah melekat pada identiti orang Bugis. Kajian ini menggunakan teori Orientasi Nilai Budaya yang dipelopori oleh Clyde Kluckhohn. Penelitian ini juga merupakan penelitian filsafat yang bersifat deskriptif kualitatif dengan menggabungkan dua model perolehan data, berupa data primer dan sekunder.

Menurut Harisan Boni Firmando (2020), dalam kajian yang bertajuk *Orientasi Nilai Budaya Batak Toba, Angkola dan Mandailing Dalam Membina Interaksi dan Solidariti Sosial Antara Umat Beragama di Tanpanuli Utara*, membincangkan bahawa untuk mengelakkan kecurigaan dan perbezaan pandangan yang boleh membawa kepada kesalahfahaman, pertentangan, dan akhirnya konflik, masyarakat beragama mesti mengekalkan keharmonian. Nilai budaya yang dipegang oleh masyarakat Dalihin na tolu Batak Toba, Angkola, dan Mandailing membantu membina hubungan dan solidariti sosial. Oleh itu, adaptasi, akulturasi dan asimilasi yang berlaku antara masyarakat tempatan dan pendatang membawa kepada interaksi dan solidariti. Metodologi deskriptif

adalah metodologi kajian yang digunakan. Pemerhatian dan temuramah dilakukan selain daripada mengumpul data.

Di samping itu, dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Kiram, Norazlina, Kura, Coretta Herliana, Kamarudin dan Kamariah (2017) di bawah tajuk *Nilai budaya dalam novel penulis ASEAN*. Nilai budaya menggambarkan perilaku manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Pemahaman mengenai sistem nilai budaya dan orientasi nilai budaya akan menentukan konteks perilaku sesebuah masyarakat. Namun, nilai budaya bagi sesetiap masyarakat mempunyai jurang perbezaan yang amat ketara. Dalam kajian ini, tiga buah novel Laskar Pelangi (2007) di Indonesia, Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau (2015) di Singapura, dan Sarjana Bangsa (2015) di Malaysia telah dipilih untuk menggambarkan perbezaan nilai budaya dengan menggunakan kerangka kebudayaan Anwar Din (2008). Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, elemen kebudayaan seperti norma, etos, kepercayaan, simbol dan pandangan dunia diberikan penekanan. Akhir sekali, kajian menunjukkan bahawa masyarakat ASEAN berkongsi nilai budaya yang hampir sama dalam banyak aspek kehidupan mereka. Ini disebabkan oleh fakta bahawa ketiga-tiga karya ini dicipta oleh artis yang mempunyai latar belakang kebudayaan sama ada dalam ASEAN atau dalam rumpun Melayu.

Berdasarkan artikel yang dikeluarkan oleh Berita Harian daripada Abd Aziz dan Shamrahayu (2010) di bawah tajuk *Mengenal nilai agama, budaya dan identiti diri*. Kajian ini membicarakan mengenai peranan masyarakat Melayu dalam menangkis sifat hak asasi ciptaan daripada Barat. Hal ini dikatakan sedemikian kerana masyarakat Melayu seharusnya menjadikan sistem nilai sebagai teras dalam menjaga hak asasi tersebut selagi mana hak asasi tersebut tidak bertentangan dengan nilai agama dan budaya serta amalan di negara ini. Oleh itu, secara ringkasnya, kepercayaan kepada diri sendiri harus diperkuatkan melalui pegangan agama dan nilai nenek moyang. Jangan sesekali hilang

keyakinan dengan melihat orang lain lebih baik daripada kita sendiri tanpa mengiktiraf kebaikan dan kelebihan diri sendiri.

2.4.3 Buku Dan Akhbar

Kajian terhadap Bungaran Antonius Simanjuntak (2010) dengan karya beliau yang bertajuk *Melayu Pesisir Dan Batak Pergunungan (Orientasi Nilai Budaya)*. Karya ini dilihat memberikan fokus yang jelas dalam sistem nilai budaya Melayu di Sumatera Utara. Dalam buku ini ia mengaitkan antara masyarakat moden dan juga tradisional dengan menggunakan pendekatan teori Orientasi Budaya yang diperkenalkan oleh Kahl. Dalam buku ini menyebut nilai-nilai budaya yang dimiliki oleh masyarakat moden adalah sebanyak 14 dan salah satunya adalah tidak bergantung kerabat diraja, kecenderungan orientasi terhadap kehidupan kota dan banyak lagi. Hasil kajian dalam buku ini mendapati bahawa keberadaan kepelbagaian masyarakat Melayu iaitu orang Melayu itu sendiri, Melayu Batubara, yang masing-masing mereka menjalankan kehidupan seharian dengan melaksanakan pelbagai pekerjaan dan bidang. Hasil penelitian mendapati pengkaji membahagikan kepada empat bahagian antaranya ialah golongan sosial nelayan, golongan sosial petani, golongan sosial karyawan dan golongan sosial pelajar. Jelaslah di sini bahawa kepelbagaian budaya Melayu yang bukan sahaja terdapat di tanah Melayu sebaliknya memiliki kepelbagaian ras dan suku kaum terutamanya di kepulauan Sumatera dan wilayah tanah Jawa itu sendiri yang menjadikan orang Melayu itu memiliki kesamarataan yang lebih dikenali sebagai satu rumpun Melayu.

Seterusnya, akhbar yang telah dikeluarkan oleh Razali, Darus (1993), yang bertajuk *Penerapan semula nilai budaya jadi kenyataan*. Melalui kenyataan yang dikeluarkan ini, usaha menerapkan semula nilai-nilai kebudayaan dalam jiwa generasi muda daerah Padang Terap menjadi satu kenyataan apabila pihak kerajaan mengadakan himpunan perkampungan budaya secara besar-besaran iaitu dijalankan selama tiga hari berturut-turut di Kuala Nerang. Penganjuran perkampungan budaya ini bukan sahaja membangkitkan nostalgia akan kehidupan masa lampau yang penuh dengan warna-warni dan keharmonian masyarakat desa sebaliknya mewujudkan semangat perkampungan melalui aktiviti gotong-royong yang dimana sejajar dengan nilai dan norma masyarakat Melayu. Penyuntikan semangat perkampung ini turut diteruskan dengan acara kemuncak dengan aktiviti seperti pameran kesenian tradisional iaitu sembahang muzik gendang keling, seni silat, congkak, berendoi, demonstrasi adat, berkhatan, majlis bersanding dan pelbagai lagi.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat pelbagai kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji lain yang boleh diambil untuk dijadikan sebagai rumusan serta panduan dalam menjalankan kajian ini. Oleh hal yang demikian, setiap kajian lepas yang dibuat ini mestilah mempunyai perbezaan yang tersendiri mengikut ciri-ciri yang diinginkan oleh pengkaji bagi menyelaraskan tajuk yang dibuat supaya segala maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai kesahihannya. Jelaslah bahawa tajuk kajian yang dijalankan ini sangat menarik untuk diterokai supaya kajian yang dibuat boleh dijadikan sebagai sumber maklumat yang bermanfaat untuk golongan masyarakat di negara ini supaya lebih cakna dengan keadaan hidup bermasyarakat serta pengekal tradisi nenek moyang kita.

Oleh itu, jelaslah di sini bahawa fokus kajian ini adalah untuk melakukan penyelidikan, menilai, dan memahami dengan teliti penulisan dan hasil kajian sebelumnya yang berkaitan dengan persoalan yang akan dikaji. Penemuan kajian akan menunjukkan bahawa terdapat ruang atau lompang dalam pengetahuan yang berkaitan yang perlu dipenuhi. Selain itu, ini akan membantu pengkaji memahami dengan lebih baik persoalan yang akan dikaji, memahami konteks masalah, dan menjalankan kajian dengan cara yang berkesan dan sistematik.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi boleh didefinisikan sebagai suatu kaedah atau langkah yang penting bagi menjalankan sesebuah kajian kerana setiap kajian haruslah diteliti dengan lebih mendalam bagi mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai kebenarannya serta kesahihannya (Asfi Manzilati, 2017). Metodologi kajian juga menjuruskan kepada suatu kaedah yang telah diguna pakai sepanjang kajian ini dijalankan atas dasar pengumpulan data yang berkaitan bagi mendapatkan keaslian data bagi mengukuhkan sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini dikatakan sedemikian kerana segala masalah yang berkaitan dengan kajian ini akan ditelusuri bagi menyelesaikan segala masalah berbangkit dengan data yang dikumpulkan demi penghasilan kajian yang terbaik. Metodologi kajian ini perlu diperjelaskan dalam kajian bagi menyumbang kepada segala pemahaman tentang data-data yang berkait dengan tajuk kajian supaya segala maklumat yang berkaitan tidak lari dengan objektif yang telah ditetapkan di dalam kajian ini.

Oleh yang demikian, metodologi ini memberi penekanan yang jelas kepada prinsip disiplin yang tinggi dalam sesebuah penulisan yang berkait dengan kajian dan segala data yang dikumpulkan mestilah dicatat supaya tidak berlaku isu-isu yang boleh menjejaskan segala data yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber yang tepat. Selain itu, segala data yang diperolehi mestilah datangnya daripada sumber yang tepat

iaitu merujuk kepada matlamat penting tentang penggunaan konsep metodologi dalam sesebuah kajian. Segala matlamat yang dicapai melalui kajian ini adalah menerusi segala kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini seperti bagaimana data-data itu telah didapatkan, cara mendapatkan maklumat dapatan yang boleh dipercayai, teknik pemprosesan dan sebagainya. Lantaran itu, metodologi kajian ini dilihat sangat penting bagi membantu penyelidikan yang dibuat adalah bersesuaian dengan kajian yang hendak dijalankan serta secara tidak langsung kaedah ini dapat membantu menjawab segala persoalan yang berbangkit menerusi permasalahan kajian dan persoalan kajian yang terkandung dalam kajian ini. Kesannya, metodologi kajian ini akan mendorong dan membawa kepada satu prinsip disiplin yang mempunyai garis panduan yang perlu dipatuhi supaya kajian yang dijalankan ini tidak terpesong daripada objektif yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, metodologi kajian ini merupakan tunjang utama dalam sesebuah kajian kerana segala data yang telah dikumpul adalah tepat dan boleh dijadikan sebagai hasil yang berkualiti bagi menghasilkan kajian yang mantap. Menerusi bab ini, kajian ini memfokuskan mengenai metodologi ialah *Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Menerusi Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan*. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah metodologi ini dilihat lebih sistematik dan teratur demi mencapai objektif kajian ini. Oleh itu, beberapa aspek akan dikupas dalam bab ini iaitu reka bentuk kajian, cara pengumpulan data, dan penggunaan teori yang akan digunakan dalam menjalankan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan satu kaedah yang dibuat untuk mengemukakan sesuatu data atau maklumat yang diperoleh daripada pelaksanaan kajian dan kajian yang

dijalankan lebih sistematik demi mencapai pembolehubah yang selari dengan objektif kajian (Ang Kean Hua, 2016). Hal ini dikatakan sedemikian kerana reka bentuk kajian ini menegaskan tentang kaedah yang digunakan untuk menganalisis data dan mendapatkan maklumat-maklumat penting bagi menjelaskan sesebuah kajian yang dibuat. Reka bentuk kajian ini juga menjurus kepada langkah-langkah penting yang perlu diaplikasikan bagi menghasilkan sesebuah kajian yang mantap dan berkesan. Oleh yang demikian, reka bentuk kajian ini memfokuskan kepada cara pengumpulan data, cara menganalisis data dengan berkesan dan sebagainya. Reka bentuk kajian ini turut berkait rapat dengan tatacara penyelidikan yang tepat melalui kaedah kuantitatif semasa menjalankan kajian. Kaedah kajian tersebut mempunyai fungsi-fungsinya yang tersendiri bagi mengumpul maklumat dengan lebih sistematik dan data yang diperolehi adalah datangnya dari sumber yang dipercayai.

Berdasarkan pernyataan Sirajuddin Saleh (2017), kaedah kualitatif merujuk kepada bentuk metode pencarian maklumat berdasarkan kepada sifat mekanistik dan data yang diperolehi adalah memenuhi kepada dasar kajian. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kaedah kualitatif ini merupakan suatu pendekatan ilmiah iaitu pencarian maklumat berdasarkan sumber-sumber ilmu seperti sumber kepustakaan. Kaedah kualitatif ini bersifat fleksibel bersesuaian dengan segala tajuk yang diperuntukkan bagi menjalankan kajian. Kaedah kualitatif ini didasari oleh beberapa perkara penting yang melibatkan analisis dokumen, naratif lisan, dokumentasi teks dan sebagainya. Secara tidak langsung, kaedah-kaedah ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat dengan lebih sistematik bagi menghasilkan kajian yang berkualiti.

Dokumentasi teks merupakan suatu aspek penting dalam penelitian metode yang digunakan dalam membantu melancarkan proses pengumpulan data bagi sesebuah kajian. Berdasarkan pernyataan Yasraf Amir Piliang (2004) dokumentasi teks ini merujuk kepada

analisis terhadap penggunaan teks yang menggambarkan kepada suatu gabungan yang membentuk kelompok tanda yang wujud dalam penghasilan sebuah teks. Dokumentasi teks ini sangat berkait dengan struktur ayat, tanda dalam ayat, makna tersurat dan tersirat yang dapat membantu dalam meningkatkan kualiti penghasilan bagi sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Secara kebiasaannya, kaedah ini digunakan oleh pengkaji kerana terdapat banyak maklumat yang boleh diperolehi seperti rujukan dalam buku, majalah, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, dokumentasi teks ini dapat membantu pengkaji secara amnya dalam mengumpulkan data-data penting bagi membantu dalam menghasilkan kajian yang bermanfaat untuk rujukan pengkaji-pengkaji lain.

Tuntasnya, kaedah kualitatif menjuruskan kepada pendekatan reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini. Pada pengamatan dan pemerhatian pengkaji, kaedah kualitatif ini dilihat sangat bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan. Kaedah ini juga selari dengan pencarian maklumat berdasarkan sumber dari kepustakaan. Oleh yang demikian, dokumentasi teks telah diaplikasikan dalam kajian ini bagi menganalisis penggunaan teks-teks berkaitan dengan tajuk kajian ini. Segala persoalan dan objektif yang terkandung dalam kajian ini akan diberi penekanan bagi menghasilkan sebuah kajian yang rapi.

3.2.1 Dokumentasi Kajian

Dokumentasi kajian merujuk kepada suatu kaedah yang digunakan dalam penghasilan sebuah penyelidikan yang melibatkan segala maklumat yang berkait rapat dengan penggunaan analisis data yang boleh dijadikan sebagai sumber utama dalam sesebuah kajian. Blasius Sudarsono (2017) menegaskan bahawa dokumentasi kajian ini adalah konsep yang berpandukan kepada data yang berkaitan dengan kajian bertujuan untuk

mengenal pasti, menganalisis dan mengkaji segala maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sehubungan dengan itu, dokumentasi ini terbahagi kepada tiga sudut pandangan yang berbeza seperti paparan di bawah;

1. Dokumentasi ini telah merujuk kepada suatu proses dalam sebuah penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana penyelidikan yang dijalankan ini adalah berdasarkan kepada pengalaman hidup manusia yang dilalui oleh seseorang pengkaji tersebut. Pemikiran pengkaji tersebut selari dengan persekitaran yang dialaminya sehingga tercetus suatu idea yang dapat membantu dalam menambak penyelidikan yang dijalankan. Proses ini merupakan suatu langkah yang perlu diambil oleh pengkaji bagi memasukkan unsur kemanusiaan dan kehidupan dalam pembentukan sebuah idea yang bermanfaat dalam kajian.
2. Dokumentasi ini dijadikan sebagai suatu wadah atau objek dalam sesebuah kajian. Perkara ini merujuk kepada pemikiran dan perasaan yang dialami oleh pengarang itu sendiri melalui memek muka atau perbuatan yang dilakukan oleh manusia. Pemikiran bagi setiap individu itu adalah berbeza-beza mengikut keadaan dan persekitaran tempat yang mereka telah diami. Perkara ini merujuk kepada suatu aspek nyata yang boleh dilihat dengan pandangan manusia dan perkara yang tersirat juga perlu dititikberatkan oleh pengkaji untuk menjadi sumber rujukan yang mantap bagi kajian.
3. Dokumentasi ini juga turut boleh dijadikan sebagai sumber ilmu pengetahuan. Hal ini disebabkan oleh dokumentasi ini selari dengan bidang ilmu yang berkait dengan penggunaan teori dan mempunyai pelbagai konsep yang boleh diambil untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Ilmu berkaitan dengan

dokumentasi ini sangat luas dan pelbagai kaedah yang boleh diambil bagi menggunakan prinsip ini. Secara tidak langsung, kajian yang dijalankan adalah berunsurkan daripada sumber ilmiah yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, dokumentasi kajian ini telah menjadi tunjang utama dalam pengumpulan data yang melibatkan analisis dokumen dalam sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dokumentasi kajian ini telah digunakan sekian lama oleh pengkaji-pengkaji lain kerana kebanyakan data yang diperolehi adalah sumber yang berteraskan kepada sejarah, pentadbiran dan sebagainya. Segala data-data penting yang berkaitan dengan proses dokumentasi ini mempunyai penambahbaikan yang tersendiri mengikut arus perubahan yang semakin canggih. Dokumentasi kajian ini mempunyai manfaatnya yang tersendiri dalam memastikan segala objektif yang telah ditetapkan dalam kajian itu tercapai dan segala data yang berkait mudah untuk dikumpulkan melalui pendekatan dokumentasi teks. Tuntasnya, dokumentasi teks ini merupakan aspek penting dalam memastikan kajian yang dijalankan mempunyai data yang tepat dan dijamin keaslian maklumat yang diperolehinya.

Dokumentasi teks telah menjadi dasar kepada pembentukan kajian ilmiah yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan dalam kalangan masyarakat. Dokumentasi teks ini boleh dinyatakan sebagai suatu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis data yang berkaitan dengan penggunaan teks bagi kajian. Setiap teks yang dikaji mempunyai unsur ekstrinsik iaitu tersurat dan intrinsik iaitu tersirat serta penggunaan teks ini penting bagi membantu dalam perkembangan sebuah penyelidikan. Barthes (1967) membahagikan kepada lima prinsip berkaitan dengan analisis teks;

1. *Polysemy* merujuk kepada dasar prinsip terhadap penggunaan analisis teks yang bermaksud penanda dalam struktur ayat.
2. Analisis teks ini mempunyai prinsip yang selari dengan makna sosial, nilai dalam teks, emosi dan melibatkan perasaan.
3. Setiap penggunaan teks mestilah mempunyai gabungan yang menjadi dasar melalui tanda-tanda sintagmatik, melalui etika sosial dan penggunaan metafora dalam sesebuah ayat.
4. Setiap bacaan yang ditekankan melalui konsep konotasi adalah berbeza-beza. Hal ini kerana terdapat perbezaan yang ketara dalam pembentukan sosial yang berkait dengan status, gender, umur dan sebagainya.
5. Penggunaan analisis teks ini sangat berkait dengan budaya dalam kalangan masyarakat. Kepelbagaian budaya ini telah memberikan suatu perkembangan yang luas dalam bidang bahasa dan kajian terhadap teks turut berkembang.

Sehubungan dengan itu, dokumentasi teks ini dilihat dapat memberikan impak positif kepada perkembangan dalam sesebuah penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji. Analisis kajian ini sangat bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini adalah berpandukan kepada penggunaan lirik lagu dan melibatkan penggunaan teori Orientasi Budaya dalam kajian. Oleh itu, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah dokumentasi terhadap kajian ini telah mengaplikasikan kaedah dokumentasi terhadap lagu kerana pendekatan ini sangat bersesuaian dengan tajuk kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap lagu berdasarkan asimilasi budaya dan maklumat-maklumat lain berkait rapat dengan kajian ini. Penggunaan kaedah analisis teks merujuk kepada sebahagian teks yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan perkara ini menjuruskan kepada sumber

dari perpustakaan. Oleh itu, lirik lagu yang dikumpulkan dalam kajian ini akan dikaji dengan lebih mendalam untuk dijadikan bukti selari dengan kehendak objektif kajian ini.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Berdasarkan Ahmad Rijali (2019), definisi sastera merujuk kepada segala maklumat penting yang perlu ada bagi setiap kajian yang dijalankan kerana setiap kajian yang dijalankan kerana setiap kajian mestilah memiliki sumber rujukan yang jelas bagi mendapatkan data yang berkualiti. Cara pengumpulan data adalah merupakan aspek penting dalam melaksanakan sesebuah kajian dalam membantu proses pengumpulan data bagi mengukuhkan hasil kajian. Segala data yang berkaitan dengan tajuk kajian mestilah tepat bagi mengukuhkan objektif kajian dan dapat menjawab kepada semua persoalan kajian yang dinyatakan dalam kajian ini.

Di samping itu, pengkaji telah memilih kaedah yang bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan bagi memudahkan hasil dapatan kajian ini. Pengkaji telah mengaplikasikan kaedah kualitatif yang berasaskan kepada pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan. Penggunaan kaedah kualitatif ini dilihat sangat bersesuaian dengan tajuk kajian ini dengan memiliki prinsip maklumat yang tersendiri. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kaedah ini mempunyai pelbagai bentuk analisis menerusi pemerhatian, temu bual, analisis dokumen, paparan visual, dan sebagainya. Patton (1990) menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis maklumat yang bersangkutan dengan kaedah kualitatif;

1. Maklumat pertama ialah merangkumi hasil pemerhatian yang penting dalam kajian. Perkara ini selari dengan pelbagai situasi, interaksi, tingkahlaku dan kejadian dalam kerja lapangan.

2. Maklumat kedua ialah hasil pembicaraan yang baik. Hal ini sangat berkait rapat dengan sikap, pengalaman serta pemikiran yang berkaitan dengan seseorang.
3. Maklumat ketiga ialah bahan tertulis dalam sesebuah dokumen. Segala bahan yang berkait dengan penggunaan teks seperti dokumen berkenaan, kes sejarah dan sebagainya.

Oleh yang demikian, pengkaji mestilah menitikberatkan segala prinsip yang ditegaskan dalam penggunaan kaedah kualitatif ini supaya segala data yang dikumpul adalah boleh dipercayai. Sumber data ini mestilah tepat dengan segala maklumat yang telah dikumpul supaya kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk ilmiah dan boleh menjadi rujukan bagi pengkaji-pengkaji lain dalam menjalankan kajian mereka. Jelaslah bahawa pengkaji telah memilih kaedah kualitatif ini kerana sumber rujukan bagi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian senang untuk dicari berdasarkan sumber dari perpustakaan.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah pencarian maklumat berdasarkan sumber dari perpustakaan merupakan antara salah satu aspek terpenting dalam kajian dengan penggunaan kaedah kualitatif. Pencarian maklumat kepustakaan ini menjuruskan kepada suatu tinjauan yang dibuat oleh pengkaji dalam mengumpulkan data, menganalisis dokumen, dan menilai pelbagai sumber maklumat yang boleh digunapakai dalam kajian ini. Bahri dan Che Norma (2004) memerihalkan bahawa segala data yang dikumpulkan daripada sumber perpustakaan ini akan membantu kajian dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan dan segala sumber yang diperolehi adalah sangat tepat serta boleh dipercayai. Rentetan daripada penerangan di atas, sumber rujukan yang mudah untuk didapati adalah menerusi kajian yang

berdasarkan sumber dari perpustakaan. Terdapat pelbagai medium yang boleh diaplikasikan dalam membantu pengumpulan maklumat dengan kadar yang sangat pantas. Medium-medium yang dapat membantu kajian ini dalam mendapatkan maklumat ialah buku, jurnal kajian, laporan penyelidikan, tesis dan sumber-sumber lain yang mempunyai kaitan dengan bidang pendidikan yang setaraf dengan perkara yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu.

Seterusnya, segala sumber rujukan yang telah dikumpulkan haruslah dianalisis terlebih dahulu supaya data yang dikeluarkan mempunyai kaitan dengan tajuk kajian. Segala data yang telah dimasukkan dalam kajian perlulah diteliti dengan lebih baik supaya maklumat yang cuba diketengahkan dalam kajian ini boleh disampaikan dengan baik. Penyelidikan yang dilakukan mestilah mengambil kira segala bahan rujukan yang diambil supaya segala persoalan kajian dapat dijawab dengan baik.

Di samping itu, segala sumber yang telah dipetik dalam penggunaan artikel, jurnal, tesis dan lain-lain perlulah dicatat dalam bahagian rujukan bagi setiap kajian. Perkara ini sangat penting kerana setiap kajian yang dijalankan mestilah mempunyai prinsip dan tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak atasan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sumber rujukan ini merujuk kepada kajian yang berkualiti untuk dipertontonkan kepada orang lain. Terdapat format penulisan yang perlu dititikberatkan dalam menulis sumber rujukan seperti format MLA, APA dan segala format yang diperuntukkan dalam sistem bagi setiap institusi yang terlibat dalam penyelidikan ini.

Oleh itu, kaedah pencarian maklumat dari sumber perpustakaan telah diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengumpulkan data yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana pengkaji merujuk ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk mendapatkan segala bahan rujukan yang boleh membantu

mendapatkan data penting selari dengan tajuk kajian ini. Contoh bahan rujukan yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan sumber dari perpustakaan adalah majalah, buku tesis dan sebagainya. Tuntasnya, kaedah ini dilihat dapat memberikan kesan positif kepada penghasilan kajian yang menarik dan segala data yang diperolehi adalah benar serta boleh dipercayai keasliannya.

3.3.2 Analisis Dokumen

Menurut Nilamsari (2014) analisis dokumen ini merujuk kepada suatu pendekatan atau metode kajian yang diaplikasikan bagi membantu dalam menganalisis maklumat berdasarkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kajian. Analisis dokumen ini penting bagi setiap kajian yang dijalankan supaya segala maklumat mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Analisis dokumen ini perlu diketengahkan dalam setiap kajian yang dijalankan bagi memastikan segala proses penyediaan bahan atau pengumpulan data dalam dijalankan dengan lebih sistematik. Analisis dokumen ini adalah bertujuan untuk menilai, mentafsir dan menganalisis segala data yang telah diperolehi bagi membantu kelancaran idea dalam penyelidikan ini.

Selain itu, analisis dokumen ini merangkumi aspek kajian yang perlu ditekankan segala data berkaitan dengan penggunaan jurnal, buku, rekod sejarah dan sebagainya. Perkara-perkara ini sangat penting untuk dirujuk bagi membantu kajian dalam mencapai nilai kecemerlangan yang tinggi dalam aspek kandungan data yang mantap. Perkara ini juga bersangkutan dengan kaedah analisis terhadap penggunaan teks yang berkait dengan tajuk kajian ini. Jelaslah menunjukkan bahawa kaedah kualitatif ini boleh dijadikan sebagai tunjang utama dalam mencapai prinsip metode pengumpulan data yang baik.

Penggunaan kaedah kualitatif ini sangat berkait dengan penggunaan tema yang selari dengan objektif yang telah ditetapkan dalam sesebuah kajian. Tema yang digunakan

dalam kajian mestilah mempunyai kaitan dengan penggunaan metode yang telah diaplikasikan dalam kajian supaya segala data dapat dianalisis dengan baik bagi mewujudkan kajian yang berkualiti. Data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif ini adalah sangat luas sehingga boleh mempunyai hubung kait dengan rangkaian sosial dan kepelbagaian corak yang boleh diambil kira sebagai satu data yang inovatif.

Secara keseluruhannya, bentuk penggunaan analisis dokumen ini adalah sangat penting dan perlu dikenalpasti objektif yang cuba diketengahkan dalam kajian ini. Pengkaji mestilah mempunyai pemikiran yang terbuka dengan mempertimbangkan segala faktor, tujuan dokumen dan segala sumber yang berkaitan dalam membantu proses menganalisis data dengan lebih berkesan. Pengkaji telah menjalankan kajian yang bertajuk *Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan* dengan mengaplikasikan kaedah kualitatif dalam mewujudkan suatu penyelidikan yang lebih sistematik dan teratur. Segala objektif yang diketengahkan dalam kajian ini mampu untuk dicapai dengan baik kesan daripada metode penyelidikan yang berkesan. Segala data yang diperolehi adalah berkualiti dan kesahihannya adalah boleh dipercayai dengan melibatkan penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian.

3.3.3 Teks

Teks boleh didefinisikan sebagai suatu bentuk makna yang disusun dengan penggunaan huruf-huruf tertentu bagi mendapatkan sesuatu maksud atau pengertian daripada perkataan tersebut. Berdasarkan kepada pernyataan Gummy Wulandari dan Dian Indihadi (2021) teks ini merujuk kepada suatu gambaran tertentu yang memberikan impak kepada suasana, orang, peristiwa atau sesuatu tempat dengan lebih jelas. Penggunaan teks ini pada kebiasaanya datangnya daripada pengalaman pengarang itu sendiri dalam

menghasilkan sesebuah karya yang berbentuk ilmiah. Pengalaman itu sangat berkait rapat dengan kehidupan bermasyarakat yang sedikit sebanyak mampu mempengaruhi pemikiran pengarang itu sendiri. Dalam konteks penggunaan kaedah kualitatif, analisis teks menjuruskan kepada suatu kaedah yang telah digunapakai untuk menganalisis dan memahami penggunaan teks dengan lebih berkesan.

Meninjau dari skop yang lain, kajian yang dijalankan ini adalah berkait dengan kaedah analisis terhadap teks. Analisis teks ini merupakan asas kepada reka bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji dan segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini adalah berdasarkan teks-teks yang berkaitan. Analisis teks ini sangat berkait dengan penggunaan tajuk kajian ini iaitu *Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan*. Kandungan yang terdapat dalam penggunaan teks ini dilihat mempunyai banyak makna dan memiliki tema yang tersendiri. Tema merupakan suatu aspek penting dalam sesebuah kajian bagi memastikan skop kajian yang dijalankan tidak lari dengan ketetapan kajian.

Seterusnya, analisis wacana juga turut memberikan impak dalam perkembangan kajian ini. Hal ini dikatakan kerana kajian yang dijalankan ini mempunyai banyak faktor yang mempengaruhi hubungan dengan penggunaan wacana seperti bab, buku dan sebagainya. Hamad (2004) penggunaan wacana ini selari dengan realiti kehidupan yang dilakukan oleh seseorang individu itu dengan dipengaruhi oleh persekitaran, pengalaman, peristiwa, pemikiran dan sebagainya. Lantaran itu, wacana ini terbahagi kepada beberapa bentuk dalam sesebuah karya;

1. Penggunaan teks dalam pembentukan wacana seperti artikel, berita, novel, cerpen dan lain-lain.

2. Penggunaan ucapan atau dialog. Contohnya, pergaulan, pidato, temu bual dan sebagainya.
3. Setiap tindakan yang dilakukan selaras dengan wujud wacana seperti lakonan, drama, tarian dan gerakan.
4. Jejak dalam konsep wacana merangkumi aspek bangunan, pemakaian, landskap dan sebagainya.

Oleh itu, penggunaan wacana ini dilihat sebagai faktor penting dalam penggunaan kaedah analisis terhadap teks dengan melibatkan penggunaan idea yang menarik dan membantu dalam menganalisis penggunaan teks yang mempunyai makna tersirat. Bagi mengkaji buku *Kesenian Randai di Minangkabau* karya Chairul Harun, penggunaan wacana ini telah digunakan bagi mendapatkan maklumat penting menerusi aspek sosial dalam kalangan masyarakat yang berteraskan kepada penggunaan buku ini.

Buku karya *Kesenian Randai di Minangkabau* karya Chairul Harun merupakan teks yang telah menjadi pilihan pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana buku ini dilihat sangat berkait rapat dengan realiti kehidupan masyarakat di Negeri Sembilan ini yang di mana penulis cuba mengetengahkan gambaran mengenai asal usul alam Minangkabau serta terbentuknya suku tersebut sehingga yang dilihat pada hari ini. Buku ini mengetengahkan mengenai bagaimana melalui Kisah Putera Iskandar Zulkarnain yang menjadikan alam Minangkabau kaya dengan tradisi dan tatacara antaranya adalah kesenian tradisional Minangkabau. Hal ini dikatakan sedemikian kerana buku ini banyak memaparkan ketertinggian budaya Minangkabau melalui kesenian dari aspek gerakan, silat, gurindam, lagu serta dibuktikan dengan foto yang memberikan satu gambaran yang jelas mengenai kesenian ini. Jika ditelusuri dalam aspek persembahan Randai ini, lagu yang dituturkan oleh penari tersebut bukan sahaja lagu semata-mata sebaliknya ia mengandungi unsur intrinsik iaitu nilai-nilai kehidupan Islam serta nilai-

nilai murni yang memerihalkan aspek kehidupan yang dijalani oleh masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, segala kisah yang terkandung dalam buku *Kesenian Randai di Minangkabau* ini dapat membuka minda pembaca dalam kepentingan penjagaan warisan budaya ketara khususnya buat masyarakat Minangkabau Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

3.3.4 Artikel, Jurnal Dan Buku

Artikel, jurnal dan buku adalah bahagian penting dalam membantu untuk menganalisis data bagi kajian yang dijalankan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis terhadap penggunaan artikel, jurnal dan buku merangkumi kaedah kualitatif yang digunakan dalam mengumpulkan data berkaitan dengan tajuk kajian. Dengan cara ini, kajian yang dijalankan ini akan mendapatkan data yang fleksibel dengan mempunyai pelbagai kajian yang mantap untuk dijadikan sebagai rujukan.

Bertitik tolak daripada itu, terdapat pelbagai langkah yang boleh diambil dalam membantu proses penyelidikan ini supaya dilihat lebih sistematik untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi pengkaji lain. Langkah yang perlu diambil oleh pengkaji dalam menganalisis bahan-bahan tersebut adalah dengan memahami konteks atau tema yang terkandung dalam artikel, jurnal dan buku tersebut. Pengkaji mestilah membaca bahan bacaan yang hendak dikaji terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji perlu memfokuskan kepada objektif kajian supaya segala data yang diperolehi tidak terpesong dari dasar awalnya.

Sehubungan itu, sumber analisis dokumen bagi artikel, jurnal dan buku telah diaplikasikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan artikel, jurnal dan buku ini dilihat memberikan kesan positif kepada pengumpulan data yang berkesan. Segala sumber bahan rujukan dan bacaan boleh

diperolehi berdasarkan kepada sumber kepustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan boleh diakses melalui sumber dari internet. Secara tidak langsung, penggunaan sumber rujukan ini dilihat dapat memberi kejelasan makna terhadap data yang diperolehi untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian ini.

3.3.5 Sumber Internet

Sumber internet merupakan antara sumber yang dapat menyumbang kepada perkembangan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan sumber internet ini semakin berkembang pesat mengikut arus permodenan dalam negara. Segala maklumat yang diperlukan pada hari ini sangat mudah untuk dilihat kerana semua data yang diperlukan hanya berada di hujung jari sahaja. Penggunaan sumber internet ini dilihat memiliki dasar yang sama dalam aktiviti pengumpulan maklumat berdasarkan tajuk kajian iaitu *Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan*. Lantaran itu, sumber internet ini mempunyai kepentingannya yang terdiri bagi membantu dalam menghasilkan kajian yang lebih sistematik dan mantap.

Meninjau dari skop yang lain, sumber maklumat dari internet juga perlu ditekankan sebagai suatu asas yang membantu mendapatkan maklumat bagi kajian ini. Kaedah pencarian maklumat berdasarkan sumber internet dilihat sangat selari dengan kemajuan teknologi yang dikecapi negara pada masa ini. Misalnya, terdapat beberapa laman sesawang yang telah digunapakai oleh pengkaji bagi memperolehi maklumat penting seperti Malaysian Thesis Online (MyTO), Google Scholar dan sebagainya. Jelaslah bahawa penggunaan sumber internet ini dapat memberikan impak baik kepada kesinambungan idea dan kualiti data yang boleh dikemukakan melalui kajian ini.

3.3.6 Temu bual

3.3.6.1 Kaedah Temu Bual Berstruktur

Terdapat pelbagai alat yang boleh digunakan untuk mengumpul data dalam penyelidikan ini. Salah satu alat yang berkaitan dengan pendekatan kualitatif ini adalah kaedah temu bual. Menurut Patton (1980), terdapat tiga jenis temu bual: formal, tidak formal dan terbuka. Tetapi temu bual berstruktur, separa berstruktur dan tidak berstruktur, menurut Fontana dan Fey (1994) dan Meriam (1998). Maklumat sosiodemografik seperti umur, pendapatan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan, dan lain-lain dikumpulkan dalam kajian ini melalui temu bual berstruktur. Ini kerana temu bual berstruktur adalah teratur dan formal. Soalan yang ditetapkan oleh pengkaji adalah asas kepada soalan yang akan dijawab oleh responden. Walau bagaimanapun, soalan yang diajukan kepada setiap peserta adalah sama supaya perbezaan dalam jawapan boleh dilihat. Pengkaji akan menemu bual kira-kira dua orang penduduk asli Kampung Gagu, Jelevu, yang telah lama menetap di sana. Seterusnya, soalan yang diberikan kepada responden akan disesuaikan dengan matlamat yang ingin dicapai. Untuk memastikan data tidak menyimpang daripada objektif kajian, soalan harus ringkas dan ringkas. Jika tidak, proses menganalisis data akan menjadi lebih sukar.

Terdapat 3 asas dalam pembentukan soalan temu bual berstruktur;

- 1) Pengkaji memperuntukkan soalan yang menggunakan bahasa yang jelas dan mudah difahami.
- 2) Tahap keupayaan kefahaman bahasa yang diberikan kepada responden selari dan sama.
- 3) Setiap soalan yang diberikan ini akan membawa pemaknaan yang sama bertetapan dengan pemahaman berdasarkan soalan yang diajukan.

3.3.7 Kaedah Pemerhatian

Salah satu cara untuk mengukur pembolehubah penyelidikan ialah pemerhatian. Kajian ini juga menggunakan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kaedah ini telah digunakan oleh pengkaji untuk memerhati bagaimana persembahan kesenian Randai yang akan dikaji bergerak. Kelebihan kaedah ini, menurut Ahmad Mahzan Ayub (2013), ialah setiap peristiwa boleh direkodkan semasa ia berlaku. Pengkaji dalam kajian ini akan menggunakan teknik pemerhatian tidak turut serta untuk menentukan tahap penghayatan kesenian Randai oleh penduduk setempat. Untuk menggunakan pemerhatian, penyelidik tidak perlu berada di luar unit sosial yang mana tingkah lakunya diperhatikan. Sebagai pemerhati, penyelidik melihat tingkah laku unit sosial dan maklumat yang mereka kumpulkan lebih boleh dipercayai kerana reaksi subjek dan simpati penyelidik tidak mempengaruhinya.

Untuk tujuan ini, pengkaji akan melaksanakan pemerhatian pada waktu siang, di Kampung Gagu, Jelebu ini. Memandangkan aktiviti kesenian Randai ini bukan setiap hari dilakukan, maka pengkaji perlu teliti dalam membuat pemerhatian agar tidak melakukan kesilapan. Untuk mengelakkan kesilapan dan memudahkan pemerhatian, penyelidik akan merakam dan mengambil foto bagi tujuan kajian dan bukti pemerhatian.

3.3.8 Kaedah Visual

Media visual menggunakan imej yang dapat dilihat atau berdasarkan penglihatan dengan mata kasar manusia adalah bertujuan untuk pengajaran. Pembelajaran dan pengajaran biasanya menggunakan media visual. Media visual ialah paparan interaktif. Penggunaan alat visual membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Muhamad Hasan Al-Amin Menurut Rahman (2000), piramid kadar pemerolehan pengetahuan menunjukkan bahawa pendengaran, rasa, sentuhan, bau dan penglihatan masing-masing

menyumbang 83% daripada jumlah keseluruhan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa visual membolehkan pemerolehan data yang berkesan. Oleh yang demikian, bagi memberikan pengetahuan tambahan dan lebih jelas, pengkaji telah menonton beberapa tayangan video persembahan kesenian Randai di aplikasi *Youtube* secara tidak langsung tayangan video itu akan menyedarkan pengkaji mengenai kepentingan warisan ketara yang terdapat di Negeri Sembilan yang tidak diketahui secara umum oleh pengkaji secara khususnya sebelum membuat kajian ini.

3.4 Kaedah Analisis Data

Sesetengah definisi analisis data ialah menyusun, menyediakan struktur dan mencungkil makna. Analisis data kualitatif adalah proses yang berterusan dan dinamik (Polit et al., 2001). Analisis data akan dijalankan dengan komputer atau secara manual. Selain itu, apabila melakukan analisis data ini, pengkaji perlu membahagikan data kepada bahagian kecil untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Untuk memudahkan interpretasi data, rakaman temu bual akan ditranskripsi dan setiap transkripsi akan mempunyai kod. Pengkaji akan membaca transkripsi beberapa kali untuk mencari tema yang berulang. Data akan disusun mengikut tema utama dan dibahagikan kepada pelbagai subkategori. Data daripada kajian akan diinterpretasikan mengikut persoalan kajian. Ringkasan persoalan kajian dan kaedah analisis data adalah seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Ringkasan Persoalan Kajian dan Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1) Apakah aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.	- Huraian secara Kualitatif
2) Bagaimanakah langkah untuk mengenalpasti lirik lagu dalam aktiviti seni Randai bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelebu. Negeri Sembilan.	- Huraian secara Kualitatif
3) Bagaimanakah potensi seni persembahan Randai ini mampu mengembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan.	- Huraian secara Kualitatif

3.4.1.1 Kaedah Tematik

Pendekatan Tematik boleh diistilahkan sebagai satu teknik dalam data kualitatif yang digunakan untuk mengenalpasti, menganalisis, dan melaporkan tema atau pola utama yang terdapat dalam data. Kaedah ini amat fleksibel kerana ia sering digunakan dalam pelbagai jenis penyelidikan yang berkaitan kualitatif. Langkah pertama yang terdapat dalam kaedah tematik ini adalah mengenalpasti dan membiasakan diri dengan data. Pengkaji akan membaca data secara berulang kali bagi memahami kandungan data secara lebih mendalam. Seterusnya, kod awal dijana dengan memecahkan data kepada unit-unit kecil yang bermakna, di mana setiap unit diberikan label atau kod. Kod-kod yang serupa kemudian dikumpulkan bersama untuk membentuk tema yang lebih besar iaitu mewakili pola utama yang dikenalpasti dalam data.

Selepas itu, tema-tema yang dikenal pasti akan disemak untuk memastikan ia konsisten dengan data keseluruhan dan relevan dengan soalan kajian. Setiap tema akan diberikan nama dan definisi yang jelas di mana pengkaji akan menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan setiap tema dan mengapa ia amat penting. Akhirnya, tema-tema ini akan dilaporkan dalam bentuk penulisan, termasuk contoh-contoh data untuk menyokong setiap tema. Kaedah tematik mempunyai beberapa kelebihan kerana ia bersifat fleksibel dan boleh digunakan dalam pelbagai jenis penyelidikan kualitatif. Kaedah ini juga terperinci dan memberikan pemahaman mendalam tentang data, berstruktur, dan kemudiannya membantu pengkaji untuk mengorganisasikan dan menganalisis data secara sistematik. Sebagai contoh, dalam kajian mengenal asimilasi budaya dalam lirik lagu Randai Adat Perpatih di Negeri Sembilan ini, kaedah tematik mampu dilaksanakan menerusi tema seperti asimilasi budaya yang berlaku, jenis lagu kesenian randai, bagaimana untuk mengekalkan warisan ketara ini, dan seumpamanya. Secara kesimpulannya, jelaslah di sini bahawa dengan penggunaan kaedah tematik ini, pengkaji

dapat mengatur data dengan cara yang bermakna, memberikan sudut pandangan yang mendalam tentang isu-isu yang dikaji serta mampu menyiapkan laporan kajian yang komprehensif.

3.4.2 Teori Orientasi Budaya

3.4.2.1 Pengenalan Teori Orientasi Budaya

Konsep kompleks yang dipanggil teori Orientasi Budaya menggambarkan hubungan yang kukuh antara manusia dan alam sekitar dan bagaimana ia mempengaruhi tingkah laku manusia sepanjang kehidupan. Ini dikatakan kerana idea teori ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia, seperti kepercayaan, adat, pemakanan, pakaian, dan sebagainya (C. Kluckhohn, 1962). Ini kerana, budaya dari zaman dahulu sehingga hari ini merupakan aspek terpenting yang melengkapi kehidupan manusia kerananya tanpanya manusia itu tidak dapat membina sebuah ketamadunan bangsa yang terbilang. C. Kluckhohn ini merupakan seorang tokoh sarjana Barat serta seorang profesor yang giat mengkaji bidang antropologi yang merangkumi aspek seperti unsur-unsur budaya secara kolektif. Aspek kebudayaan merupakan cabang yang luas yang perlu dimiliki dalam sesebuah komuniti masyarakat agar masyarakat itu dapat mempertahankan warisan ketara dan juga warisan tidak ketara yang ditinggalkan zaman-berzaman oleh nenek moyang kita agar generasi akan datang dapat menikmati kebudayaan yang ditinggalkan tersebut. Oleh hal yang demikian, peranan teori Orientasi Budaya ini adalah sebagai satu medium atau wadah pembentukan masyarakat kearah yang lebih bertamadun meliputi segala aspek seperti adat resam, kepercayaan, serta nilai budaya itu sendiri yang membentuk nilai-nilai moral kebaikan agar masyarakat dapat hidup secara harmoni.


Dalam kajian C. Kluckhohn juga beliau memerihalkan akan nilai budaya, yang merupakan corak kehidupan manusia dari segi dalaman dan luaran, yang berkembang

seiring dengan kemajuan teknologi kontemporari. Sehingga hari ini, nilai budaya masih tidak jelas kerana nilai budaya berbeza bagi setiap masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, dan kadangkala terdapat persamaan dan pertembungan budaya. Secara dasarnya pemahaman yang baik daripada masyarakat mengenai nilai budaya ini akan memandu mereka dalam menjalani kehidupan seterusnya secara tidak langsung membentuk ketamadunan yang sempurna. Jelaslah bahawa teori Orientasi Budaya ini menjadi asas kepada pembentukan suatu masyarakat yang pelbagai yang selagi mana mereka berpegangan dengan nilai-nilai budaya yang baik tersebut mereka tidak akan tersasar dalam masa yang sama menghormati bangsa dan kaum yang lain serta meraikan keberadaan masyarakat tersebut dalam konteks sosial pada masa kini.

3.4.2.2 Kaedah Penerapan Teori

Salah satu komponen terpenting dalam menjalankan kajian ialah menggunakan teori. Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa teori kajian mempunyai keupayaan untuk menjadikan analisis kajian lebih berkesan dan mendorong penemuan yang lebih tepat mengenai subjek kajian. Menurut Dalinur M. Nur (2011), beliau menyatakan bahawa teori menjuruskan kepada beberapa kaedah yang dijalankan bagi menghasilkan kajian-kajian yang berbentuk ilmiah sebagai panduan buat masyarakat. Secara umumnya, teori ini telah diasaskan oleh tokoh-tokoh yang terkenal khususnya dalam bidang kearifan mereka sendiri dan segala hujah dapat diketengahkan bagi menjelaskan sesuatu idea yang digunapakai dalam kajian ini. Manakala, Cohen R. (1987) menyatakan bahawa teori ialah pernyataan yang menunjukkan hubungan antara dua entiti yang benar dengan bait-bait ayat yang membentuk pernyataan baharu. Oleh itu, sebagai asas kepada kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori Orientasi Budaya.

3.4.2.3 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 3.1: Konseptual Kajian

Sumber: Muhammad Nuruddin Bin Abd Razak (2024)

3.5 Penutup

Secara kesimpulannya, bahagian ini memberikan penekanan yang jelas kepada segala aspek yang berkaitan dengan kaedah kajian yang dijalankan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana segala aspek yang diketengahkan dalam bab ini akan memperincikan tentang reka bentuk kajian yang dijalankan, cara pengumpulan maklumat yang penting bagi kajian ini dan penggunaan teori yang diaplikasikan bagi menjadi panduan dalam menyelesaikan kajian ini. Oleh itu, kaedah metodologi kajian ini selari dengan cara pengumpulan maklumat yang berkesan dan kajian berdasarkan tajuk Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan yang dijalankan akan dapat diselesaikan dengan mudah mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkenaan. Jelaslah di sini bahawa metodologi kajian yang mantap dan segala maklumat yang dikemukakan adalah tepat serta boleh dipercayai keesahannya.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Analisis dan dapatan kajian di dalam bab empat merupakan satu bahagian yang memainkan peranan yang besar di dalam sesebuah kajian yang dilakukan. Hal ini demikian kerana, segala analisis berkenaan kajian termasuklah semua dapatan yang diperolehi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini akan ditunjukkan di dalam bab empat ini. Analisis dan dapatan kajian secara amnya merupakan satu bahagian di mana pengkaji akan mengemukakan segala analisis yang dibuat berdasarkan kajian, sekaligus mengemukakan segala dapatan kajian yang sudah diperolehi oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini. Bab empat ini juga akan menjadi satu bahagian di mana analisis dan dapatan kajian yang dibincangkan berdasarkan kepada tiga objektif kajian yang telah pengkaji kemukakan di dalam bab satu (1), iaitu;

1. Mengkaji aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
2. Mengenal pasti lirik lagu aktiviti seni Randai yang menjadi simbolik dan lambang bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Jelebu. Negeri Sembilan.
3. Menganalisis potensi seni persembahan Randai dalam mengembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan.

Dapatan kajian boleh dikenali sebagai sesuatu perkara yang telah diketahui atau didapati segala keputusan serta hasil kajian yang hendak dijalankan berkaitan dengan segala bentuk laporan yang perlu untuk dikaji. Selain itu, dapatan kajian juga adalah merupakan suatu proses dalam menganalisis yang berkait dengan laporan kajian yang dijalankan menerusi aspek-aspek tertentu yang bersangkutan dengan permasalahan kajian, mengkaji hasil kajian serta menganalisis segala data yang berkaitan dalam membentuk suatu kajian yang lengkap (Cresswell, 2010). Oleh itu, dapatan kajian ini memberi fokus yang tinggi kepada tajuk kajian yang dijalankan iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan.

Justeru itu, kajian yang dijalankan ini akan memberi penekanan kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian yang melibatkan aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan seperti mana yang telah dikemukakan dalam bab-bab sebelum ini. Selain itu, dapatan kajian ini juga memfokuskan kepada peranan lirik-lirik lagu kesenian Randai yang menjadi simbolik dan lambang kepada masyarakat Minangkabau Adat Perpatih sejak awal penghijrahan mereka ke Negeri Sembilan. Di samping itu juga, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan bagi menganalisis persembahan Randai ini yang di mana jika dilihat daripada pelbagai perspektif ia mampu memberikan potensi dalam perkembangan ekonomi di Negeri Sembilan. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilaksanakan ini akan menganalisis segala data yang berkaitan bagi memperoleh maklumat yang tepat berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji juga akan mengulaskan dengan lebih lanjut dan terperinci berkenaan lirik-lirik lagu Randai terpilih bagi menjalankan kajian ini, iaitu sebanyak 10

buah lagu Randai Minangkabau. Lagu Randai Minangkabau merupakan lagu masyarakat Minangkabau lama yang berasal dari Indonesia iaitu wilayah Sumatera Barat yang juga merangkumi Alam Melayu kita (Nuraina Alia Mohd Hussin et al.,2023). Lagu-lagu yang dipilih membawa makna dan nilai yang mencerminkan budaya dan cara hidup yang diaplikasikan di dalam kesenian Randai ini.

4.2 Asmilasi Budaya

Asmilasi dengan erti kata lain dikenali sebagai akulturasi. Ia merujuk kepada sesuatu proses perubahan dan percantuman kebudayaan dan pinjam-meminjam unsur kebudayaan akibat perhubungan antara dua kumpulan yang berlainan tradisi. Menurut Zaliza dan Norlin (2009), asimilasi budaya akan terus berlaku. Asimilasi ini akan menyebabkan titik pertemuan antara kaum di Malaysia semakin meluas. Menurut mereka lagi, titik pertemuan merupakan nilai hidup bersama. Maka, titik pertemuan adalah sebagai kunci untuk mencapai suatu matlamat negara, iaitu penyatuan melalui keperibadian kebangsaan yang jitu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pinjaman budaya ini tidak mengubah budaya asal etnik yang meminjam. Asimilasi budaya banyak berlaku terutamanya dalam kalangan rakyat Malaysia dan ini membawa kepada aspek yang positif dalam kesepaduan sosial di negara ini.

Proses asimilasi akan berlaku apabila wujudnya interaksi yang erat dan rapat antara ahli kumpulan etnik yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan memakan jangka masa yang lama. Asimilasi akan mencapai objektifnya apabila etnik minoriti sanggup menerima identiti atau budaya etnik majoriti yang lebih dominan sebagai cara hidup mereka seharian dalam menjalani kehidupan. Asimilasi mempunyai ciri-ciri persamaan dengan akulturasi iaitu apabila sesuatu kebudayaan diubahsuaikan akibat hubungan dengan kebudayaan lain. Asimilasi biasanya melibatkan penghapusan sepenuhnya

perbezaan dari segi kebudayaan dan pengenalan kelompok. Berbeza daripada kahwin campur atau penyatuan, asimilasi tidak semestinya memerlukan penyatuan biologi. Proses asimilasi bergantung kepada dua faktor yang penting iaitu yang pertama adalah kesanggupan golongan minoriti untuk menghilangkan identiti mereka dan kesanggupan golongan majoriti dalam menerima golongan lain sepertimana yang berlaku di Negeri Sembilan. Tanpa kesanggupan ini proses asimilasi sukar berlaku melainkan dengan cara paksaan. Asimilasi juga berkait-rapat dengan saiz kumpulan minoriti, tingkat perbezaan diantara golongan minoriti dengan golongan majoriti, serta kadar imigrasi. Pada umumnya, kumpulan minoriti yang bilangan anggotanya lebih kecil bilangannya lebih mudah untuk diresapi berbanding bilangan yang lebih besar. Sebagai contoh yang dapat dilihat di negara Thailand, terdapat masyarakat Melayu yang dikenali sebagai Melayu Pattani, mereka telah diasimilasikan dengan menggunakan nama, bahasa, dan cara hidup yang sama dengan masyarakat Thai tetapi dipisahkan dengan anutan agama kerana mempunyai sejarah lampau yang panjang antara kedua-dua agama Buddha dan Islam tersebut.

Negara kita Malaysia misalnya, telah menerapkan konsep asimilasi dalam kalangan penduduknya sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, asimilasi yang diterapkan dalam masyarakat Malaysia bukanlah seperti asimilasi struktur yang telah berlaku di sesetengah negara, di mana etnik-etnik lain dipaksa mengikut budaya etnik majoriti sehingga menyebabkan mereka kehilangan identiti yang asal. Konsep asimilasi di Malaysia adalah sangat unik iaitu dengan menerapkan penerimaan budaya setiap etniknya. Sepertimana dalam kajian ini, etnik Minangkabau yang telah berhijrah dari Sumatera Utara ke Tanah Melayu terutamanya Negeri Sembilan telah membawa pelbagai aspek tradisi, adat resam, kepercayaan, perundangan termasuk aspek sosial kepada masyarakat asal di Negeri Sembilan. Sepertimana yang kita sedia maklum, undang-

undang tidak bertulis iaitu Adat Perpatih yang telah dibawa masuk ke Negeri Sembilan, telah menjadikan masyarakat di Negeri Sembilan mempunyai sistem sosial, dan ekonomi yang lebih tersusun dan sistematik sehingga ke hari ini. Antara contoh, asimilasi budaya yang ketara berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih adalah seperti penerimaan adat sesama masyarakat iaitu ungkapan yang terkenal “Biar mati anak, jangan mati adat” dan “Adat bersendi hukum, hukum bersendi Kitabullah”. Keadaan ini sememangnya menunjukkan masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan amat sinonim dan berpegang teguh dengan adat kerana ia merupakan identiti dan jati diri seseorang bangsa Melayu sejak zaman-berzaman.

Selain itu, pinjaman budaya tersebut boleh berlaku dalam pelbagai aspek. Asimilasi budaya pula boleh berlaku dalam bentuk pinjaman budaya kebendaan, iaitu budaya yang melambangkan sesuatu kebudayaan secara langsung atau tidak langsung seperti pakaian, makanan, seni bina, kesenian, kraf tangan, permainan tradisional, kaligrafi, dan simbol. Di samping itu, pinjaman budaya juga boleh berlaku dalam bentuk budaya bukan kebendaan iaitu budaya yang dihasilkan daripada kepercayaan adat dan undang-undang dalam masyarakat yang amat signifikan seperti adat perkahwinan, adat kelahiran, adat kematian, pantang larang, nilai, perayaan, bahasa dan agama.

4.3 Aspek Asimilasi Budaya

Adat Perpatih adalah amalan hidup yang jauh lebih lama daripada Common Law yang hanya bermula sekitar tahun 1066 Masihi. Adat yang berasal dari Alam Minangkabau ini telah dibawa dan diterima pakai di Negeri Sembilan oleh para-para perantau yang mula meneroka wilayah ini di sekitar abad yang ke-12. Walaupun Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat pedalaman Negeri Sembilan telah melalui proses pengubahsuaian atau disebut berasimilasi, namun dasar adat ini masih dikekalkan iaitu

menjuraikan keturunan berdasarkan sisitem nasab ibu atau digelaran “matrilineal”. Kewujudan konsep Laras Nan Dua iaitu Bodi-Caniago dan Kota-Piliang di Minangkabau telah merancakkan lagi permuafakatan antara kedua-dua pemimpin. Pemufakatan ini telah mendorong berlakunya peristiwa batu batikam dan batu baling yang ditandai oleh kedua-dua pemimpin dan disebut sebagai Adat Tuah Disakato. Penggabungan dua sistem ini telah menjadi adat yang digunakan yang disebut sebagai Adat Alam Minangkabau. Secara signifikkannya, Adat Perpatih telah berjaya melestarikan kehidupan masyarakat tempatan melalui prinsip kerukunan hidup termasuk konsep dan amalan budi, undang-undang, perlembagaan, kuasa adat, kepentingan hartanah, kekeluargaan, alam semula jadi dan aspek-aspek kehidupan masyarakat yang lain.

4.3.1 Adat Perkahwinan

Adat istiadat perkahwinan dalam Adat Perpatih disebut sebagai adat semenda-menyemenda. Adat ini merupakan upacara inisiasi yang paling besar dalam lingkungan hidup seseorang individu dan kelompok keluarganya. Penghijrahan perantau Minangkabau ke Alam Melayu telah mendorong kepada perkahwinan campur antara masyarakat asal yang dimana ia telah membentuk kepelbagaian suku yang terdapat di Negeri Sembilan. Upacara ini dari awal sehingga akhir harus mengikuti saluran adat baik dari segi kombinasi satu persatu adat istiadatnya, ketatatertiban sistem perkahwinannya mahupun peranan yang dipikul bersama. Demi kepentingan upacara perkahwinan ini maka keterlibatan Lembaga, Buapak, Besar dan Kadim serta semenda dan seadat atau tempat semenda nan seresam dengan kuasa pengendalian mereka, anak buah dengan kepatuhan mereka turut berganding bahu menyumbangkan tenaga dan menghulurkan bantuan sekadar yang upaya demi menjayakan majlis tersebut; sebagaimana yang disebut kata adat;

Berat sama sama dipikul,
 Ringan sama dijinjing,
 Ke gunung sama didaki,
 Ke lurah sama dituruni,
 Hati gajah sama dilapah,
 Hati kuman sama dicecah.

(Sistem Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan: 4)

Oleh sebab masyarakat adat di Negeri Sembilan mempunyai falsafah hidup yang tersendiri, maka perkahwinan ini tidak lari daripada landasan adat. Ia terpaksa tunduk di bawah peraturan dasar yang telah ditetapkan atau dikatakan sebagai berkisar dalam genggamannya adat. Bagi masyarakat, adat perkahwinan bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara dua individu berlainan jantina yang diperakui oleh agama, budaya dan masyarakat tetapi penyatuan atau penyambung pertalian antara dua keluarga, dua rumpun, dua ruang, dua perut, malahan dua suku. Jelasnya kesemua aspek hubungan sosial dan organisasi sosial kelompok itu menjadi keseluruhan yang kohesif, yakni melahirkan rasa kesatuan antara individu, antara keluarga serta seluruh anggota suku itu. Pelbagai masalah yang dihadapi oleh pasangan atau keluarga akan dapat diselesaikan dengan wujudnya jalinan kekeluargaan dalam konteks kesukuan, keperutan, keruangan, dan kerumpunan yang utuh. Semuanya dihadapi dengan mudah dan berlangsung dengan penuh kegembiraan. Segala kesukuan akan dilampaui berteraskan perbilangan;

Adat bersaudara, saudara dipertahankan,
 Adat berkampung, kampung dipertahankan,

Adat bersuku, suku dipertahankan,

Hidup sandar menyandar,
 Bagai aur dengan tebing.

(Sistem Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan: 5)

Atas alasan-alasan tersebut, perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih mempunyai identiti yang tersendiri dan berbeza daripada adat perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat adat yang lain. Sungguhpun demikian, tidaklah bermakna ia terasing secara bersendirian, malah dalam ciri-ciri tertentu ia adalah sehaluan dengan adat perkahwinan yang lain, khususnya yang berkaitan persoalan agama. Syarat-syarat perkahwinan di sisi hukum syarak tetap berfungsi secara mutlak seperti mana dalam masyarakat Melayu Islam yang lain. Jadi, dalam masyarakat adat di Negeri Sembilan, perkahwinan itu haruslah dirujuk kepada perbilangan;

Syarak tidak menghalang,

Adat tidak menggagal.

(*Sistem Perkahwinan Adat Di Negeri Sembilan: 6*)

Ini bermakna, perkahwinan itu hanya sah apabila diadakan oleh wali atau wakilnya, bersaksi dan membayar mas kahwin (mahar). Di samping itu, perkahwinan harus sah dari segi adat iaitu tidak melanggar pantang larang adat. Seandainya perkahwinan itu tersangkut pada galangan-galangan adat, maka dari kaca mata adat itu masih tergantung. Untuk ini, adat mempunyai saluran-saluran tertentu untuk menyelesaikannya kerana bagi adat; kusut boleh diselesaikan.

Adat perkahwinan masyarakat Adat Perpatih mempunyai norma perspektif dan *preferential*. Norma perspektif dasar sistem ini adalah *eksogami* iaitu seorang lelaki tidak boleh menikahi seorang perempuan daripada sukunya sendiri. Mereka daripada suku yang sama dianggap bersaudara. Perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih adalah dilihat sebagai hubungan antara dua suku dan atau dua perut. Dengan kata lain, perkahwinan yang digalakkan adalah antara dua orang yang berlainan suku-lain suku lain waris; dan dikatakan sebagai;

Labu ke kundur,
Kundur ke labu,
Orang ke orang.

(*Norma Perspektif Perkahwinan Adat: 6*)

Di sesetengah tempat dan suku, prinsip eksogami tidak lagi tertakluk kepada satu suku tetapi kepada satu perut, dan perut menjadi unit *eksogami* yang terkecil dalam proses mencari jodoh. Dengan kata lain, ada beberapa buah suku tertentu yang diizinkan oleh adat untuk melakukan perkahwinan indogami. Misalnya di Luak Rembau, suku Biduanda Jakun boleh berkahwin dengan Biduanda Dagang atau Biduanda Jawa. Begitu juga di kalangan anggota suku Mungkal Darat; anggota suku Mungkal Perut Bukit diizinkan berkahwin dengan anggota suku Mungkal Perut Tebal. Walau bagaimanapun antara kedua-dua pecahan perut Bukit dan Keling, mereka tidak diizinkan berkahwin. Perkahwinan yang ideal dalam masyarakat adat ini ialah antara pasangan yang berlainan suku.

4.3.2 Aspek Bahasa

Bahasa merujuk kepada sesuatu perkara yang melibatkan dengan penggunaan lisan yang dituturkan oleh mulut manusia. Menurut Asmah Haji Omar (1998) yang merupakan tokoh linguistik Melayu menyatakan bahawa bahasa adalah firasat atau petunjuk kepada sesuatu kebudayaan. Secara mudahnya, bahasa mencerminkan kebudayaan kepada penuturnya. Jika ditelusuri sejarah awal penghijrahan besar-besar orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu telah berlangsung sekitar abad ke-15 atau lebih awal lagi, de Jong (1952) dan Winstedt (1934). Jalinan peristiwa sedemikian menyebabkan berlakunya *language and culture contact*, selanjutnya membawa kepada proses asimilasi dan integrasi. Antara yang paling menonjol adalah Adat Perpatih Minangkabau diterapkan dan dijadikan tidak kurang 25 tulisan tentang bahasa ini ditemui. Bagi masyarakat Melayu

(yang juga merangkumi masyarakat pengamal Adat Perpatih), kesantunan bahasa berkait rapat dengan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan keikhlasan yang tercermin dalam tatacara berkomunikasi sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pihak pendengar untuk mengekalkan komunikasi yang harmoni tanpa menimbulkan sebarang konflik. Kesantunan berbahasa bagi masyarakat ini juga berkait rapat dengan penggunaan timbang rasa yang diberikan kepada pendengar oleh penutur melalui penggunaan bahasa yang halus untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pesanan kepada seseorang, mengandungi adab yang tertib, sopan serta enak didengar dan mengandungi ciri bahasa yang menghormati seseorang (Asmah, 2000; Zaitun Azma, 2009).

Sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu, masyarakat pengamal Adat Perpatih di Negeri Sembilan juga amat mementingkan kesantunan berbahasa ketika berinteraksi dan berkomunikasi. Dalam sesuatu peristiwa komunikasi, ciri kesantunan menjadi ukuran nilai peribadi seseorang. Bagi mereka, kata perbilangan atau lebih dikenali sebagai Teromba yang merupakan komponen dalam puisi tradisional masyarakat Melayu. Sisipan kata perbilangan adat ini mengandungi maksud tersirat dalam sesuatu peristiwa komunikasi merupakan satu daripada bentuk kesantunan berbahasa yang memancarkan nilai dan pola berfikir tersendiri. Keadaan ini menjadikan bentuk komunikasi masyarakat Adat Perpatih agak berbeza daripada bentuk komunikasi masyarakat Melayu secara umum. Hal ini diakui Errington (1984), yang mengatakan bahawa salah satu keunikan dan ciri masyarakat Minangkabau adalah untuk menyampaikan maksud secara tidak terus terang. Dengan erti lain, ahli masyarakat adat menggunakan ungkapan kata perbilangan yang mengandungi makna implisit dalam mengungkapkan sesuatu maksud bagi mempamerkan kesantunan berbahasa. Kata perbilangan adat ialah gundalan adat atau satu bentuk pengucapan istimewa yang

membicarakan adat dan undang-undang adat yang menggambarkan corak kehidupan masyarakat pengamal Adat Perpatih. Dalam kata perbilangan adat terkandung adat, nilai, peraturan, hukum, undang-undang, dan perundangan juga pegangan keagamaan yang menjadi semangat, inspirasi dan aspirasi kukuh kepada segala tindak tanduk anggota masyarakat pengamalnya (Nohalim, 2003). Kata perbilangan merupakan salah satu aspek yang membezakan Adat Perpatih daripada adat Melayu yang lain. Penyampaian ideanya banyak bergantung pada ketetapan pilihan kata atau diksi (Yaacob, 1986). Kata-kata dalam ungkapan perbilangan adat merupakan kata yang memberi erti atau makna mendalam yang dapat diterima oleh setiap anggota pengamalnya. Ungkapan kata perbilangan terdiri daripada unit atau kata yang disusun menjadi gagasan kata yang berupa frasa, klausa, dan ayat yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik, ekspresif, kental, di samping sisipan pelbagai puisi lain seperti pantun, gurindam dan peribahasa yang mengandungi nilai keindahan yang dapat menimbulkan rangsangan (Dharmawijaya, 1994; Harun, 1989). Menurut Za'ba, (1965), “kata perbilangan adat seakan-akan bidalan dan pepatah yang hanya lainnya berenggan dua, tiga atau lebih, disebut lepas satu, satu, seperti membilang dan isinya sudah menjadi undang-undang yang tetap”. Kesannya, perbilangan adat mampu mengatur kehidupan, dipatuhi dan menjadi undang-undang atau peraturan mutlak yang terserap sebagai sebahagian daripada budaya yang melambangkan kesantunan dalam kehidupan masyarakat pengamalnya (Norhalim, 2003).

Memandangkan masyarakat yang mengasaskan kata perbilangan adat merupakan masyarakat tani, maka penggunaan bahasa dalam ungkapan kata perbilangan tidak dapat lari daripada menggunakan kiasan daripada alam yang melingkari kehidupan masyarakat adat, seperti bukit, lurah, gunung, gajah, ayam, padi, sungai, pemetung, dan seumpamanya (Winstedt, 1931). Hal ini sedemikian menjadikan penggunaan bahasa pada

setiap rangkaian kata atau ungkapan yang digolongkan sebagai kata perbilangan, mempunyai ciri keistimewaannya yang tersendiri. Keistimewaan penggunaan bahasa kata perbilangan Adat Perpatih terletak pada kehalusan, keluasan, kedalaman, serta ketajaman pemikiran yang terkandung dalam setiap ungkapan, disertai irama dan susunan kata yang menarik, merangkumi seluruh aspek kehidupan masyarakat adat dan disampaikan secara berkias melalui jalinan bahasa kiasan, pepatah, petiti dan peribahasa yang memerlukan interpretasi atau tafsiran yang mendalam (Md. Sharif, 1988). Dalam sesuatu peristiwa komunikasi, kata perbilangan diguna pakai sama ada dalam keadaan formal mahupun tidak formal. Dalam keadaan formal, kata perbilangan digunakan khususnya semasa perhimpunan adat untuk menjalankan upacara adat dan istiadat. Dalam keadaan tidak formal pula, kata perbilangan adat digunakan sebagai alat berhibur iaitu sebagai satu bentuk kawalan sosial bagi mendidik generasi muda dan menyelaraskan perlakuan bagi mengekalkan norma tertentu dalam masyarakat. Ungkapan kata perbilangan juga menjadi “bahasa basahan” yang digunakan sebagai alat komunikasi yang bertujuan untuk menjaga air muka penutur dan pendengar atau juga orang yang dilawan bercakap. Teromba secara rumusannya adalah ungkapan-ungkapan puitis yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan dalam masyarakat adat. Pernyataan ini disokong oleh Allahyarham Prof. Madya Dato’ Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin yang merupakan tokoh Warisan Kebangsaan (Orang Hidup) serta tokoh Adat Perpatih yang menjadi rujukan terutamanya kepakaran beliau dalam bidang puisi tradisional iaitu Teromba.

4.3.3 Aspek Perundangan

Undang-undang merujuk kepada sesuatu peraturan yang diamalkan dan diterima oleh sebuah kelompok masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2009), undang-undang boleh ditakrifkan sebagai suatu aturan atau peraturan secara keseluruhannya digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan.

Peraturan atau kaedah yang dibuat oleh sesuatu badan perundangan yang dikenakan ke atas rakyat negara berkenaan atau sekumpulan orang dan dikuatkuasakan melalui badan penguatkuasaan tertentu dan keengganan mematuhi undang-undang berkenaan akan membawa kepada hukuman (Kamal Halili Hassan, 1990). Terdapat dua jenis undang-undang di Malaysia iaitu undang-undang bertulis dan tidak bertulis. Negeri Sembilan secara khususnya terdapat undang tidak bertulis yang dikenali sebagai undang-undang adat yang berperanan sebagai panduan dan pegangan sejak zaman berzaman buat masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Organisasi Adat Perpatih adalah diasaskan oleh sistem nasab ibu. Sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih Negeri Sembilan menjadi dasar kepada keseluruhan tingkah laku yang merangkumi sistem politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat tersebut. Susunan masyarakat yang bersendikan tradisi keluarga *matrilineal* iaitu susur galur keturunan seseorang itu adalah melalui ibunya merupakan ciri terpenting dalam sistem adat dan perundangan Adat Perpatih. Jika suku ibunya Paya Kumpuh maka kesemua anak-anaknya adalah juga bersuku Paya Kumpuh. Dalam susunan keluarga nasab ibu ini, hak mewarisi harta pusaka berlaku melalui keturunan perempuan yang bermula daripada pihak ibu sebagai pengasas keluarga. Sebagai contoh, di daerah Rembau pewaris harta seperti rumah pusaka diberikan kepada anak perempuan bongsu, manakala di daerah Kuala Pilah ia diwariskan kepada anak perempuan yang tua (Yaakob, 1996;17). Walaupun hak mewarisi harta pusaka adalah melalui keturunan perempuan, namun segala hak dan urusan pentadbiran keluarga diatur oleh saudara lelaki. Begitu juga dalam soal rumah tangga, termasuk didikan anak-anak, kuasa adalah di tangan suami. Pewaris pangkat dan gelaran seperti Undang, Lembaga, Buapak dan lain-lain adalah anak lelaki. Anak lelaki juga bertanggungjawab menjaga saudara-saudara perempuannya dan juga menjaga tanah pusaka mereka.

4.3.4 Aspek Makanan

Dalam sistem Adat Perpatih makanan memainkan peranan yang penting tidak hanya sebagai hidangan harian, namun juga sebagai simbol dalam pelbagai upacara adat. Hal ini sedemikian kerana ia melibatkan aspek budaya, spiritual dan sosial yang memberikan kesan yang besar terhadap cara masyarakat Minangkabau menjalani kehidupan seharian serta dalam pelaksanaan upacara adat. Terdapat beberapa peranan makanan yang ditekankan dalam Adat Perpatih:

1. Makanan sebagai simbol kekerabatan dan keharmonian.

Makanan dalam Adat Perpatih berkait rapat dengan konsep kekeluargaan dan persaudaraan. Hidangan biasanya disediakan untuk membina dan mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti sesama masyarakat. Keadaan ini termasuk dalam upacara seperti perkahwinan, majlis perundingan dan perayaan dimana melalui makanan ia dapat mengukuhkan tali silaturrahim di samping sebagai salah satu cara bagi menghormati tetamu. Dalam Adat Perpatih yang mengamalkan sistem matrilineal, makanan dianggap sebagai simbol kekuatan dan kesejahteraan keluarga. Setiap hidangan yang disajikan mempunyai maksud tersirat untuk memperkukuhkan ikatan kekeluargaan dan memastikan keharmonian dalam masyarakat. Makanan juga berfungsi sebagai medium bagi menjalinkan hubungan yang lebih erat antara anggota keluarga dan komuniti, serta sebagai tanda penghormatan kepada tetamu. Sebagai contohnya, dalam upacara perkahwinan, makanan yang disediakan bukan sahaja untuk menjamu tetamu tetapi juga untuk merayakan penyatuan dua keluarga dan mempererat hubungan. Antaranya makanan menjadi penyambung silaturrahim yang dimana ia melibatkan simbol-simbol kesatuan dan keberkatan yang diperoleh melalui perkongsian hidangan tersebut.

2. Makanan dalam upacara adat dan keagamaan.

Dalam kebanyakan upacara adat yang dilaksanakan terutamanya yang berkaitan dengan kelahiran, makanan memainkan peranan yang amat signifikan dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Hidangan yang disajikan tersebut bukan sekadar untuk memenuhi keperluan fizikal, tetapi juga sebagai sebahagian daripada ritual keagamaan dan adat yang memperkukuhkan nilai-nilai spiritual masyarakat.

- Upacara atau Majlis Perkahwinan: dalam Adat Perpatih, ikatan perkahwinan bukan sekadar penyatuan dua individu tetapi juga penyatuan dua keluarga yang terjalin dalam ikatan yang lebih besar. Makanan dalam perkahwinan seperti nasi minyak, rendang, dan serunding akan melambangkan kemakmuran dan kesejahteraan yang diharapkan akan mengiringi pasangan pengantin sepanjang kehidupan mereka.
- Majlis Berinai: Sebelum perkahwinan terdapat acara berinai yang melibatkan penyediaan makanan sebagai tanda pemulaan perjalanan baru dalam hidup seseorang. Makanan yang disajikan dalam majlis ini mengandungi simbol keberkatan dan nasib baik bagi pasangan pengantin.
- Makanan dalam Majlis Keagamaan: Dalam pelbagai perayaan keagamaan, seperti hari raya atau peringatan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam, makanan juga disediakan sebagai tanda syukur dan doa agar kehidupan masyarakat diberkati.

3. Penghormatan kepada tetamu dalam Adat Perpatih.

Dalam Adat Perpatih, penghormatan kepada tetamu adalah suatu kewajipan dan makanan menjadi salah satu cara untuk menzahirkan penghormatan tersebut.

Penyajian makanan kepada tetamu dianggap sebagai perbuatan yang mulia dan

adalah sebahagian daripada amalan budaya yang mementingkan kesopanan dan kesantunan. Hidangan disediakan dengan penuh hati-hati dan dilengkapi dengan doa dan harapan agar tetamu merasa dihargai dan diterima dengan baik dalam komuniti.

Penyajian dalam Majlis Tertentu: sebagai contoh, dalam majlis adat atau mesyuarat keluarga besar, makanan bukan sahaja disediakan sebagai tanda keramahan tetapi juga untuk memperkuat lagi hubungan antara masyarakat. Penyediaan makanan dalam keadaan yang kemas dan rapi mencerminkan keperihatinan tuan rumah terhadap tetamu dan martabat mereka dalam masyarakat.

4. Makanan sebagai lambang status dan martabat.

Makanan dalam Adat Perpatih juga sering dikaitkan dengan status dan kedudukan dalam masyarakat. Kepelbagaian jenis makanan yang disajikan dengan kaedah yang disediakan boleh menggambarkan kedudukan seseorang dalam hierarki sosial. Oleh hal yang demikian, dalam majlis-majlis penting, seperti upacara perkahwinan atau sambutan hari raya, makanan yang disajikan biasanya lebih mewah dan beraneka yang dimana ianya menandakan penghormatan yang tinggi kepada tamu dan juga status sosial keluarga rumah.

Hidangan mewah: nasi minyak, rendang dan lauk-pauk yang disajikan dalam majlis perkahwinan atau majlis besar biasanya berfungsi sebagai simbol kemakmuran dan keberkatan yang ingin dikongsi bersama dengan keluarga dan tetamu. Makanan mewah ini tidak hanya untuk menikmati rasa tetapi lebih kepada simbol status yang menunjukkan kemampuan tuan rumah untuk menyediakan hidangan yang menggambarkan martabat mereka.

5. Penyediaan makanan dalam proses kehidupan.

Adat Perpatih menekankan pentingnya peranan ibu dalam menjaga dan memastikan kesejahteraan keluarga. Oleh hal yang demikian, wanita dalam masyarakat Adat Perpatih sering dilihat sebagai pemegang peranan utama dalam penyediaan makanan, bukan sahaja untuk keperluan keluarga tetapi juga untuk majlis-majlis adat. Makanan yang disediakan oleh wanita dalam komuniti ini menjadi lambang keharmonian dan kesejahteraan dalam keluarga dan masyarakat. Penyediaan makanan yang baik dan penuh perhatian dianggap sebagai tanda kasih sayang dan tanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan anggota keluarga.

6. Makanan sebagai tanda syukur dan berkat.

Makanan juga dilihat sebagai pemberian rezeki Tuhan yang harus disyukuri dan dihargai. Dalam Adat Perpatih, bahkan dalam agama Islam itu sendiri menyarankan setiap perkara disunatkan dimulai dengan bismillah serta doa sebagai tanda kesyukuran atas rezeki yang diberikan. Seterusnya, dalam masyarakat Adat Perpatih, sebelum makan kebiasannya keluarga atau komuniti akan berdoa meminta agar makanan yang dimakan memberikan manfaat dan keberkatan. Ini adalah sebahagian daripada amalan spiritual yang mengingatkan asal-usul makanan dan mensyukuri rezeki yang diperoleh. Makanan dalam Adat Perpatih bukan sahaja berfungsi sebagai pengisi perut, tetapi juga sebagai simbol budaya, spiritual, dan sosial yang mencerminkan nilai-nilai kehidupan masyarakat ini. Hal ini demikian, mampu mengikat hubungan keluarga, merayakan kehidupan dan memperkukuhkan ikatan sosial melalui perkongsian hidangan. Dalam setiap hidangan, terdapat unsur keberkatan, penghormatan, dan kasih sayang yang mendalam, yang dimana ia menjadikan makanan dalam Adat Perpatih lebih daripada sekadar makanan tetapi sebagai lambang kehidupan yang penuh makna.

Di samping itu, masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan amat signifikan dengan makan beradat. Makan beradat dalam konteks Adat Perpatih adalah merujuk kepada cara penyajian dan pengambilan makanan yang berlandaskan norma, tatacara dan aturan yang ditetapkan dalam adat. Dalam budaya Adat Perpatih, makan bukan sekadar aktiviti biasa untuk memenuhi keperluan fizikal, tetapi juga melibatkan nilai-nilai sosial, budaya, dan spiritual yang mendalam. Makan beradat ini menggambarkan ketertinggian kesopanan, keharmonian, dan penghormatan, terhadap adat serta kepada tetamu, keluarga dan masyarakat. Berikut adalah aspek penting mengenai makan beradat dalam masyarakat Adat Perpatih:

1. Etika makan dalam Adat Perpatih.

Makan beradat melibatkan kesopanan yang tinggi dalam cara pemakanan dan penyajian makanan. Terdapat beberapa etika dan adab yang perlu dijaga ketika makan, baik di rumah sendiri atau dalam acara adat. Ini termasuklah:

- Adab duduk dan mengambil makanan:

Ketika makan, individu biasanya duduk mengikut kedudukan yang telah ditetapkan. Dalam banyak kes, orang yang lebih tua atau berstatus lebih tinggi akan duduk di tempat yang dihormati, sementara yang lebih muda atau rendah statusnya akan duduk di tempat yang sesuai.

- Bergotong-royong dalam menyajikan makanan:

Dalam banyak acara Adat Perpatih, terutamanya ketika mengadakan kenduri dan pertemuan adat, anggota keluarga atau masyarakat setempat akan bersama-sama “*merewang*” dalam menyediakan dan menyajikan makanan. Hal ini demikian akan menonjolkan nilai kerjasama dan persaudaraan dalam budaya tersebut.

- Mengambil makanan:

Makanan perlu diambil dengan penuh kesopanan. Sebagai contoh, dalam majlis adat, tidak wajar untuk mengambil makanan terlalu banyak atau dalam keadaan yang tergesa-gesa. Makanan juga perlu diambil dalam keadaan yang teratur begitu juga tidak mencemarkan keharmonian majlis dengan perbuatan-perbuatan yang tidak senonoh.

2. Pemilihan dan penyajian makanan.

Makanan dalam Adat Perpatih dipilih dengan teliti terutamanya dalam acara besar atau upacara adat. Ianya tidak hanya mengutamakan rasa, tetapi juga penampilan dan simbolisme. Makanan seperti nasi minyak, serunding, rendang, ayam masak merah, adalah hidangan khas yang melambangkan kemakmuran dan keberkatan. Penyajian makanan di dalam periuk besar atau hidangan bersama iaitu makan dalam “jambar” (dulang) juga mencerminkan semangat kebersamaan dan kekeluargaan.

Secara kesimpulannya, makan beradat dalam pengaplikasian Adat Perpatih ini bukan sekadar soal makan, tetapi melibatkan nilai-nilai budaya yang sangat terperinci. Hal ini demikian kerana ia merangkumi penghormatan terhadap orang lain, semangat kekeluargaan, kerjasama, dan rasa kesyukuran kepada Sang Pencipta. Setiap peraturan dan tatacara dalam makan beradat ini bertujuan untuk menjaga keharmonian, menjaga kesopanan dan memastikan bahawa setiap aspek kehidupan, termasuk aspek makanan dijalankan mengikut prinsip adat yang tinggi dan bersesuaian. Makan beradat juga turut tergolong kepada ketertinggian identiti budaya masyarakat Adat Perpatih yang menjadi cerminan kepada identiti mereka yang sangat menghargai hubungan sosial dan spiritual dalam masyarakat.

4.3.5 Aspek Kepimpinan

Bandar orang saya bandarkan,
 Padi terhampar di permatang,
 Rebah ditimpa daun jerami,
 Entah terlebih entah terkurang,
 Kalau salah mintah ubahi.
 Ramai orang di kota lama,
 Ramai dikala tengah hari,
 Dikembang kabar cerita lama,
 Untuk diingat dalam hati.

(Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Suku Adat Perpatih: 1)

Pemimpin lazimnya disebut “orang dituakan.” Dalam masyarakat Adat Perpatih pemimpin itu ‘dituakan’ oleh anak buah yang menganggotai kelompok-kelompok kekeluargaan rumpun, ruang, perut dan suku. “Tua” dalam istilah tersebut secara ringkas dan dasar membawa maksud mereka yang tinggi pencapaian dan statusnya daripada orang lain walaupun dalam aktiviti yang sama. Mereka juga mendapat sambutan secara integratif daripada anak buah. Pemimpin Adat Perpatih harus sedar bahawa beliau tidak dilahirkan sebagai pemimpin tetapi:

Tumbuh kerana ditanam,

Tinggi kerana disanjung,

Besar kerana dipupuk,

Mulia kerana dihormati,

Bukan mencucur dari langit,

Bukan membusut dari bumi.

(Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Suku Adat Perpatih: 1)

Oleh sebab kewujudan pemimpin itu sedemikian, mereka hendaklah dekat dengan orang yang dipimpin sebagai cerminan dalam perbilangan yang berbunyi:

Jauh tidak berjarak

Dekat tidak berantara.

(Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Suku Adat Perpatih: 1)

Perbilangan ini dengan tegas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan anak buah jaraknya terlalu minima. Kalaupun berjarak, hanya sekadar “didahulukan selangkah” dan “ditinggikan seranting” untuk memberikan mereka status. Oleh hal yang demikian, pemimpin itu mudah dijangkau atau dicapai dan dihubungi oleh anak buah seperti yang ditegaskan dalam perbilangan:

Yang didahulukan selangkah,

Yang ditinggikan seranting,

Yang dilebihkan serambut,

Yang dimuliakan sekuku.

(Norhalim Hj. Ibrahim: 1997)

Dengan demikian pemimpin dalam masyarakat Adat perpatih ialah individu yang diberikan kepercayaan dan kekuasaan oleh anak buah agar beliau mampu melaksanakan tugas beratnya seperti kata perbilangan:

Yang diberikan kepercayaan,

Yang diberikan kekuasaan,

Yang diberikan beban berat,

Yang diberikan tanggungjawab,

Yang diikat janji dan sumpah,

Yang disimpai petua amanah.

(Mohd. Rosli Saludin: 1998)

Oleh yang demikian, tentulah pemimpin itu seorang pemimpin yang terkemuka dan diutamakan oleh anak buahnya, diberikan penghormatan sesuai menurut alur dan patutnya, sesuai menurut undang-undang dan norma sosial Adat Perpatih atau dalam istilah adat menurut adat nan sebenar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat

istiadat. Sifat ‘terkemuka’ dan ‘diutamakan’ yang diberikan kepada pemimpin adalah penting bagi menentukan wujudnya keharmonian di kalangan anak buah, menentukan corak kemajuan dan perubahan masyarakat. Masyarakat perlu pemimpin untuk membentuk corak kehidupan serta memandu masyarakat melaksanakan perubahan dan pembangunan selaras dengan peraturan dan hukum.

Adat Perpatih telah mengelompokkan masyarakat pengamalinya kepada kelompok-kelompok kekeluargaan yang diistilahkan sebagai suku. Secara teori terdapat 12 suku tetapi bilangan ini pada praktiknya berbeza antara satu luak dengan luak lain. Suku itu pula boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dipanggil perut, yang pula terpecah kepada ruang dan kemudian kepada kelompok rumpun. Rumpun pula mengandungi beberapa buah keluarga dasar. Setiap kelompok kekeluargaan itu mempunyai pemimpin atau ketua tersendiri yang dipanggil Lembaga (suku), Buapak (perut), Besar (ruang), dan Kadim (rumpun) serta dengan tua rumah sebagai ketua unit keluarga. Tiga kumpulan pemimpin terawal mempunyai gelaran khas. Panggilan kepada ketiga-tiga pemimpin itu juga berbeza iaitu Datuk untuk Lembaga dan Tuk untuk Buapak dan Besar. Kadim dan Tua Rumah tidak mempunyai gelaran adat khusus melainkan gelaran peribadi yang diperoleh berdasarkan perbilangan:

Kecil bernama,

Besar bergelar.

(Pemimpin Dalam Adat Perpatih: 3)

Di samping pemimpin-pemimpin kelompok kekeluargaan di atas, di kalangan masyarakat Adat Perpatih wujud beberapa lagi pemimpin yang jarang diperkatakan dan tidak dikenali oleh masyarakat luar Adat Perpatih. Mereka juga berstatus, berperanan, dan bertanggungjawab dalam perjalanan politik dan sosial masyarakat walaupun tidak dipenting pemimpin-pemimpin lain. Antara mereka ialah Kepala Waris, Tua Suku, Orang

Besar Luak, Undang, Penghulu, Tua Seadat, dan Tua Seresam. Satu lagi pemimpin yang jarang sekali diperkatakan dan hanya timbul sekali sekala dan dalam keadaan tertentu pula ialah Ibu Soko. Ibu Soko ialah perempuan tertua dalam satu kelompok kekeluargaan yang faham akan terombo kelompoknya. Sejauh yang diketahui hanya Luak Ineh atau Inas (Luak Tanah Mengandung) sahaja yang memberikan gelaran dan status Ibu Waris kepada kaum wanita iaitu Datuk Bentara Betina. Di luak-luak lain, peranan kaum wanita, iaitu pihak yang menjadikan Adat Perpatih unik dan berbeza dengan adat luar, sering diletakkan di belakang tabir. Mereka muncul dan diketengahkan hanya apabila keadaan telah terdesak, khususnya dalam pemilihan dan perlantikan pemimpin adat (lelaki).

Pada dasarnya pemimpin Adat Perpatih boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut peranan iaitu pemimpin politik dan pemimpin sosial. Pemimpin politik ialah Undang atau Penghulu, Lembaga, Buapak, dan Besar termasuk Kepala Waris. Orang Besar Luak atau Penghulu atau Undang, dan Tua Suku dan dalam keadaan tertentu Ibu Soko (Ibu Waris). Pemimpin sosial pula ialah Kadim, Tua Seadat dan Tua Seresam. Pada hakikatnya, Buapak dan Besar memainkan dua peranan yang boleh dikatakan seimbang iaitu sebagai pemimpin politik dan pemimpin sosial. Dalam struktur pimpinan Adat perpatih, kedudukan Penghulu dan Undang berbeza dengan pemimpin-pemimpin yang tersebut di atas. Penghulu dan Undang bertaraf pemerintah sebuah negeri atau luak. Dalam hal kelompok kekeluargaan beliau ialah anak buah kepada Lembaga sukunya. Penghulu dan Undang tidak boleh mencampuri hal pentadbiran sukunya sendiri. Beliau untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukunya harus dan perlu dengan pengetahuan Lembaga sukunya. Oleh hal yang demikian, kedudukan Penghulu dan Undang maka beliau tidak termasuk dalam perbincangan ini.

4.4 Kualiti Pemimpin Adat

Seseorang pemimpin adat mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang lebih daripada ahli-ahli lain atau anak buah maka beliau harus mempunyai kualiti yang diperlukan sesuai dengan kedudukan dan statusnya sebagai pemimpin. Sekurang-kurangnya terdapat sebanyak sembilan kualiti dasar yang harus ada dan diamalkan oleh seorang pemimpin adat.

No.	Kualiti Dasar	Huraian
1	Berakal	Ini bermaksud seseorang pemimpin itu hendaklah orang yang cukup matang untuk membolehkan beliau mempunyai keyakinan bagi memberikan pendapat dalam menyelesaikan masalah yang timbul (tumbuh) dalam kalangan anak buahnya.
2	Kaya	Haruslah seorang yang kaya daripada segi kebendaan. Di samping juga kaya dan miskin pada hati. Ini bermaksud beliau adalah orang yang rendah hati, ramah terhadap sesamanya, anak buah, sabar sentiasa berfikir dengan kepala dingin serta berlapang dada.
3	Pemurah	Beliau harus seorang yang pemurah membantu anak buahnya yang berkeperluan, sama ada daripada segi kebendaan mahupun bukan kebendaan.
4	Berilmu	Seorang pemimpin adat harus melengkapkan diri dengan segala pengetahuan serta mengemaskini selaras dengan peredaran masa dan persekitaran untuk kepentingan anak buah dan sukunya.
5	Arif Bijaksana	Pemimpin adat adalah seorang yang berwawasan. Dengan demikian beliau cepat dan pantas memahami masalah yang timbul dan cepat pula mengatasinya sebelum sebarang keburukan dan kepincangan berlaku dalam kalangan anak buahnya.

6	Lurus dan Benar	Seorang pemimpin adat harus bersifat benar, tidak bersifat dusta. Kalau beliau bersifat sedemikian maka hancurlah masyarakat, anak buahnya, kemakmuran akan menjauhi kelompok-kelompok kekeluarganya, kebenaran dan keadilan sukar ditegakkan.
7	Adil	Ini bermakna pemimpin adat dalam melakukan sesuatu tindakan mesti berhati-hati dan teliti. Setiap keputusan yang diambil harus dengan kata sepakat iaitu memikirkan sebab dan akibat, atau mengetahui latar belakang daripada sesuatu tindakan dan keputusan yang dilaksanakan.
8	Jujur	Seorang pemimpin adat harus menunjukkan sifat positif. Dalam dirinya tidak ada sifat negatif dalam melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab.
9	Berfikir	Seorang pemimpin adat harus berhati-hati dan cermat dalam berbuat, berkata, sehingga tidak merosakkan hati orang lain, dan selalu mempunyai sifat tenang dalam berfikir dengan menimbang baik buruk akibat sesuatu tindakan.

(Jadual 2: Senarai Kualiti Dasar Yang Perlu Diterapkan Pada Seorang Pemimpin Adat)

4.4.1 Konsep Pemimpin dan Kepimpinan Adat Perpatih

Berlandaskan pernyataan-pernyataan di atas jelas bahawa pemimpin yang dikehendaki oleh Adat Perpatih adalah individu yang boleh bermuamalah dengan tabiat anak buah dalam melakukan sesuatu yang berkesan terhadap tingkah laku dan mengarahkan mereka menuju matlamat yang nyata dengan cara menjamin kekuatan, kepercayaan, dan penghormatan. Kepimpinan dalam Adat Perpatih adalah satu proses menggerakkan sekumpulan anak buah menuju ke sesuatu arah yang telah ditentukan melalui dorongan yang bukan paksaan. Bagi mencapai matlamat ini Adat Perpatih menganjurkan dua konsep kepimpinan iaitu muafakat dan budi. Kedua-duanya merupakan nilai yang asas dalam pembentukan Adat Perpatih. Sumbangan budi biasanya menerusi pemberian dalam

bentuk material, tenaga, hormat-menghormati dan sebagainya. Peranan muafakat pula dapat dilihat melalui pencapaian terhadap sesuatu keputusan. Dengan erti kata lain, kata putus harus diberi oleh setiap anggota yang menghadiri *musyawarah* sama ada dalam adat *berkampung* atau *kerapatan*.

Dalam musyawarah perdebatan harus timbul dan tidak dapat dielakkan. Perdebatan bukan bertujuan untuk menegakkan ego masing-masing (menegakkan benang basah) tetapi lebih cenderung ke arah melahirkan kesempurnaan dan kebaikan untuk anak buah. Keputusan musyawarah harus diterima oleh semua pihak yang terlibat dengan baik. Dalam erti kata lain, tidak ada antara ahli yang berkecil hati atas keputusan tersebut. Pihak yang ‘menang’ tidak harus berasa megah dan angkuh manakala pihak yang ‘kalah’ pula tidak harus berasa hina atau dihinakan. Justeru itu, sifat toleransi perlu diamalkan oleh pemimpin agar sifat ini pula akan tertanam dan disemai dalam jiwa anak-anak buah kerana Adat Perpatih mengkehendaki kesejahteraan dan keharmonian hidup pengamalannya ditegakkan atas dasar kebenaran.

4.4.2 Tugas Dan Tanggungjawab Pemimpin Adat Perpatih

Tugas pemimpin bergantung kepada peringkat yang dipimpinnya iaitu Kadim di peringkat rumpun, Besar di peringkat ruang, Buapak di peringkat perut dan Lembaga di peringkat suku. Secara harafiahnya, tugas pemimpin boleh dikategorikan kepada dua iaitu tugas ke dalam dan tugas ke luar. Tugas ke dalam bermaksud mengawasi segala aktiviti kelompok pimpinannya termasuk harta pusaka, menjaga dan menyelesaikan masalah anak buah. Sementara tugas ke luar mengkehendaki pemimpin-pemimpin tersebut mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok lain. Mereka berkewajipan mengemukakan, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka.

1. Kadim

Kadim atau Tua Waris atau Tua Rumpun ialah ketua bagi kelompok kekeluargaan rumpun. Kadim bertanggungjawab ke atas segala kebaikan dan keburukan dalam hal-hal yang berkaitan dengan rumpunnya. Dari segi politik, Kadim tidaklah sepenting ketua-ketua adat yang lain, namun dia tetap menjadi pemimpin penting dalam kegiatan sosial dan juga ekonomi kelompoknya. Antara lain fungsi dan tanggungjawab beliau ialah:

1. Memimpin dan mengatur upacara-upacara dalam kelompoknya.
2. Bertindak sebagai orang tengah dalam sebarang konflik di kalangan ahli rumpunnya.
3. Memastikan ahli rumpunnya hidup dalam keadaan harmoni, aman dan damai.
4. Mewakili kelompoknya dalam sebarang aktiviti luar rumpunnya.
5. Mewakili kelompoknya dalam proses pemilihan ketua-ketua adat lain di dalam kelompok kekeluargaannya yang lebih besar-ruang, perut dan suku.
6. Kuasa dan kewibawaan Kadim adalah:

Memusat dari bumi dipijakkan,
Gugur dari langit ditampung.

(Kualiti Pemimpin Adat: 9)

2. Besar

Besar atau Tua Ruang dipilih oleh anak buah dan ahli-ahli rumpun dan ruang untuk mewakili kepentingan kelompok kekeluargaannya. Jawatan ini membawa gelar tertentu dan diberi panggilan Tuk. Besar mempunyai tanggungjawab:

Kusut menyelesaikan,
Keruh menjernihkan,
Cicir memungut,
Hilang mencari.

(Kualiti Pemimpin Adat: 9 & 10)

Dengan perkataan lain, Besar mempunyai kuasa yang terbatas dan hanya boleh menyelesaikan pergaduhan kecil di kalangan anggota ruang. Antara tugas Besar yang lain adalah:

1. Bekerjasama dengan Kadim menguruskan kegiatan sosial, ekonomi dan budaya kelompok rumpun dan ruang.
2. Membantu Buapak menjalankan tugas dan tanggungjawab pentadbiran di peringkat ruang.
3. Menyekat Buapak jika perlu daripada melakukan kegiatan yang melanggar peraturan adat.
4. Menjadi orang perantaraan antara anggota ruang dengan Buapak.
5. Mewakili Buapak dalam upacara kurang penting dalam perut dan suku.

3. Buapak

Buapak ialah ketua kelompok kekeluargaan perut. Mertabat Buapak ialah *Sepohon barangan yang tumbuh di lapan*. Bidang kuasa Buapak adalah ke atas segala kesalahan yang merosakkan kedamaian perutnya, termasuk pergaduhan yang dikatakan sebagai:

Luka, cungit;
Pecar berdarah.

(Kualiti Pemimpin Adat: 11)

Dalam kes terakhir ini, beliau hanya berkuasa ke atas luka-luka yang terkena pada bahagian badan yang tertutup oleh pakaian. Kejadian-kejadian yang melibatkan patah atau cacat anggota adalah di luar bidang kuasa Buapak untuk menyelesaikannya. Sebagai ketua perut, Buapak memainkan peranan antaranya ialah:

1. Menjaga kepentingan, keharmonian dan pembangunan anak buah dalam perutnya.
2. Menerima laporan daripada Besar tentang anak buah masing-masing dan bertindak sejajar dengan kehendak dan keperluan.
3. Membantu Lembaga mentadbirkan anak buah dalam lingkungannya.
4. Melaporkan kepada Lembaga segala apa yang berlaku dalam perutnya.
5. Menjalankan adat istiadat berkaitan dengan pertunangan, perkahwinan, dalam upacara bercukur, bersunat (berkhatan), bertindik, dan juga segala upacara lain yang melibatkan penyembelihan seekor kambing sebagai kata perbilangan:

Aturan Buapak dalam anak buahnya,
 Seekor kambing adatnya,
 Tilam bujur, bantal bersusun,
 Tabir terpasang,
 Langit-langit terbentang,
 Rebana dipukul, inai ditarikan,
 Buapak seadat dengan Besar.

(Kualiti Pemimpin Adat: 11)

6. Beliau ialah wakil kelompok perut dalam segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal anak buahnya.
7. Mewakili apabila diberi mandat oleh ahli perutnya untuk memilih dan melantik Lembaga.
8. Menjadi orang tengah dalam sebarang konflik di kalangan anggota perutnya atau dengan antara anak buahnya dengan orang luar.

Rumusan yang dapat disimpulkan tentang kepimpinan ketiga-tiga pembesar adat dalam tiga peringkat ini ialah:

-Ketiga-tiga pembesar adat itu khususnya Kadim, diikuti oleh Besar dan Buapak adalah pelaksana keseluruhan sistem Adat Perpatih.

-Memastikan setiap elemen dan komponen adat itu berjalan dengan lancar.

-Memastikan setiap aktiviti di kalangan anak buah memberi faedah, kebaikan, dan kemajuan serta keharmonian kepada kelompok-kelompok rumpun, ruang dan perut dan seterusnya kepada suku.

4. Lembaga

Lembaga ialah ketua kelompok kekeluargaan suku. Pusaka ini mempunyai gelaran tertentu dan dipanggil Datuk. Seseorang Lembaga akan menyandang pusaka itu untuk seumur hidup tetapi dia boleh dipecat seperti kata perbilangan: Bulat Buapak boleh memecat dan menjadikan Lembaga, jika dia melakukan salah satu atau lebih kesalahan berikut:

Melindungi, mengendapkan,
Pecah, menghilangkan,
Mencatatkan,
Terkurung mati.

(Kualiti Pemimpin Adat: 12)

Lembaga hanya memerintah suku dan Buapak serta Besar yang memerintah anak buah. Peraturan ini termaktub dalam perbilangan:

Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga,
Anak buah berbuapak.

(Kualiti Pemimpin Adat: 13)

Sebagai pemerintah suku, tanggungjawab seseorang Lembaga itu pelbagai. Antaranya ialah:

1. Bertanggungjawab terhadap kebajikan ahli-ahli suku. Dalam menjalankan tugas ini beliau dibantu oleh Buapak dan Besar.
2. Menerima laporan Buapak tentang segala yang berlaku dalam perut masing-masing dan bertindak mengikut wajarnya.
3. Mengawas penggunaan dan kemajuan tanah di kalangan anggota sukunya.
4. Bertanggungjawab melaporkan perkara yang timbul dalam suku kepada Undang atau Penghulu sekiranya beliau tidak dapat atau di luar kuasanya untuk menyelesaikan kerana kuasa Lembaga dikatakan sebagai tersekat sebagaimana yang tergambar dalam perbilangan:

Pusaka lembaga bersekat,
Lembaga berlingkungan,
Tali pengikat pada Lembaga,
Kata pemutus pada Lembaga,
Sah batal pada Lembaga.

(Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Suku Adat Perpatih: 13)

Rumusan yang dapat diutarakan tentang peranan, tanggungjawab dan fungsi Lembaga dalam masyarakat Adat Perpatih ialah:

1. Hakim dan pengantara yang berkaitan dengan hal-hal peribadi, kekrabatan dan masalah setempat yang melibatkan anggota sukunya.
2. Simbol atau lambang kekuatan aturan adat (adat nan sebanar adat, adat nan teradat, adat nan diadatkan dan adat istiadat) dan sistem hak milik tanah pusaka suku yang menjadi tunjang kepada aturan itu.
3. Tunggak penyokong dan penjaga keberkesanan, kemajuan, dan kesinambungan sistem Adat Perpatih.

4.4.3 Perubahan Pemimpin dan Kepimpinan

Penguatkuasaan pemerintah kolonial Inggeris ke atas Negeri Sembilan yang bermula pada tahun 1874 di Sungai Ujong (Seremban) dan berakhir di Rembau pada tahun 1898, telah merubah secara kritikal organisasi dan struktur politik dan sosial masyarakat Adat Perpatih. Secara kronologi perkembangan dapat dilihat sebagai:

1. Pihak Inggeris telah menghakis dan menolak keberfungsian sistem Adat Perpatih yang berbentuk perwakilan berdasarkan kelompok-kelompok kekeluargaan. Kuasa dan kewibawaan pemimpin adat telah dibayangi dan diganti dengan jentera pentadbiran yang baru.
2. Pada sekitar tahun 1940-an wujud pula satu lagi pemimpin di kalangan masyarakat adat iaitu pemimpin politik. Walaupun pemimpin politik tidak terlibat secara langsung dalam sistem pentadbiran kerajaan namun memberi satu jenis kepimpinan moden yang berpengaruh dan mendapat tempat dalam masyarakat. Status dan kedudukan mereka ini bertambah teguh selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Beberapa pemimpin adat terlibat dalam kepimpinan politik ini tetapi premis perjuangan mereka bukan politik adat tetapi politik negara. Mereka lalai dan tidak sedar bahawa kedudukan mereka sebagai pemimpin adat semakin diketepikan. Justeru itu, mereka tidak langsung bertindak untuk memperjuangkan dan mempertahankan diri sebagai pemimpin adat.
3. Selepas merdeka telah wujud pula satu lagi kepimpinan di kalangan rakyat iaitu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Sekali lagi pemimpin-pemimpin adat diketepikan walhal tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh JKKK itu adalah tugas dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin adat sebelum mereka.

Keadaan ini bertetapan dengan kata perbilangan iaitu:

Ditengok tak nampak
Dipanggil tak menyahut
Kok menyorok di mana belukarnya
Kok terkambus di mana tempatnya
Kok mati di mana kuburnya

(Teromba: *Kajian Tema, Nilai Dan Estetika*: 1998)

Dalam tempoh masa tidak kurang daripada 100 tahun ini kesinambungan perjalanan Adat Perpatih itu telah mula meluntur. Di antara awal hingga pertengahan abad ke-20 sistem nilai masyarakat Adat Perpatih secara beransur telah diubah iaitu daripada sistem yang mengutamakan semangat bersepadu, berjiran dan bekerjasama kepada semangat individualisme. Menjelang akhir abad ke-20 proses pensosialisasian Adat Perpatih itu boleh dikatakan terhenti langsung. Apa yang tinggal ialah rangka kasar sahaja yang dilambangkan oleh perebutan untuk menyandang pusaka dalam suku yang pada hakikatnya tidak memberi apa-apa erti iaitu tiada kuasa dan tidak dapat mendapat sebarang ganjaran. Daripada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa, Adat Perpatih pada hari ini jika dikaji dan diteliti secara mendalam hanya tinggal kerangkanya sahaja. Adat perpatih, dalam kebanyakan kes sama seperti masjid tinggal. Kerangka bangunan masih ada. Sejadah, kitab-kitab, al-Quran, perkakas dan peralatan lain yang perlu untuk beribadat masih ada dalam masjid berkenaan, tetapi telah usang dan reput. Keusangan dan kereputan perkakas dan peralatan itu bukan kerana sentiasa digunakan sebagaimana sepatutnya, tetapi kerana terbiar dan tidak dipakai. Hatta dalam menyebut keadaan terbiar, yang pada satu masa dahulu menjadi *tempat bumi dipijak*, dan *langit dijunjung* iaitu tanah dan rumah pusaka. Seandainya dua harta kebendaan utama adat ini turut terbiar, maka tidak hairanlah “isi” Adat Perpatih yang tidak mempunyai nilai RM itu menjadi lebih terbiar.

Jelaslah di sini bahawa Adat perpatih hari ini berada pada tahap pengamalan yang paling minima. Malahan dapat dikatakan bahawa daripada segi amalan, pola dan cara kehidupan, baik seharian mahu pun dalam upacara (adat istiadat) tertentu, antara masyarakat Adat Perpatih dengan masyarakat Melayu bukan Adat Perpatih, tidak menampakkan sebarang perbezaan atau kelainan. Dengan kata lain, tidak ada lagi keunikan budaya adat orang Negeri Sembilan. Walaupun demikian, keadaan daripada segi struktur masih wujud dan dalam minda anak buahnya, pada aspek-aspek tertentu (bila ditanya tidak tahu aspek apa), terutama sekali di kalangan segelintir pemimpin adat, ia masih sensitif. Kesensitifan inipun telah hampir menghilang langsung.

4.5 Senarai Lagu-Lagu Kesenian Randai

No.	Tajuk Lagu-Lagu Randai
1	Dayang Dani
2	Simarantang Randah
3	Payinggahan
4	Cupak Maambiak Lado
5	Indang Payokumbuah
6	Muaro Paneh
7	Kuantan Kayo Tradisi
8	Bongai Bujang Sembilan
9	Cantik Manis
10	Si Bogar

Jadual 3: (Senarai Lagu-lagu Kesenian Randai)

4.5.1 Dayang Dani

Mano sagalo niniak mamak,
 Cukuik dunsanak kasadonyo,
 Ampun jo rela nan kami mintak,
 Sagalo kami anak mudo.
 Jari sapuluah nan kami susun,
 Maafkan kami anak randai,
 Kami bamain carito randai,
 Ganti bagurau samo gadang.
 Kami anak randai,
 Dalam daerah kota padang,
 Carito lamo kami baokan,
 Baringin gadang di tengah koto.
 Anak lah urang talang pitalak,
 Pandai basanggua lipek tigo,
 Elok lah randai di bao tagak,
 Buliah nak sanang panonton kito.

(Lirik Lagu Randai Dayang Dani,
<https://youtu.be/nNSEaxACmGs?si=7NnUzrBZCzpDmAuC>)

"Dayang Dani" merujuk kepada nama atau watak yang mempunyai makna tertentu dalam budaya atau cerita rakyat. Dalam konteks kesusasteraan atau cerita, "dayang" sering kali merujuk kepada seorang wanita muda atau puteri yang memiliki keanggunan dan kebijaksanaan. Dani pula boleh jadi nama yang memberi karakter atau identiti kepada watak tersebut. Jika kita bayangkan Dayang Dani sebagai seorang puteri yang tinggal di sebuah kerajaan yang damai, dia mungkin digambarkan sebagai seorang yang bijak dan penuh kasih. Dalam banyak cerita, watak seperti ini sering menghadapi pelbagai cabaran mungkin dalam bentuk konflik dengan musuh atau dalam mencari cinta sejatinya. Cerita tentang Dayang Dani boleh mencerminkan nilai-nilai seperti keberanian, kejujuran, dan kepentingan untuk menjaga tradisi. Sebagai contoh, dia mungkin berjuang

untuk menyelamatkan desanya dari ancaman luar, menggunakan kecerdikannya untuk merancang strategi yang berkesan.

4.5.2 Simarantang Randah

Balai-balai lah basimpang tigo,
 Sasimpang jalan ka pacuan,
 Sungguah randai pamenan mato,
 Akiraik usah di lupokan.
 Cubolah timbang dek nan pandai,
 Timbang nagari jan binaso,
 Kami bamain tari randai,
 Manganduang pasan ja curito.
 Bungo si cerek di tapi banda,
 Jikok di rambah tolong runduhkan,
 Kami ketek nan jolo baraja,
 Jikok salah tolong tunjukkan.
 Kaba riwayaik rang dahulu,
 Tasabuik datuak suri marajo,
 Baringin gadang di tengah koto,
 Suku banamo caniago
 Bujang budiman nan jauh hari,
 Dituruik mamak maso itu,
 Pusako di jawek dek penghulu,
 Samo di danga barito nyo.

(Lirik Lagu Randai Simarantang Randah,

<https://youtu.be/xWUwRxQtyOo?si=brmxoNO2yTMwTHJI>)

Simarantang Randah secara harafiahnya merujuk kepada ungkapan atau konsep dalam budaya Minangkabau yang berkaitan dengan hubungan, komunikasi, atau perilaku sesama dan dalam masyarakat. Secara literalnya, perkataan Simarantang Randah boleh diterjemahkan sebagai “siram di tempat rendah” yang dimana ia menunjukkan tindakan

merendahkan diri atau bertindak dengan penuh hormat terutamanya ketika berlakunya interaksi sosial sesama manusia dan juga masyarakat. Jika diteliti dalam konteks yang lebih luas, keadaan ini menggambarkan nilai-nilai seperti kesederhanaan, menghargai orang lain, dan kepentingan menjaga hubungan baik dalam komuniti. Ungkapan ini juga turut mencerminkan kebijaksanaan dan adab dalam berinteraksi. Justeru, segala baris lagu ini menerangkan akan kepentingan menjaga hubungan sesama masyarakat dan juga menjaga tatasusila kerana melalui hubungan komunikasi yang baik secara tidak langsungnya ia akan mencerminkan akan keperibadian seseorang itu sama ada ia baik mahupun sebaliknya. Di samping itu, jika ditelusuri secara sistematik jika dilihat pada setiap baris mempunyai kepentingan tersendiri, sebagai contoh pada baris pertama lagu iaitu “Balai-balai lah basimpang tigo” memberi gambaran akan kepentingan tempat berkumpul dalam masyarakat dengan keberadaan balai adat mahupun tempat musyawarah yang berperanan sebagai pusat bagi menentukan sesuatu keputusan penting yang melibatkan kemaslahatan bersama. Tiga persimpangan jalan ini boleh menjurus kepada tiga pihak atau tiga pemikir yang yang harus bersatu dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu, pada baris kedua pula menerangkan akan keadaan di mana seseorang itu membuat pilihan dan keputusan penting dalam hidup. Terdapat pelbagai cabang jalan yang harus ditempuhi, namun pemilihan jalan yang betul adalah penting agar ia mampu memandu individu tersebut kepada tujuan yang baik dan benar. Keadaan ini jelas mencerminkan akan kepentingan kebijaksanaan dalam menentukan haluan kehidupan.

Manakala, baris ketiga lagu ini menjelaskan mengenai kehidupan yang di dalamnya terdapat banyak perkara dan hal yang boleh kita saksikan baik yang nyata ataupun sekadar ilusi. Walaubagaimanapun, ternyata Randai sememangnya sebuah tarian yang lengkap di mana ia menggambarkan kehidupan yang dialami mempunyai lebih

kepelbagaian lapisan makna dan kita seharusnya melihat daripada sudut pandang yang berbeza. Di samping itu, lirik pada baris berikutnya mengingatkan kita supaya tidak mudah melupakan perkara dan hal yang penting dalam kehidupan. Sebagai contoh nilai-nilai adat, ajaran agama, pesanan serta peringatan yang diberikan oleh orang yang lebih tua harus kita simpan dalam kalbu. Hal ini sedemikian kerana, jika pesanan dan nasihat tersebut diambil terutama oleh golongan muda pada hari ini ia dapat dijadikan sebagai pedoman kehidupan supaya tidak tersesat dengan yang penuh mencabar pada masa kini.

4.5.3 Payinggahan

Solok silayo bacawan pinggan,
 Bari batata batang padi,
 Arok dek cayo tarang bulan,
 Palito nyalo di padami.
 Guruah patuih panubo limbek,
 Pandan tasanda di subarang,
 Tujuh ratuih ramuan ubek,
 Adiak batamu mangko nyo sanang,
 Padi sipuluik panjang tangkai,
 Tiok di gatiyah lareh juo,
 Apo pakasiah nan adiak pakai,
 Tiok mancaliak sayang juo.

Luruhi lah jalan ka kampus unand,
 Basimpang jalan ka koto tuo,
 Asalai lah nan diangan,
 Anak pisang pulang ka bako.

Suri tauladan bujang budiman,
 Budi baik baso katuju,
 Kambang lah bungo parawitan,
 Kena lah janji maso dahulu.

(Lirik Lagu Randai Payinggahan,

<https://www.scribd.com/document/398601806/LAGU-RANDAI-docx>)

Payinggahan dalam erti kata lain adalah istilah yang sering digunakan dalam budaya masyarakat Minangkabau yang berkaitan dengan adat dan tradisi. Hal ini dikatakan sedemikian ia kebiasaannya merujuk kepada upacara atau ritual yang melibatkan penyambutan terutamanya dalam konteks sesuatu majlis perkahwinan atau acara penting yang lain. Dalam kebanyakan kes yang lain, istilah “payinggahan” juga boleh menggambarkan tempat atau ruang yang dimana sesuatu upacara itu diadakan, Hal ini demikian merangkumi aktiviti yang melibatkan di pentas bagi acara kebudayaan. Elemen-elemen seperti adat resam, pakaian tradisional dan muzik turut menjadi peranan penting bagi sesebuah aktiviti yang dimana ia akan menjadi sebahagian daripada perayaan ini. Melalui rangkap kelima baris pertama lagu tersebut iaitu “Suri tauladan bujang budiman” membawa suatu pengertian yang besar maknanya iaitu menyarankan agar setiap pemuda bujang agar dapat mencontohi dan mengikuti amalan baik supaya si fulan tersebut menjadi teladan bagi masyarakat. Hal ini demikian kerana, seseorang yang memiliki budi pekerti yang luhur, bijaksana, dan beradab sepatutnya dijadikan panutan oleh orang lain khususnya dalam membentuk karakter dan perilaku yang positif dalam komuniti masyarakat.

Seterusnya, pada baris kedua pula ia memperincikan akan pentingnya keselarasan antara niat baik dengan tindakan yang akan dilakukan kelak. Kebaikan yang dilakukan haruslah memiliki tujuan yang jelas dan sesuai dengan harapan serta norma yang mampu diterima oleh kelompok masyarakat. Dengan erti kata lain lagi, perbuatan baik tersebut hendaklah dilakukan dengan tujuan yang tulus dan benar sahaja. Di samping itu, baris ketiga menggambarkan bahawa perbuatan baik dan kebaikan hati akan membawa kepada keindahan yang berkembang dalam kehidupan baik dalam bentuk perhubungan,

masyarakat atau budaya. Keadaan ini mempunyai kesamaan dengan bunga yang mekar, tindakan akhlak yang baik akan memberikan keindahan dalam kehidupan dan akan menjanjikan masyarakat lebih harmonis yang penuh dengan kasih sayang.

4.5.4 Cupak Maambiak Lado

Urang lah cupak ma ambiak lado,
 Lado di ambiak hari lah sanjo,
 Caliak dek mamak lah untuang ambo,
 Teggan dek mamak lah juo mintuo.
 Namuah lah bana ambo batanak,
 Aia nan indak lah di parian,
 Namuah lah bana ambo bakandak,
 Ujuang kok indak lah ba barian.
 Bungo satangkainan baru kambang,
 Anak lah mamak si lenggo geni,
 Dari lah jauh ambo lah datang,
 Adiak nan surang pautan hati.
 Janji di ikek sajak samulo,
 Foto di simpan ka ganti diri,
 Anak lah mamak pulang,
 Adiak nan surang pautan hati.

(Lirik Lagu Randai Cupak Maambiak Lado,
<https://youtu.be/Ws3OHTXeNYY?si=BBZmZetvsrXw0Bds>)

"Cupak maambiak lado" dalam bahasa Minangkabau bermaksud "penuh dengan cabaran." Istilah ini biasanya digunakan untuk menggambarkan situasi atau perjalanan yang memerlukan usaha dan ketekunan. Dalam konteks kehidupan, ia boleh merujuk kepada pelbagai cabaran yang dihadapi dalam mencapai matlamat atau impian. Makna ini menggambarkan semangat juang dan keazaman untuk mengatasi halangan. Dalam rangkap lirik pertama dan baris pertama ini, istilah "Urang" membawa maksud orang atau individu sementara "cupak" membawa pengertian kepada alat yang digunakan untuk

membawa atau memikul sesuatu seperti tampah atau tempat penyimpanan. Bagi penjelasan yang lebih teliti baris pertama ini menggambarkan usaha dan kerja keras seseorang dalam mencapai sesuatu, baik usaha tersebut untuk mencari rezeki atau untuk memenuhi suatu keperluan. Lada yang dikenali dengan rasa yang pedasnya, mungkin melambangkan usaha yang tidak mudah dan hasil yang diperolehi mesti diharungi bersama dengan kecekalan serta kerja keras. Lirik ini juga turut mengajarkan bahawa setiap usaha dan kerja keras yang dilakukan itu akan menghasilkan buah pada waktunya. Perlambangannya, lada yang dipetik sebagai hasil usaha akan membawa kepada kegembiraan mahupun kesenangan setelah perjuangan yang dilalui. Hal ini demikian akan tercapai dengan usaha yang tekun dan gigih akan membuahkan hasil yang positif.

Di samping itu, baris berikutnya mengajarkan akan kepentingan mendengar nasihat dan bimbingan daripada orang yang lebih berpengalaman atau lebih tua dari kita. Sepertimana yang digelar mamak dalam masyarakat Minangkabau. Nasihat yang diberikan kepada kita (ambo) adalah petunjuk yang berharga untuk kita agar dapat mengambil langkah-langkah yang tepat dalam hidup. Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya nilai penghormatan terhadap orang yang lebih tua kerana keluasan mereka iaitu mereka sudah makan dahulu daripada kita. Baris yang terakhir ialah mengingatkan kita bahawa dalam kehidupan ini, kita perlu mendapat persetujuan dan restu daripada orang yang lebih berpengalaman atau yang dihormati sebelum mengambil langkah besar dan sesebuah keputusan.

4.5.5 Indang Payokumbuah

Payo kumbuah koto nan ampek,
 Basimpang jalan lah ka limbangan,
 Jalo lusuah ikan tak dapek,
 Badan lah panek dek baranang.

Bujang budiman lenggo geni,
 Janji di ikek dalam hati,
 Indak basobok nan dicari,
 Badan lah kuruih dek menanti.
 Anak mamak mangkutak alam
 Samo baniek dalam hati,
 Dandam kasumaik kini lah dalam,
 Dituruih juo si lenggo geni.
 Lenggo geni bungo nan kambang,
 Ayam paniak lah pagi patang,
 Anak mamak datang maminang,
 Ayam lapeh dimakan musang.

(Lirik Lagu Randai Indang Payakumbuah,

<https://youtu.be/GiJsCkWTpD8?si=fK9rSJycZtzcL67h>)

"Indang Payakumbuah" merujuk kepada salah satu bentuk kesenian tradisional dari Minangkabau, khususnya dari daerah Payakumbuah. Indang adalah sejenis tarian yang biasanya diiringi muzik dan sering dipersembahkan dalam majlis-majlis adat, perkahwinan, dan acara kebudayaan. Tarian ini mengandungi elemen hiburan dan juga menunjukkan nilai-nilai budaya dan tradisi masyarakat. Ia sering melibatkan penari yang berpakaian tradisional, dengan gerakan yang menarik dan irama muzik yang meriah. Berdasarkan rangkap 3 baris pertama lagu ini, ia menggambarkan akan perihai seorang anak yang bijaksana dan berpengetahuan mengenai hal kehidupan. Sebagai seorang anak kita diharapkan agar memiliki pemahaman yang mendalam akan adat, budaya, dan nilai-nilai masyarakat. Bagaimanapun, ia juga bertitik tolak kepada ibu bapa juga, ibu bapa seharusnya memainkan peranan sebagai "role model" kepada anak-anak dalam membimbing mereka terutamanya generasi muda. Seterusnya pada baris kedua pula menyarankan tentang pentingnya kejujuran dan kesetiaan dalam diri. Seseorang yang memiliki perasaan yang tulus dan seimbang di dalam hati akan lebih untuk menjalani

kehidupan dengan penuh keharmonian. Hal ini mengajarkan kita supaya memiliki niat yang baik dan jujur dalam segala tindak tanduk, serta menjaga keikhlasan dalam hubungan dengan orang lain.

Selain itu, baris ketiga lirik lagu ini turut menggambarkan perasaan dendam atau amarah yang semakin membahap dalam hati seseorang itu. Sememangnya ini adalah peringatan akan bahayanya perasaan dendam sekiranya ia tidak dapat dikendali, yang dimana ia mampu menguasai hati dan seterusnya menyebabkan kerugian kepada diri sendiri dan diri orang lain. Dalam baris ini juga, ia menyarankan kita supaya melepaskan segala perasaan negatif dan tidak membiarkan dendam atau kebencian merosak hubungan silaturrahim sesama manusia. Manakala, baris keempat pula menyatakan sebab dan akibat daripada perbuatan dendam dan kemarahan menggelegak seperti api. Kemarahan yang tidak terkendali itu akan merosakkan segalanya, keadaan ini adalah peringatan supaya kita tidak membiarkan perasaan marah atau dendam kesumat menguasai diri, kerana ia tidak lain dan tidak bukan membawa kepada kerugian semata-mata sama seperti api yang membakar segala sesuatu di sekitarnya. Sebagaimana di dalam agama Islam, agama menyarankan jika kita melalui fasa dan perasaan marah sebaiknya melafazkan istighfar, ataupun melaksanakan wudhu' agar hati lebih tenang. Secara keseluruhannya, rangkap ini mengajarkan kita akan kebijaksanaan dan pemahaman yang dimiliki oleh orang yang lebih tua, kejujuran dalam hati, serta bahaya sifat dendam yang mampu menghancurkan kedamaian diri dan orang lain dan kepentingan mengawal emosi tidak kira pada bila-bila masa sahaja.

4.5.6 Muaro Paneh

Panjang jambatan deh mamak lah diumbilin,
Tunggaknyo basi deh mamak salo-basalo,
Diambiak badak deh mamak sarato camin,

Tuan tabayang deh mamak diruang mato.
 Namuah lah bana deh mamak ambo gubala,
 Itiak didalamdeh mamak lah kandang urang,
 Namuah lah bana deh mamak ambo mambao,
 Adiak di dalam deh mamak lah tangan urang.
 Anak lah urang deh mamak lah kota padang,
 Pai ka pasa deh mamak baduo-duo,
 Asa lai dapek deh mamak lah kaparintang,
 Si lenggo geni deh mamak gadih nan jombang.

(Lirik Lagu Randai Muaro Paneh,

<https://www.scribd.com/document/398601806/LAGU-RANDAI-docx>)

"Muaro Paneh" merujuk kepada sebuah lokasi di Sumatera Barat, Indonesia, yang terkenal dengan keindahan alam dan budaya masyarakatnya. Ia adalah sebuah daerah yang sering menjadi tumpuan bagi pelancong dan pengkaji budaya. Muaro Paneh juga dikenali dengan pelbagai aktiviti kebudayaan, termasuk tarian dan muzik tradisional. Kawasan ini biasanya melibatkan kehidupan masyarakat yang masih kuat dengan tradisi, seperti adat resam Minangkabau. Dalam rangkap kedua pada baris pertama lirik ini menunjukkan penghormatan yang mendalam kepada "mamak" iaitu orang yang lebih tua dalam keluarga, yang memegang peranan penting dalam keluarga atau masyarakat. Secara asasnya, perkataan mamak di sini bukan sahaja sebagai individu, sebakilnya ia sebagai pembimbing, atau penjaga adat dan nilai-nilai budaya Minangkabau. Jelaslah di sini bahawa pentingnya menghormati dan menghargai peranan orang tua dalam kehidupan kita. Manakala baris kedua menggambarkan keadaan di mana seseorang yang berada di tempat atau situasi yang bukan miliknya, atau berada di bawah perlindungan orang lain yang memiliki peranan atau kedudukan tertentu. Dalam budaya Minangkabau misalnya, mamak memegang peranan penting dalam memberikan perlindungan dan bimbingan kepada anak buahnya. Baris ini mencerminkan perasaan menjadi sebahagian

daripada suatu kelompok atau keluarga yang lebih besar sebagaimana ia dibawah perlindungan dan bimbingan orang tua atau yang digelar mamak ini.

Selain itu, baris ketiga pula menggambarkan penghargaan terhadap usaha atau bantuan yang diberikan oleh "mamak", yang sering kali berfungsi sebagai pemberi nasihat, pembimbing, atau penyedia dalam masyarakat. "Tangan mambao" di sini melambangkan kerja keras dan usaha yang dilakukan oleh mamak dalam memenuhi tanggungjawabnya. Ini adalah pengakuan terhadap pentingnya peranan orang yang lebih tua dalam membantu dan memberi sokongan kepada generasi muda. Baris keempat pula, menggambarkan bahawa keberadaan anak-anak atau generasi muda yang sentiasa berada di bawah perlindungan dan bimbingan orang tua atau mamak. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan orang yang lebih tua dalam memberi arah dan bimbingan kepada anak-anak, dan menjaga mereka dalam meniti perjalanan hidup yang mencabar. Orang tua dan mamak ini memiliki tanggungjawab untuk membimbing generasi muda agar mereka dapat berkembang dengan baik dalam masyarakat.

4.5.7 Kuantan Kayo Tradisi

Mamukau padi di koto baru,
 Mendulang ome di dese loge,
 Mandi balimau muaro mombu,
 Parawu gandung di Lubuk Jambi,
 Iyo tasoubuik dari dulunya,
 Rantau Kuantan kayo tradisi.
 Bapacu jalar tiok nagori,
 Nan paliang godang Toluak Kuantan,
 Rarak batobo turun maroncam,

Tahun selamat barolek padang.

(Lirik Lagu Randai Kuantan Kayo Tradisi,

https://youtu.be/_q8xjRc-5aA?si=1gkCDpeJbGPrgHsw)

Lagu ini kebiasannya mencerminkan perasaan bangga terhadap warisan ketara dan tradisi Randai yang telah lama dipertahankan oleh masyarakat Minangkabau terutamanya yang tinggal di daerah seperti Kuantan, yang juga terkenal dengan kekayaan tradisi serta seni budayanya. Jika ditelusuri istilah “Kuantan Kayo” merujuk kepada kemakmuran dan kejayaan di Kuantan atau rasa cinta terhadap kampung halaman yang tradisinya yang tumbuh berkembang di Kuantan. Kata “Kayo” bermaksud kemakmuran atau kejayaan yang menisyratkan bagaimana masyarakat di Kuantan mencapai kejayaan melalui kepelbagaian kekayaan budaya mereka. Hal ini sedemikian kerana, dalam pertunjukkan Randai masyarakat tidak hanya datang untuk menonton, tetapi dalam masa yang sama bersama-sama menghargai, mendalami, dan merayakan cerita dan tradisi nenek moyang. Keadaan ini mencerminkan nilai kebersamaan dan solidariti dalam masyarakat. Daripada rangkap kedua baris pertama dapat disimpulkan bahawa semangat para petani di kawasan baru yang sedang menanam padi adalah sebagai simbol keringat dan kerja keras mereka dalam memperoleh rezeki. Keadaan ini juga mencerminkan kehidupan masyarakat Agraria (masyarakat yang menjalankan kegiatan pertanian sebagai sumber mata pencarian dalam kehidupan). Seterusnya, lirik berikutnya menggambarkan kegiatan para petani yang sedang giat mengumpulkan hasil pertanian mereka seperti beras dan biji-bijian di desa mereka. Hal ini demikian jelas menerangkan kehidupan desa yang amat berkait rapat dengan alam dan pertanian, serta usaha gigih penduduknya dalam menghasilkan hasil bumi yang banyak.

Di samping itu, lirik kemudiannya menggambarkan akan sebuah tradisi yang biasa dilaksanakan oleh komuniti Minangkabau iaitu ritual balimau di muara. Kegiatan

ini adalah merujuk kepada amalan dan upacara kepercayaan tradisional turun-temurun iaitu mereka mandi bersama sebagai bentuk pembersihan diri sebelum menyambut bulan Ramadhan. Mereka berpendapat bahawa tujuan mandian ini adalah sebagai simbol pembersihan rohani dan penyatuan dalam masyarakat. Yang berikutnya lirik ini merujuk kepada tempat berkumpul atau pertemuan di Lubuak Jambi di mana mungkin berlakunya suatu kegiatan sosial atau budaya yang melibatkan masyarakat setempat. “Ganduang” atau pasangan pula menerangkan akan kerjasama antara dua pihak atau kelompok dalam suatu kegiatan. Baris kelima pula menyatakan bahawa tradisi atau kebiasaan yang dimaksudkan dalam lagu ini telah wujud sejak dahulu kala dan akan terus berlanjutan hingga ke hari ini. Ia menegaskan akan perkaitan kesinambungan dan kelestarian nilai-nilai tradisi yang dihargai oleh masyarakat Minangkabau. Manakala, baris keenam dan yang terakhir ini menegaskan bahawa daerah Kuantan (Riau) ini memiliki kekayaan tradisi dan budaya yang telah diwariskan secara turun-temurun. Jelaslah bahawa daerah dan wilayah tersebut disebut-sebut sebagai tempat yang makmur dan kaya akan warisan budaya yang harus dihargai dan dipertahankan oleh masyarakat setempat serta rumpunnya.

4.5.8 Bongai Bujang Sembilan

Tinggilah tinggi simatahari,

Anak kerbau mati tertambat,

Anak kerbau mati tertambat,

Puaslah sudah kami cari,

Baru sekarang kami mendapat,

Baru sekarang kami mendapat.

Kucing sabun mandikan anak,

Mandikan bertimba sikulit lokan,
 Mandi bertimba sikulit lokan,
 Mintalah ampun pada yang banyak,
 Kami nak ngembang kesenian,
 Kami nak ngembang kesenian.
 Kalau roboh kota Melaka,
 Papan di Jawa saya dirikan,
 Papan di Jawa saya dirikan,
 Kalau sungguh bagai dikata,
 Nyawa dan badan saya serahkan,
 Nyawa dan badan saya serahkan.

(Lirik Lagu Dan Teromba Randai Bongai Bujang Sembilan,
<https://youtube.com/playlist?list=PLNv29qtdQzXMTLntA6pUN4U4vFskxLuN7&si=tFCKnaI0xaRyVZA0>)

Bongai Bujang Sembilan adalah salah satu lagu atau ungkapan tradisional yang sering disebutkan sebagai Teromba yang digunakan dalam budaya Minangkabau, khususnya dalam konteks pertunjukan Randai yang menggabungkan teater, muzik, dan tarian. Lagu ini mengandung unsur-unsur budaya dan sosial yang mengisahkan tentang kehidupan masyarakat Minangkabau. Selanjutnya, "Bongai Bujang Sembilan" secara keseluruhan mungkin merujuk kepada sekumpulan sembilan orang bujang (lelaki muda yang masih belum berkahwin) yang berkumpul dalam suasana yang penuh dengan keramaian, kegembiraan, atau mungkin dalam keadaan yang agak bebas dan tidak terikat. Ini menggambarkan kehidupan para bujang yang sedang menikmati kebebasan mereka dalam suatu peristiwa atau perayaan. Pada rangkap terakhir pantun dalam lirik lagu tersebut, dalam baris pertama ini ia membahaskan gambaran tentang situasi yang sangat buruk atau hancurnya sebuah tamadun yang disebut sebagai Kota Melaka yang

merupakan Kesultanan Melayu Melaka yang pernah menjadi satu peradaban besar di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan ke-16. Meskipun begitu, ia tidak mengurangkan semangat dan azam untuk bertindak dan mengatasi kesulitan tersebut. Baris kedua pula menceritakan walaupun Kota Melaka hancur, namun pengorbanan dan semangat untuk membangunkan kota ini tidak pudar. Keadaan ini juga boleh dilihat sebagai ungkapan semangat juang yang tidak kenal putus asa seperti membina semula kekuatan dan kebanggaan di tempat yang baharu. Di samping itu, baris pantun yang ketiga membahaskan bahawa jikalau apa yang diperkatakan atau yang dijanjikan itu benar, maka tindakan akan diambil untuk melaksanakan meskipun memerlukan pengorbanan yang besar. Manakala baris pantun yang terakhir ialah menunjukkan pengorbanan mutlak serta kesediaan untuk berkorban demi sesuatu yang lebih besar. Keadaan ini menggambarkan sifat yang tekad untuk berjuang dengan sepenuh hati dan jiwa, tanpa mengenal lelah atau rasa takut demi mencapai sesuatu yang lebih mulia.

4.5.9 Cantik Manis

Hitamlah hitam sitampuk manggis,

Hitamlah hitam sitampuk manggis,

Sayang kemuning gugur bunganya,

Cantik manis gunung payung,

Lalak di la linkan.

Sungguhlah hitam dipandang manis,

Sungguhlah hitam dipandang manis,

Putihlah kuning apa gunanya,

Cantik manis gunung payung,

Lalak di la linkan.

(Lirik Lagu Randai Cantik Manis,

<https://www.scribd.com/document/398601806/LAGU-RANDAI-docx>)

Pantun Cantik Manis juga merupakan salah satu daripada bahagian yang diterapkan dan didendangkan dalam lagu Randai. Dalam konteks Cantik Manis Minangkabau, pantun ini boleh menggambarkan keindahan dan kemuliaan budaya Minangkabau serta ciri-ciri orang Minangkabau yang terkenal dengan kecantikan dan kesopanan tatasusila. Istilah “Cantik Manis” dalam pantun ini tidak hanya merujuk kepada kecantikan fizikal tetapi juga kepada keperibadian, budi pekerti, dan akhlak yang mulia. Dalam budaya Minangkabau, kecantikan seseorang diukur dengan kesopanan, kelembutan dan kesantunan mereka. Hal ini demikian bertetapan dengan sifat pantun tersebut yang di mana ia dirakamkan mempunyai hubungan yang rapat dengan suasana kehidupan masyarakat yang menciptakannya bersesuaian dengan masyarakat Minangkabau. Pada baris pertama pantun ini, ia mengungkapkan bahawa keindahan atau kebaikan sesuatu tidak selalu nampak dengan jelas pada pandangan pertama. Dalam konteks ini, “hitam” merujuk kepada sesuatu yang tampak kurang menarik tetapi dengan penelitian dan pemahaman yang lebih mendalam ia mempunyai nilai atau keindahan yang tersembunyi. Hal ini demikian kerana, penilaian pertama dan pandangan pada luaran tidak selalu mencerminkan nilai sebenar sesuatu. Kadang kala, kita perlu melihat dengan lebih mendalam dan memberikan peluang kepada sesuatu untuk menunjukkan keindahan yang tersembunyi. Selain itu, baris kedua pantun ini pula memberikan nasihat supaya tidak hanya melihat pada penampilan luaran dan kemewahan semata-mata tetapi juga harus memberikan perhatian kepada nilai moral dan rohani yang lebih mendalam dan berterusan. Jikalau sesuatu itu tidak memiliki kesucian dan nilai yang sebenar, ia tidak akan mempunyai makna yang sebenar walaupun kelihatan menarik dan berkilauan di luar.

Manakala baris ketiga pula membincangkan akan keindahan yang sempurna dan sesuatu yang di luar kebiasaan. Hal ini demikian kerana ia memberikan gambaran bahawa sesuatu yang cantik atau menarik itu harus dilihat dengan lebih mendalam sebaliknya bukan hanya dilihat dari luaran dan perlu dilihat dari segi keagungan dan nilai yang ada di dalamnya. Baris keempat pula, menggambarkan keadaan yang tidak teratur dan sesuatu yang tidak terkawal. Hal ini demikian merujuk kepada perasaan atau situasi yang tidak stabil yang berlaku, walaupun di tengah-tengah keindahan sesuatu. Ia mengingatkan kita bahawa walaupun terdapat hal-hal yang indah dalam kehidupan, ada kalanya keadaan akan menjadi kacau-bilau dan tidak teratur.

4.5.10 Si Bogar

Si Bogar jolong bersusuk,
Labuh dikali nak rang rantai,
Atap liang dinding dah lapuk,
Apakah daya bilah lantai.

(Lirik Lagu Randai Si Bogar,

<https://www.scribd.com/document/398601806/LAGU-RANDAI-docx>)

Si Bogar merujuk kepada seseorang yang dikenali dengan nama Bogar, dalam konteks ini, “Bogar” merujuk kepada seseorang tokoh dan individu yang penting, manakala jolong membawa pendefinisian terkulai atau terbaring yang menunjukkan keadaan tubuh badan yang kurus dan tidak bermaya. Baris pertama ini menggambarkan keadaan seseorang yang keletihan atau dalam sedang dalam penderitaan akibat sakit yang dialaminya. Selain itu, baris kedua pula menggambarkan keinginan untuk memperbaiki keadaan dan memperoleh sesuatu yang lebih baik, tetapi tidak dapat dicapai kerana kekangan dan kesulitan yang dihadapi. Hal ini demikian boleh melambangkan seseorang

yang terperangkap dalam situasi yang susah dan tidak dapat mengubah nasibnya. Manakala, baris ketiga pula menceritakan keadaan yang semakin memburuk di mana rumah dan tempat tinggal sudah usang dan rosak. Ia boleh dijadikan simbol untuk keadaan kehidupan yang juga sudah lapuk dan tidak terurus serta mencerminkan ketidakmampuan untuk memperbaiki atau mengubah kehidupannya. Baris yang terakhir sekali menunjukkan keputusasaan dan ketidakmampuan untuk memperbaiki keadaan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana istilah “apakah daya” bermaksud tidak ada lagi dapat dilakukan dan “bilah lantai” menunjukkan bahawa sesuatu yang diharapkan untuk memberikan kekuatan dan dorongan yang sudah tidak bermakna lagi.

4.6 Potensi Kesenian Randai

4.6.1 Potensi Kepada Individu

Terdapat kepelbagaian potensi kesenian Randai jika dilihat daripada konteks individu itu sendiri. Melalui pemeraksanaan kesenian Randai ini, ia mampu meningkatkan pemahaman budaya seseorang itu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ia dapat dilihat menerusi penglibatan individu tersebut dalam bidang kesenian terutamanya kesenian Randai ini. Keadaan ini secara positifnya akan membantu individu bagi memahami dan menghargai budaya dan tradisi sendiri dengan lebih akrab dan berhemah. Penganjurkan pelbagai aktiviti budaya yang dijalankan oleh pihak kerajaan baik di media sosial dan juga secara fizikal perlu diikuti agar segala input-input baharu meresapi ke dalam diri individu tersebut seterusnya menjadi nilai tambah kepada diri sendiri. Selain itu juga, pemahaman budaya secara kritikal akan mendorong kepada pembentukan identiti diri yang lebih kukuh dan sikap toleransi terhadap kepelbagaian budaya. Di samping itu juga, potensi kesenian Randai yang berikutnya terhadap individu ini ia membolehkan merangsang kewujudan peluang pendidikan dan kerjaya. Hal ini sedemikian kerana bagi mereka yang

mempunyai bakat baik secara semulajadi mahupun tidak, kesenian boleh membuka peluang pendidikan seperti biasiswa seni ataupun kemasukan ke dalam institusi pendidikan dalam bidang kesenian. Sebagai contoh, bidang kesenian di institusi dan pekerjaan menawarkan berbagai peluang kerjaya termasuk sebagai pelukis, penulis, pemuzik, pelakon, pereka grafik dan sebagainya.

Kesenian Randai ini turut memberikan rasa kepuasan dan pengalaman yang bermakna kepada individu yang merasai kesenian ini secara lebih mendalam. Hal ini demikian kerana ia akan memberikan rasa kepuasan apabila seseorang itu berjaya menyelesaikan tarian ini sehingga lagu habis dimainkan. Seni sememangnya memberikan peluang dan kesempatan buat masyarakat untuk bersuka-ria tapi dalam masa yang sama kesenian ini mendidik jiwa dan raga seseorang itu melalui penerapan deduktif iaitu nilai-nilai murni yang positif yang dimana ia akan membina sahsiah dan cerminan budaya dan individu tersebut.

4.6.2 Potensi Kepada Masyarakat

Kesenian Randai boleh menjadi sumber pendapatan tambahan bagi penggiat seni dan komuniti tempatan di Negeri Sembilan. Pelbagai peluang pekerjaan boleh diwujudkan melalui latihan, persembahan, dan penyediaan produk-produk seni seperti pakaian tradisional, alat muzik, dan aksesori yang digunakan dalam persembahan Randai. Sebagai contoh, pengusaha seni, jurulatih, dan pengarah seni Randai boleh menawarkan kelas atau bengkel kepada orang ramai, selain mencipta peluang pekerjaan dalam pembuatan kostum dan alat muzik tradisional yang digunakan dalam persembahan. Selain itu juga, Kesenian Randai dengan elemen kolaboratifnya boleh digunakan sebagai alat untuk memperkukuhkan hubungan sosial dalam masyarakat setempat. Melalui penglibatan dalam persembahan atau bengkel seni, individu dari pelbagai latar belakang dan umur

boleh bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama, sekaligus mempereratkan perpaduan dalam masyarakat. Kegiatan seni ini juga dapat memperkenalkan pelbagai nilai moral dan sosial yang positif kepada masyarakat. Sebagai contoh, persembahan Randai yang melibatkan komuniti tempatan dan sekolah-sekolah boleh meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kerjasama dan saling menghormati dalam masyarakat serta merangsang minat orang ramai terhadap seni. Seperkara lagi, memang tidak dinafikan lagi bahawa kredibiliti kesenian Randai adalah warisan budaya yang penting yang perlu dilestarikan. Oleh hal yang demikian, pelestarian dan penghargaan terhadap warisan budaya ketara harus diberi penekanan selayaknya kerana melalui usaha sebegini ia akan dapat dipelihara dan dipopularkan seterusnya dalam masa yang sama di masa akan datang ia akan memperkukuhkan identiti budaya masyarakat Negeri Sembilan dan negara Malaysia. Melalui pendidikan seni di sekolah-sekolah atau institusi pengajian tinggi, generasi muda dapat diberikan pendedahan mengenai seni Randai, yang bukan sahaja menghidupkan semula minat terhadap seni tradisional ini, tetapi juga membuka peluang untuk pemupukan bakat-bakat baru dalam bidang seni. Contohnya, program pendidikan dan latihan yang menggabungkan Randai boleh diperkenalkan di sekolah-sekolah dan universiti, untuk melatih generasi muda dalam seni persembahan yang akan memajukan kesenian ini dalam konteks moden.

4.6.3 Potensi Kepada Negara

Sebagai sebahagian daripada sektor ekonomi kreatif, Randai berpotensi bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai ekonomi. Selain persembahan pentas, Randai juga boleh dipasarkan dalam kepelbagaian bentuk media seperti filem, video dokumentari, dan produk digital (contohnya aplikasi pembelajaran mengenai seni Randai). Ini juga akan membuka peluang kerjasama antara penggiat seni dan pihak industri kreatif bagi menghasilkan karya yang dapat diterima di pasaran global. Sebagai

contoh, melalui pembinaan kandungan digital seperti dokumentari mengenai sejarah dan perkembangan Randai boleh menarik minat penonton antarabangsa dan menghasilkan pendapatan melalui jualan atau penstriman digital. Di samping itu juga, Randai sememangnya tidak dinafikan sebagai seni tradisional yang kaya dengan nilai sejarah dan budaya, boleh menjadi daya tarikan utama dalam industri pelancongan. Melalui pemerkasaan sektor ekonomi kreatif ini ia berperanan untuk mempromosikan persembahan Randai sebagai tarikan pelancongan di Negeri Sembilan, istilah pelancongan budaya yang diperkenalkan dapat menarik pengunjung domestik dan antarabangsa untuk mengunjungi dan menyaksikan persembahan seni yang unik ini. Festival budaya dan acara pelancongan yang mengintegrasikan Randai boleh memperkenalkan budaya Minangkabau kepada lebih ramai orang, sekali gus mempromosikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Sebagai contoh, menyertakan persembahan Randai dalam festival budaya seperti "Pesta Negeri Sembilan" atau "Hari Kebudayaan Malaysia" sebagaimana yang telah dilaksanakan baru-baru ini pada tanggal 14 hingga 15 September 2024 iaitu “Pesta Bola Ngoca Kuala Pilah” yang bertempat di perkampungan budaya Seri Menanti, Kuala Pilah.

Program tahunan ini turut dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan iaitu Datuk Seri Aminuddin Harun. Pihak berwajib, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penganjur seharusnya mengambil cakna dan peluang akan keadaan ini supaya program tahunan seperti ini diharapkan dalam masa yang sama mampu mengetengahkan kesenian Randai terutamanya kepada generasi muda yang kebanyakannya sudah tentu tidak mengetahui akan adanya kesenian tradisional Randai ini. Siapa sangka mungkin dengan mempromosikan kesenian Randai kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa ia mampu menggamit kenangan, keseronokan dan pengalaman baharu apabila merasai secara langsung persembahan tersebut.

4.7 Penutup

Secara keseluruhannya, dalam bab 4 ini ia jelas menunjukkan bahawa kesenian Randai sememangnya memiliki kepelbagaian kepentingan di samping memiliki potensi besar untuk memberi sumbangan kepada ekonomi di Negeri Sembilan, terutamanya dalam sektor pelancongan, ekonomi kreatif, dan sosial. Melalui usaha yang sistematik dan kerjasama antara pihak kerajaan, penggiat seni, dan masyarakat, Randai boleh dijadikan sebagai salah satu pemacu ekonomi yang mampan, selain daripada menjadi alat pelestarian khususnya buat warisan ketara di negara ini. Kesenian ini turut menawarkan potensi besar kepada individu, masyarakat dan negara terutama dalam aspek emosi, intelektual, sosial, dan profession (pekerjaan). Dengan melibatkan diri dalam seni, individu dan masyarakat bukan sahaja dapat memperkayakan diri mereka tetapi juga berpeluang menyumbang kepada masyarakat dan dunia secara keseluruhan. Melalui sokongan yang tepat, kesenian Randai diharapkan mampu berkembang serta memberi impak positif kepada ekonomi negeri dan juga memperkenalkan warisan budaya Minangkabau seterusnya kepada peringkat global.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab lima merupakan bab terakhir di dalam projek penyelidikan, yang di mana pengkaji akan menjelaskan mengenai perbincangan, cadangan dan kesimpulan yang dilaksanakan mengikut keseluruhan penyelidikan berkenaan dengan kajian mengenai Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan dalam membangkitkan semangat cinta akan budaya tempatan menerusi golongan muda. Hasil dapatan berdasarkan objektif kajian iaitu mengkaji aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, langkah untuk mengenalpasti lirik lagu dalam aktiviti seni Randai bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Kuala Klawang serta potensi seni persembahan Randai yang mampu dikembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan daripada bab sebelum ini akan dibincangkan di dalam bab ini dan seterusnya mencadangkan kajian lanjutan yang boleh diteruskan oleh penyelidik akan datang. Pengkaji turut merumuskan hasil daripada perbincangan berkaitan objektif kajian yang telah dikemukakan oleh penyelidik. Dengan adanya perbincangan ini ia sedikit sebanyak dapat melihat sejauhmana hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh penyelidik di dalam kajian ini manakala cadangan yang dikongsi dapat membuka ruang dan peluang kepada penyelidik lain bagi melihat jarak jurang kajian yang dipilih bagi

keperluan semasa dan akan datang. Bagi kesimpulan pula, membolehkan kesemua kajian dirangkumkan oleh penyelidik sekaligus dapat menyempurnakan kajian berkaitan kajian terhadap Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan.

Kajian yang telah dijalankan banyak memberikan peluang dan ruang kepada pengkaji dalam mempelajari akan kaedah-kaedah yang perlu digunakan untuk memperolehi maklumat yang tepat dan sahih. Kajian penyelidikan ini sememangnya tidak dinafikan telah menjawab keseluruhan persoalan dalam minda pengkaji serta saling berhubungkait antara permasalahan kajian, teori dan juga cadangan yang perlu diketengahkan dalam kajian ini. Hasil daripada dapatan kajian ini juga pengkaji memperoleh cadangan untuk pihak yang bertanggungjawab untuk menambahbaikkan daripada pelbagai segi yang berkaitan dengan membangkitkan perasaan cinta terhadap budaya kesenian Randai di Negeri Sembilan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana rata-rata generasi muda tidak mengetahui akan kehadiran kesenian ini.

5.2 Rumusan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan membuat suatu rumusan lengkap mengenai kajian yang dijalankan ini iaitu Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya Di Negeri Sembilan. Oleh hal yang demikian, penggunaan teori dalam sesebuah kajian merupakan suatu aspek penting yang perlu diberi penekanan supaya kajian yang dijalankan ini mempunyai asas dan fakta yang menarik. Pengkaji telah mengaplikasikan Teori Orientasi Budaya yang berlandaskan kepada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan bagi memastikan objektif kajian ini dapat dicapai. Penggunaan teori Orientasi Budaya atau dengan nama lainnya Akulturasi Budaya ini dilihat dapat membawa kepada suatu gambaran yang jelas tentang kepentingan

keberadaan masyarakat Adat Perpatih serta kesenian Randai yang diamalkan oleh mereka yang perlu diteruskan agar warisan ketara ini tidak pupus begitu sahaja. Kesenian Randai ini bukanlah merujuk kepada kesenian ketinggalan zaman dan sukar difahami. Namun demikian, kesenian Randai ini dilihat mampu meningkatkan identiti budaya seseorang itu yang di mana ia bukan hanya kesenian semata-mata, tetapi kesenian ini merangkumi kepelbagaian aspek seperti muzik, sastera, silat, dan sebagainya. Perkara sebegini telah mendorong kepada berlakunya suatu evolusi yang baik dalam pembentukan asimilasi budaya dalam masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Menerusi kajian ini, asimilasi budaya telah menjadi suatu keutamaan yang penting dalam membawa suatu gambaran yang jelas tentang aspek pembentukan masyarakat daripada berlainan suku dan adat. Jelaslah bahawa kajian yang berlandaskan kepada Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya ini merupakan suatu wadah dalam membentuk masyarakat Minangkabau terutamanya masyarakat Adat Perpatih dalam kesenian Randai yang dibawa mereka agar dilestarikan serta dipertahankan.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini dimulakan dengan bab satu yang membincangkan berkenaan dengan pengenalan kajian. Pada bahagian ini, pengkaji telah menitikberatkan beberapa aspek penting yang perlu diberi penekanan dalam menjalankan kajian ini. Aspek-aspek yang perlu diberikan penekanan dalam bab satu ini ialah pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Segala perkara yang telah dikemukakan menerusi bahagian bab satu ini mempunyai peranan dan fungsi yang penting bagi mencorakkan kajian yang ingin dilakukan. Bab satu ini juga memfokuskan kepada beberapa objektif yang perlu diambil kira oleh pengkaji bagi menelusuri segala perkara yang berkaitan dengan objektif kajian. Objektif bagi kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu

mengkaji aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, mengenalpasti lirik lagu seni Randai yang menjadi simbolik dan lambang bagi masyarakat Adat Perpatih di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelevu Negeri Sembilan dan menganalisis potensi seni persembahan Randai dalam mengembangkan dan menjana pendapatan ekonomi di Negeri Sembilan. Tidak hanya tertumpu kepada bahagian objektif sahaja, bab satu ini juga ada mengetengahkan tentang pengenalan yang dilihat dapat memberi gambaran awal bagi masyarakat untuk mengetahui hasil kajian yang telah dijalankan ini. Tuntasnya, kajian yang dijalankan ini adalah berteraskan kepada segala faktor yang melibatkan aspek-aspek yang perlu diketengahkan dalam menghasilkan penulisan bab satu dan kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan secara umum kepada masyarakat berkenaan dengan tajuk kajian. Di samping itu juga, pengkaji juga telah menetapkan latar belakang kajian di Kampung Gagu Kuala Klawang, Jelevu, Negeri Sembilan. Selain itu, bagi permasalahan kajian telah dikenalpasti bahawa persembahan seni Randai kini sudah semakin dilupakan oleh generasi muda pada hari ini serta ia bertitik tolak daripada pemikiran skeptikal iaitu ragu-ragu masyarakat terhadap aktiviti kesenian ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kebanyakan pemikiran dan persepsi masyarakat yang memandang kesenian ini sebagai suatu aktiviti tradisional yang sudah jauh ketinggalan zaman untuk diamalkan. Manakala, bagi kepentingan kajian pula, adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimana semangat kecintaan terhadap warisan ibunda iaitu warisan ketara dapat dipupuk dalam generasi muda kini.

Seterusnya, bagi huraian di bab dua pula adalah mengenai sorotan kajian atau kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan asimilasi budaya yang berlaku dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih sejak di awal penghijrahan mereka ke Tanah Melayu. Sorotan kajian lepas ini merujuk kepada segala hasil kajian pengkaji lain yang telah dijadikan

sebagai sumber rujukan dalam menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan sedemikian kerana pengkaji telah mengaplikasikan kaedah yang berteraskan kepada bab dua ini bagi mendapatkan hasil kajian yang berkualiti. Tambahan pula, pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bahagian yang berkait dengan tajuk kajian yang dijalankan ini. Antara tajuk sorotan kajian lepas yang telah dibentangkan oleh pengkaji ialah kajian lepas mengenai asimilasi budaya, akulturasi budaya, kajian lepas mengenai kesenian Randai, kajian lepas mengenai lirik-lirik lagu Randai, kajian lepas mengenai Adat Perpatih dan kajian lepas mengenai penerapan teori Orientasi Budaya. kajian lepas yang dijalankan tidaklah sekerap seperti yang diharapkan namun intipati kajian lepas tersebut menerangkan berkenaan dengan kajian pengkaji. Pengkaji turut telah memfokuskan kepada tiga bahagian iaitu kajian tesis, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, Ijazah Doktor Falsafah, jurnal dan artikel serta buku. Kajian yang dijalankan ini amat mementingkan sumber daripada kajian lepas kerana ia merupakan antara sumber yang sahih serta dapat digunakan dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan satu kajian yang terbaik dan lengkap.

Di samping itu, bagi bab tiga pula pengkaji telah menerangkan berkenaan dengan metodologi kajian yang merupakan kaedah untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Kaedah ini berperanan dalam menjawab setiap persoalan dan objektif kajian pengkaji. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual berstruktur, pemerhatian, visual dan tematik bertujuan untuk mengukuhkan lagi kesahihan data. Dalam kaedah kualitatif, pengkaji menjalankan pemerhatian dan temu bual berstruktur di mana pengkaji menemu bual dua orang informan di Kampung Gagu, Kuala Klawang, Jelebu tersebut. Oleh itu, kaedah tematik diguna pakai bagi mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan tema dan pola utama yang terdapat dalam data. Manakala, penerapan Teori Orientasi Budaya yang di

asaskan oleh C. Kluckhohn (1962) digunakan dalam kajian amat membantu kerana ia mempunyai pertautan yang kukuh antara manusia dan alam sekitar serta bagaimana ia mempengaruhi tingkah laku manusia sepanjang kehidupan di samping merangkumi segala aspek kehidupan manusia seperti kepercayaan, adat, pemakanan, pakaian dan sebagainya. Kesannya, penggunaan teori ini adalah signifikan kerana merupakan sebagai wadah pembentukan masyarakat kearah yang lebih bertamadun meliputi segala aspek seperti adat resam, kepercayaan serta nilai budaya tersebut. Kemudian, pengkaji menyediakan kerangka konseptual kajian secara ringkas melalui bentuk peta minda bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas agar segala aspek dan proses yang diketengahkan dapat diperincikan seperti reka bentuk kajian, cara pengumpulan maklumat dan penggunaan teori yang terlibat. Tuntasnya, metodologi kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mengumpul dan mendapatkan maklumat tentang kajian yang dilaksanakan.

Bab empat pula, pengkaji telah membincangkan dapatan kajian yang didapati melalui proses temu bual bersama-sama informan berdasarkan soalan-soalan yang telah dirangka oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti peranan yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan terhadap kesenian Randai dalam membangkitkan semangat kecintaan akan terhadap warisan ketara ini dalam kalangan golongan muda. Selain itu juga, beberapa peranan lain turut dikemukakan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu melibatkan aspek asimilasi budaya yang berlaku dalam kelompok komuniti masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Dapatan kajian yang berikutnya memfokuskan kepada peranan lirik-lirik lagu kesenian Randai yang menjadi simbolik dan lambang kepada masyarakat Adat Perpatih sejak awal penghijrahan mereka ke Negeri Sembilan. Berikutnya, pengkaji turut mengemukakan beberapa cadangan bagi menganalisis persembahan Randai yang di mana jika dilihat daripada pelbagai perspektif

dan konteks kehidupan ini ia mampu memberikan potensi dalam perkembangan ekonomi di Negeri Sembilan.

Akhir sekali, bab lima memfokuskan kepada kesimpulan serta rumusan yang boleh dibuat pengkaji atas hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana bab lima ini adalah bertujuan untuk merangkumkan segala aspek yang telah dikemukakan menerusi setiap bab satu sehinggalah bab lima bagi menjuruskan kepada kesan kajian ini kepada pengkaji lain dan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan objektif satu, dua dan tiga dapat disimpulkan bahawa Asimilasi Budaya Dalam Lirik Lagu Randai Adat Perpatih Melalui Pengaplikasian Teori Orientasi Budaya di Negeri Sembilan dapat memberikan suatu semangat cinta akan warisan budaya ketara kepada pengkaji kerana kekayaan kebudayaannya yang unik di mana ia menggabungkan pelbagai seni seperti tarian, silat, muzik dan kesusasteraan itu sendiri. Oleh hal yang demikian, kesenian ini terdapat pelbagai manfaat kepada individu yang mengikutinya kerana dalam memahami nilai seni tradisinya ia berperanan sebagai medium untuk menyampaikan unsur deduktif dan pengajaran dalam menjalani kehidupan yang pelbagai cabaran. Kesenian Randai juga memiliki kepelbagaian kepentingan serta berpotensi memberikan sumbangan kepada ekonomi di Negeri Sembilan terutamanya dalam sektor pelancongan, ekonomi kreatif dan sosial. Melalui usaha yang sistematik dan kerjasama oleh pihak kerajaan, tidak hairan kesenian ini mampu melangkau ke peringkat tertinggi iaitu global pada suatu hari nanti dan mampu diiktirafkan sebagai warisan ketara di bawah pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) seperti mana baru-baru ini telah kebaya telah diiktiraf sebagai warisan budaya tidak ketara oleh pertubuhan dunia tersebut.

5.3 Implikasi Dan Cadangan

Implikasi dan cadangan kajian boleh didefinisikan sebagai suatu platform untuk mengutarakan segala idea yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini untuk ditambahbaik demi mendapatkan hasil yang berkualiti bagi tontonan masyarakat dan juga pengkaji lain. Pada bahagian ini, pengkaji telah mengemukakan ruang yang bersesuaian mengikut ketetapan kajian yang membolehkan berlakunya sebarang pertambahan maklumat yang bermanfaat. Pengkaji juga berpendapat bahawa kajian yang dijalankan ini masih terdapat kelompangan serta kelemahan yang tersendiri daripada sudut idea dan penulisan yang dibuat oleh pengkaji sendiri. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang penting untuk digarap oleh pihak lain khususnya dalam konteks individu, masyarakat dan negara. Pembahagian cadangan mengikut tiga kategori ini dilihat dapat memberikan kesan yang positif kepada revolusi serta penambahan maklumat yang penting untuk manfaat bersama. Tuntasnya, segala cadangan yang diketengahkan oleh pengkaji ini perlu dipandang serius bagi mengangkat kesenian Randai untuk terus dipertahankan serta dilestarikan agar ia tidak pupus dimamah zaman. Kesenian Randai secara signifikannya merupakan permainan tradisional yang unik serta dimainkan secara berkelompok membentuk lingkaran dan kemudiannya melangkahkan kaki secara perlahan lalu penceritaan cerita disampaikan dalam bentuk nyanyian secara bergantian. Persembahan yang menggabungkan kepelbagaian elemen yang merangkumi seni tari, muzik, silat, dan tidak lupa juga kesusasteraan menjadikan ianya sebuah warisan budaya ketara yang harus diketengahkan dengan kerap di samping perlu dijaga. Keadaan ini ditekankan oleh Setiausaha Kerapatan Adat Luak Ulu Muar, Abdul Khalid Ujang (2023) beliau menyatakan bahawa Adat Perpatih mempunyai sejarah yang panjang iaitu sudah mula bertapak 700 tahun lalu. Adat yang diwarisi sejak turun-temurun tidak perlu diragui, hal ini demikian kerana masyarakat mengamalkan Adat

Perpatih tidak berpuak sebaliknya sentiasa mengekalkan permuafakatan dalam kehidupan misalnya dalam memainkan permainan kesenian Randai. Sebagai contoh yang lain, daripada aspek perkahwinan Adat Perpatih melarang berkahwin sesama suku dan mereka memerlukan pasangan yang berlainan suku. Namun, pada masa kini masyarakat sudah tidak mengendahkan serta meninggalkan larangan tersebut dengan berkahwin sesama suku. Oleh hal yang demikian, peneraju Adat Perpatih atau pemegang pesaka adat seperti Undang, Penghulu, Dato' Lembaga, Buapak, Besar Waris dan Ibu Soko adalah sumber rujukan utama bagi menghindarkan perkara seperti itu berlaku secara berleluasa.

5.3.1 Implikasi Dan Cadangan Kepada Individu

Cadangan daripada sudut individu pula iaitu dengan memperbanyakkan kajian yang berteraskan kepada kesenian Randai Adat Perpatih khususnya di Negeri Sembilan pada masa ini. Kajian yang berlandaskan kepada kesenian Randai perlu dipertingkatkan lagi bagi memberikan kesedaran dalam diri supaya isu atau sifat skeptikal yang dibawa ini merujuk kepada isu penting yang perlu diselesaikan demi kepentingan bersama. Hal ini demikian kerana, secara jelasnya kesenian Randai ini bukanlah kesenian yang sudah ketinggalan zaman, tetapi merangkumi segala sisi kehidupan manusia yang memberikan pelbagai pengajaran untuk digunakan pada masa kini serta ia merupakan kesenian warisan nenek moyang terdahulu yang yang dimana mereka dahulu berpenat lelah menjaga dengan segala jerih dan perih mereka dalam mempertahankan kesenian ini sehingga ke hari ini. Selain itu juga, pengkaji berpendapat bahawa cadangan kepada individu ini bagi melestarikan kesenian ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah dengan penglibatan individu tersebut dalam kesenian ini. Kesan secara signifikannya, penglibatan seseorang individu dalam kesenian ini akan memberikan suatu pengalaman secara langsung serta berharga kerana dalam masa yang sama akan merangsang pengetahuan terhadap tradisi Adat Perpatih serta di kemudian hari diharapkan mereka ini

akan membantu dalam memelihara seni budaya warisan tradisional ini agar ia berkekalan sampai bila-bila.

5.3.2 Implikasi Dan Cadangan Kepada Masyarakat

Kajian yang dijalankan ini mengemukakan cadangan yang berlandaskan kepada masyarakat setempat dengan menerapkan penghayatan nilai dalam lirik lagu Randai tersebut. Secara umumnya, masyarakat di negara ini terdiri daripada berbilang kaum dan ia tidak menghalang masyarakat untuk menghayati budaya ini. Masyarakat digalakkan untuk memahami dan menghayati mesej yang terkandung dalam lirik tersebut kerana lirik-lirik lagu Randai secara signifikannya menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan seperti kerjasama, hormat-menghormati dan kepentingan hidup berkomuniti yang secara keseluruhannya dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu juga, cadangan yang berikutnya adalah dengan menjadikan kesenian Randai sebagai aktiviti kekeluargaan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana kesenian Randai merangkumi kesusasteraan yang mencakupi kehidupan manusia seperti pantun, gurindam dan nyanyian yang boleh dijadikan aktiviti kekeluargaan. Implikasinya, aktiviti sebegini bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan tetapi juga memperkukuh penghargaan kita sebagai manusia terhadap warisan budaya ketara tradisional.

5.3.3 Implikasi Dan Cadangan Kepada Negara

Cadangan kepada negara menerusi kajian yang dijalankan ini ialah mewujudkan pendokumentasian dan penyelidikan lirik lagu Randai secara berterusan. Pihak berkepentingan seperti badan kerajaan iaitu Jabatan Warisan Negara misalnya seharusnya memainkan peranan dengan meningkatkan usaha penyelidikan dan pendokumentasi secara berterusan agar lirik lagu Randai Adat Perpatih tidak pupus begitu sahaja. Hal ini demikian kerana sistem penyelidikan dan pendokumentasian yang sedia ada pada masa

ini dilihat masih mempunyai kelonggaran dan sikap tidak ambil tahu beberapa pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah ini daripada terus menular terutamanya kurangnya pembukuan ataupun penyelidikan yang melibatkan lirik-lirik lagu Randai di negara ini. Usaha seperti ini seharusnya turut disahut oleh ahli budaya, sejarawan serta penduduk tempatan agar pergerakan penyelidikan tersebut lebih tersusun dan sistematik. Selain itu juga, cadangan yang lain adalah melalui aspek pendidikan itu sendiri. Hal ini sedemikian kerana dengan memasukkan unsur Randai Adat Perpatih ke dalam kurikulum pendidikan di sekolah rendah akan memastikan para pelajar dapat memahami nilai-nilai adat yang terkandung dalam lirik lagu tersebut seperti semangat muafakat, hormat kepada pemimpin dan keharmonian sosial. Sebagaimana yang kita sedia maklum, di peringkat institusi tinggi negara kita memiliki Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), namun di peringkat sekolah rendah juga harus dititik beratkan bak kata pepatah “melentur buluh biarlah daripada rebungnya”. Oleh yang demikian bermula di peringkat awal persekolahan kanak-kanak ini hendaklah didedahkan dengan kesenian Randai ini.

5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, rumusan ringkas yang boleh dibuat oleh pengkaji ialah asimilasi budaya dalam lirik lagu Randai Adat Perpatih merujuk kepada aspek penting dalam memastikan matlamat serta tujuan dapat dicapai. Lirik lagu Randai Adat Perpatih di Negeri Sembilan merupakan cerminan unik keindahan asimilasi budaya yang terhasil daripada integrasi nilai-nilai tradisi dengan elemen seni. Melalui liriknya, Randai secara amnya menyampaikan mesej perpaduan, keharmonian, dan semangat muafakat yang menjadi tunjang kepada Adat Perpatih. Seni Randai berperanan sebagai warisan budaya yang bukan sahaja melambangkan identiti masyarakat Negeri Sembilan, tetapi juga menjadi medium perpaduan yang menghubungkan pelbagai kaum dan generasi di Malaysia. Proses asimilasi ini terlihat dalam keupayaan Randai mengadaptasi unsur-unsur moden sambil mengekalkan nilai asalnya serta menjadikannya relevan dalam konteks masyarakat pada hari ini. Dalam lirik Randai, terdapat elemen seperti nasihat, humor, dan sejarah, yang bukan sahaja mendidik tetapi juga menyatukan komuniti. Tuntasnya, asimilasi budaya dalam lirik lagu Randai Adat Perpatih tersebut bukan sahaja memastikan warisan ini terus hidup, tetapi juga berfungsi sebagai jambatan budaya yang menghubungkan masyarakat dalam kepelbagaian. Warisan ini sememangnya wajar dihargai, dipelihara, dan diteruskan untuk generasi akan datang.

Rujukan

- Abdul Majid, W. B., Zakaria, M. Z., & Mhd Rusdi, M. I. (2022). Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 19(7). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1907.02>
- Asal-usul Adat Perpatih Dan Adat Temenggung. (1995).
- Azmi, N. A., Idris, Z., & Kechot, Ab. S. (2021). Kesenian Randai sebagai manifestasi budaya masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-21>
- Arifninetrirosa, Heristina Dewi, & Bebas Sembiring. (2019). Pelestarian Randai Sebagai Media Pendidikan Adat Istiadat Minangkabau di Sanggar Sumarak Anjuang di Kota Medan. *Talenta Conference Series: Local Wisdom, Social, and Arts (LWSA)*, 2(2). <https://doi.org/10.32734/lwsa.v2i2.715>
- Ahmad, S., Kamarul Afizi Kosman, Syukri Yeoh Abdullah, & Gaman, A. (2019). Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa (“Adat Perpatih” Negeri Sembilan as a unique identity of national heritage). 3(2).
- Arifin, S. (2016). Budaya Islam dalam Adat Perkawinan Minangkabau. *el-harakah* (terakreditasi), 16(1). <https://doi.org/10.18860/el.v16i1.2511>
- Andheska, H. (2018). Kearifan Lokal Masyarakat Minangkabau Dalam Ungkapan Kepercayaan Rakyat. *Basindo: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Indonesia, Dan Pembelajarannya*, 2(1), 22–28. <https://doi.org/10.17977/um007v2i12018p022>
- Ambiak, M. (2024). *dendang minang “cupak ma ambiak lado” ~ riri susan*. YouTube. <https://youtu.be/Ws3OHTXeNYY?si=BBZmZetvsrXw0Bds>
- Anang Darun Naja. (2017). *Islamisasi Pulau Jawa dalam Perspektif Asimilasi Budaya*. 2(2), 259–272. <https://doi.org/10.15642/joies.v2i2.23>

- Bahardur, I. (2018). Kearifan lokal Budaya Minangkabau dalam seni pertunjukkan tradisional Randai. *Jentera: Jurnal Kajian Sastra*, 7(2), 145.
<https://doi.org/10.26499/jentera.v7i2.932>
- Bungaran Antonius Simanjuntak. (n.d.). *Melayu Pesisir dan Batak Pegunungan*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Che. (2012). *Asimilasi bangsa Melayu di Patani: keberkesanan dasar dan survival budaya minoriti*.
- Dato', M. (2022, March 22). *Prof Madya Dato' Paduka Dr Mohd Rosli Saludin, ATMA, UKM*. YouTube. <https://youtu.be/qlrgqGQMtUo?si=cBVN7LYfuB3adRoZ>
- Di, Y., & Kedah. (2016). http://eprints.usm.my/32130/1/BUSTAMI_24%28NN%29.pdf
- Desyandri, D. (2016). Nilai-nilai Edukatif lagu-lagu Minang untuk membangun karakter peserta didik. *Jurnal Pembangunan Pendidikan: Fondasi Dan Aplikasi*, 3(2), 126–141. <https://doi.org/10.21831/jppfa.v3i2.7566>
- Dharmawijaya. (1994). *Gurindam alam*. Masa Enterprise.
- Edwar Jamaris. (2002). *Pengantar sastra rakyat Minangkabau*. Yayasan Obor Indonesia.
- Esten, M. (1993). *Minangkabau, tradisi dan perubahan*.
- Firmando, H. B. (2021). Orientasi Nilai Budaya Batak Toba, Angkola dan Mandailing dalam membina interaksi dan solidaritas sosial antar umat beragama di tapanuli utara (analisis sosiologis). *Studia Sosia Religia*, 3(2).
<https://doi.org/10.51900/ssr.v3i2.8879>
- Hanapi. (1986). *Asimilasi budaya*.
- Harun, C., & Media, P. (1979). *Kesenian Randai di Minangkabau*
- Harun Mat Piah. (2002). *Traditional Malay Literature*.

- Hum, A. (2015). Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Randai Bujang Sampai Values of Character Education in Randai Bujang Sampai. *Jurnal Peradaban Melayu Jilid, 10*.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/download/2010/1468>
- Hussin Abdul Aziz. (2011). Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia. Pulau Pinang Penerbit Usm Ann Arbor, Michigan Proquest.
- Hadi, H., Wimbrayardi Wimbrayardi, & Kamal, M. R. (2021). Promosi Seni Pertunjukan Randai Sebagai Identitas Kesenian Tradisional Minangkabau. 10(2), 262–262. <https://doi.org/10.24114/gr.v10i2.25558>
- Ibrahim, N. (1993). *Adat Perpatih*.
- Indija Noesba Mahjoeddin. (2011). *Randai as a Contemporary Dramaturgy*.
- Ilva Royhana. (2013). *Asimilasi Budaya Arab Pada Masyarakat Keturunan Arab Di Kampung Arab Panjunan Kecamatan Lemahwungkuk Kota Cirebon Jawa Barat*.
- Jhon. (2022, October 20). *SIMARANTANG || Jhon Cakra ||Instrument music*. YouTube.
<https://youtu.be/xWUwRxQtyOo?si=brmxoNO2yTMwTHJI>
- Jong. (2012). *Minangkabau and Negri Sembilan*. Springer Science & Business Media.
Kompleksiti Persembahan Randai dalam kehidupan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat oleh Arifni Netrirosa Universiti Sains Malaysia 2010. (n.d.).
- Kamaruddin Kachar (Dato. (1992). *The Philosophy of Adat Perpatih*.
- Kassim, A. (1992). *Women in the Adat Perpatih Society*.
- Kar., S., Prof. Dr. Novesar Jamarun, MS, & Admiral, S.Kar., M.Sn. (n.d.). *Buku ajar Randai teater tradisional rakyat Minangkabau Sumatera Barat*. Gre Publishing.
- KAYO, L. (2022, December 10). *Kata persembahan Randai Kuantan Singingi versi lin kayo*. YouTube. <https://youtu.be/q8xjRc-5aA?si=1gkCDpeJbGPrgHsw>

- Lama, G. (2018, April 19). *Warisan Teromba dalam Adat Perpatih: Generasi Lama, Generasi Baru*. YouTube. https://youtu.be/zB9eYr5XLac?si=p-2_m9Mxrs7sozu2
- Lagu Bongai Negeri Sembilan*. (n.d.). YouTube. Retrieved January 21, 2025, from <http://www.youtube.com/playlist?list=PLNv29qtdQzXMTLNtA6pUN4U4vFskxLu7>
- Mohd. Rosli Saludin. (2015). *Teromba sebagai raja puisi*.
- Mohd. Rosli Saludin. (2010). *Teromba sebagai wahana komunikasi adat Melayu tradisional*.
- Mohd. Rosli Saludin. (2007). *Mencari pengertian teromba*.
- Mangkuto, J., & Umar, J. (2015). *Naskah randai pilihan*.
- Mohd. (1986). *Randai Dance of Minangkabau Sumatra with Labanotation Scores*.
- M. Basrowi. (2020). *Mengenal Kesenian Nasional 10: Randai*. http://eprints.usm.my/41242/1/ARIFNI_NETRIROSA-syahira.pdf
- Manual metodologi penyelidikan*. (1986). Biro Penyelidikan Dan Perancangan, Institut Tadbiran Awam Negara.
- MOHD. (2020). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Cerita-Cerita Lisan Melayu* (Penerbit UMK). Penerbit UMK.
- Mato:, C. (2017, January 31). *Randai Cinduo Mato: Episod 5 (Tarian Piring)*. YouTube. https://youtu.be/2KgDaLguqvww?si=QU3h7Hq_NnKQcBWK
- Malay Law Adat Perpatih Temenggung*. (1899).
- Nordin, F. (2010). *Faktor agama dalam asimilasi budaya Arab ke dalam budaya Melayu*.

Nurfahrina Abal Mukam, & Humin Jusilin. (2019). *Representasi budaya dalam rekaan bentuk busana perkahwinan masyarakat bisaya di Beaufort, Sabah*. 9.

<https://doi.org/10.51200/ga.v9i.2139>

Norarizah Mohd Bakhir, & Mohd. (n.d.). *Warisan Kearifan Tempatan: Pemeliharaan Melalui Teknologi* (Penerbit USM). Penerbit USM.

Nellie, & Patel, V. (1992). *Adat Perpatih*.

Norhalim Haji Ibrahim. (1992). *A Brief Introduction to Adat Perpatih*.

Nordin Selat. (2014). *Sistem sosial Adat perpatih*. Pts Akademia.

Pengajli\ n, P., & Kemanusiaan, I. (n.d.). *Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah bidang kesusasteraan*. Retrieved May 19, 2024, from http://eprints.usm.my/35931/1/SYAIFUDDIN_HJ.WAN_MAHZIM_%28KHK%29_%28NN24%29.pdf

Pauka, K. (1998). *Theater and martial arts in West Sumatra: Randai and silek of the Minangkabau*. Ohio University Center For International Studies.

Prof.DR.Alo Liliweri,M.S. (2021). *Komunikasi Antar Budaya: Orientasi Nilai Budaya*. Nusamedia.

Rustiyanti, S. (2015). Musik Internal dan Eksternal dalam Kesenian Randai. *Resital: Jurnal Seni Pertunjukan*, 15(2), 152–162.

<https://doi.org/10.24821/resital.v15i2.849>

Sri Rustiyanti, Djajasudarma, F., Endang Caturwati, & Meilinawati, L. (2013). Estetika Tari Minang dalam Kesenian Randai Analisis Tekstual-

Kontekstual. *Panggung*, 23(1). <https://doi.org/10.26742/panggung.v23i1.86>

Siti, U., Sia, M., Nursyafiqah, S., & Mahfudz, B. (2018). *Nilai Budaya Dalam Ritual Kelahiran Dan Ritual Kematian Etnik Banjar Di Tawau, SABAH* rERPUS

TAIO\ I\H. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/38344/1/24%20PAGES.pdf>

- Saludin, M. R., Azima Ismail, N. S., & Razali, N. A. (2020). Management of the adat Perpatih Matriarchy in Negeri Sembilan. *International journal of management*, 11(12). <https://doi.org/10.34218/ijm.11.12.2020.138>
- Saleh, M. A. M., Wajis, N. R. N., & Sahid, M. M. (2017). Perwarisan Tanah Adat / Ulayat di Indonesia dan Malaysia Dalam Adat Perpatih: Satu Tinjauan Syarak. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–17. <https://doi.org/10.12816/0051380>
- Saksikan Rancangan Dialek Kita: Keunikan Dialek Negeri Sembilan. (n.d.). Wwww.youtube.com. Retrieved December 7, 2024, from <https://www.youtube.com/watch?v=TYMgc4sKzdc>
- Siti Zahra Yundiafi. (2003). *Antologi puisi lama Nusantara*.
- Tenas Effendy. (2010). *Teromba dalam masyarakat Melayu Riau*.
- TEROMBA. (2021, January 12). *TEROMBA*. YouTube. <https://youtu.be/LeF6LLXwQHI?si=B981kDQbl8MHJmaC>
- Tanah, dan. (2022, May 30). *Webinar Perpatih: Rumah dan Tanah Adat Lambang Maruah dalam Adat Perpatih*. YouTube. https://youtu.be/wEnR6Dy5Wvg?si=kTv_i2BOKunuKvR1
- The Fighting Art of Pencak Silat and its Music*. (2016). Brill. Universiti Putra Malaysia nilai budaya dalam cerita rakyat masyarakat orang asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia Mohd Fahmi Ismail fbmk 2017 47. (n.d.). Retrieved December 27, 2023, from <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/68423/1/FBMK%202017%2047%20IR.pdf>
- Yasraf Amir Piliang. (2004). *Semiotika Teks: Sebuah Pendekatan Analisis Teks*. 5(2), 189–198. <https://doi.org/10.29313/mediator.v5i2.1156>
- YouTube. (2025). Youtu.be. https://youtu.be/-b-G7UHK_C8?si=vBMnHCnW0IlW0c-8

YouTube. (2025). Youtu.be. <https://youtu.be/GiJsCkWTpD8?si=fK9rSJycZtzcL67h>

YouTube. (2025). Youtu.be.


<https://youtu.be/nNSEaxACmGs?si=7NnUzrBZCzpDmAuC>



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN